

# RAKAN Sarawak

SEPTEMBER - NOVEMBER 2006

RANGKAIAN KHIDMAT AWAM NEGERI SARAWAK

PPK 235/10/2007

Menarik Di Dalam

<b>State Secretary's View</b>	<b>3</b>
<b>Sematan ke Merapok</b>	<b>4</b>
■ Istimewanya Kuih Sepit Judan	<b>5</b>
■ Permintaan Tinggi Untungkan Pengusaha	<b>11</b>
<b>Sorotan Berita</b>	<b>11</b>
■ Pertandingan Open Source 2006 ... Platform Pakar ICT	<b>11</b>
■ Serahkan Bakat	<b>11</b>
■ Lembaga Lada Malaysia	<b>12</b>
■ Perkongsi Pinter Majukan Perniagaan Koperasi sekolah	<b>16</b>
<b>Feature</b>	<b>16</b>
■ Sejahtera Task Force	<b>17</b>
<b>Rencana</b>	<b>17</b>
■ Mengangani masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi Secara Membina dan Produktif	<b>26 &amp; 28</b>
■ Sepanjang Perjalanan : Menyusuri Rumah Panjang di Bintulu	<b>20</b>
<b>Pelaksanaan RMK9</b>	<b>22</b>
■ Usaha Kesinambungan Merealisasikan Transformasi dan dan Pertumbuhan Perindustrian	<b>24</b>
■ RMK9 - Halatuju dan Pendekatan Jabatan Pertanian Sarawak	<b>25</b>
<b>Komuniti</b>	<b>29</b>
■ Terokai Semua Peluang ... Misi Usahawan Tani Kampung Nyalau	<b>24</b>
■ Sangat Ikan Sumbang Pendapatan Kepada Peserta Projek Kampung Suyong	<b>25</b>
<b>Pengurusan Kualiti</b>	<b>29</b>
■ Inovasi Puteri Sejangang : Penghasilan Benih Ikan Secara Sistematis	<b>29</b>

## Membangunkan Perisian Berasaskan Sumber Terbuka: Lebih Mudah dan Menjimatkan

Penggunaan teknologi berasaskan sumber terbuka di Sarawak khususnya masih berada pada tahap rendah akibat kurangnya kesedaran dan pendedahan mengenai kemampuan teknologi berkenaan.

Sikap terlalu bergantung kepada perisian komersil yang sedia ada turut menyumbang kepada kurangnya penerimaan pengguna walaupun teknologi ini telah lama bertapak.

Jika ditinjau dari aspek lain, teknologi berasaskan sumber terbuka sebenarnya menyediakan satu lagi pilihan dalam teknologi

komunikasi dan maklumat (ICT) dengan memberikan banyak penjimatan kos.

Melaluinya, setiap pengguna boleh berkongsi kod sumber yang sama dengan percuma dan menyesuaikan mengikut citarasa dan kreativiti masing-masing.

Perkara ini diakui sendiri Timbalan Ketua Menteri Sarawak, YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam sewaktu merasmikan pertandingan *Open Source 2006* baru-baru ini (22 September 2006).

Beliau yang juga Menteri Pembedenan Pertanian dan Menteri Pembangunan Perindustrian turut mendedahkan banyak potensi yang

boleh dimanfaatkan melalui penggunaan teknologi berasaskan sumber terbuka tersebut.

"Ia adalah sesuai untuk diguna pakai dalam organisasi termasuk sektor awam terutama yang mempunyai sumber kewangan terhad", jelas beliau.

Katanya, apa yang diperlukan adalah sedikit dorongan dan galakkan kepada pencipta muda untuk secara kreatif menerokai teknologi berkenaan.

"Banyak hasil ciptaan golongan muda ini berpotensi diketengahkan, malah boleh melicinkan banyak urusan di organisasi

yang mempraktikkannya", tambah beliau.

Menurut beliau, kerajaan negeri sentiasa mengikuti perkembangan teknologi berasaskan sumber terbuka ini serta cuba mengaplikasikan dan mengguna pakai teknologi berkenaan.

Semua pihak termasuk di kalangan institusi pengajian tinggi dan golongan perniagaan diharap bukan sekadar menjadi pengguna malah berusaha membangun dan mempelbagaikan kegunaan teknologi berkenaan.

Tambah beliau lagi, terdapat banyak bidang yang belum diterokai

bersambung ke mukasurat 10

## 6 Kerajaan Negeri Rancang Strategi Percepat Pertumbuhan Ekonomi

Kerajaan negeri telah merancang enam strategi belanjawan bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi negeri yang diunjurkan sebanyak 5.8 peratus pada tahun hadapan berbanding sebanyak 5.5 peratus pada tahun ini.

Enam strategi belanjawan itu adalah membiayai lebih banyak projek pembangunan, meningkatkan sistem penyampaian dan pengurusan kewangan, menyediakan insentif kepada sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan, pemantauan rapi bagi perbelanjaan, belanjawan lebih dan menghadkan perbelanjaan operasi.

Bagi mencapai sasaran itu, kerajaan negeri telah mengenalpasti sektor perkhidmatan, pembuatan, perlombongan dan kuari serta komoditi sebagai sektor yang perlu

diberi tumpuan bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi negeri.

Demikian menurut, Ketua Menteri yang juga Menteri Kewangan, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2007) 2006 pada persidangan Dewan Undangan Negeri November lalu.

Beliau turut mengumumkan belanjawan lebih sebanyak RM96 juta untuk tahun 2007.

Sementara itu, perbelanjaan berulang dijangka susut sebanyak 9.3 peratus daripada RM1.158 bilion pada 2006 kepada RM1.050 bilion pada 2007.

Berkenaan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), kira-kira RM2.294 bilion adalah untuk perbelanjaan pembangunan dengan RM2.064 bilion dibiayai oleh kerajaan negeri, sementara RM230 juta akan dibiayai melalui pembayaran

semula Kerajaan Persekutuan dan pinjaman.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan akan dibelanjakan untuk perdagangan dan industri yang menguasai RM1.317 bilion (57 peratus), diikuti oleh sektor pengangkutan dan komunikasi RM261 juta (11 peratus), pentadbiran umum dan pembangunan bandar sebanyak RM221 juta (10 peratus), sektor pertanian dan pembangunan sebanyak RM180 juta (lapan peratus), utiliti sebanyak RM157 juta (tujuh peratus) dan pembangunan sosial dan perkhidmatan masyarakat sebanyak RM158 juta (tujuh peratus).


Perbelanjaan pembangunan bagi pentadbiran umum dan pembangunan bandar diperuntukkan sebanyak RM221 juta



## Program 5S Jabatan Perbendaharaan Negeri Diiktiraf

Sekalung tahniah kepada seluruh warga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS) di atas kejayaannya mendapat pensijilan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Negara (JPNS) baru-baru ini.

Majlis Penyampaian



Sijil Pengiktirafan 5S telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah NPC, Haji Abdullah Kassim kepada Encik Jumastapha Bin Lamat, Akauntan Negeri Sarawak.

Majlis itu telah disaksikan oleh Datuk Amar Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain, Setiausaha Kerajaan Negeri yang diwakili oleh timbalannya, Datuk Haji Mohd Morshidi Abdul Ghani di pejabat JPNS.

Dalam teks ucapan Datuk Amar Haji Abdul Aziz yang dibacakan oleh timbalannya, beliau menegaskan bahawa kualiti perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan melalui pelbagai cara dan salah satu daripadanya ialah melalui pendekatan konsep 5S.

Selain daripada mengenalpasti, mengurangkan dan menghapuskan pembaziran di tempat kerja, 5S juga membantu mewujudkan semangat kerjasama dalam organisasi.

Katanya, konsep 5S amat mudah untuk difahami dan dilaksanakan kerana ia hanya memerlukan pengetahuan umum, disiplin dan komitmen daripada pihak pengurusan.

Justeru katanya, tidak mustahil untuk semua agensi dan badan kerajaan melaksanakan 5S di organisasi masing-masing kerana JPNS telah membuktikannya dan telah banyak membantunya merangkul pelbagai anugerah dan pengiktirafan lain seperti ISO 9001 dan TQM (Total Quality Management).

Sementara itu, Encik Jumastapha dalam ucapan aluannya meluahkan perasaan puas hatinya dengan aktiviti 5S yang diusahakan oleh kakitangannya.

Melalui pengalamannya, 5S bukan sahaja telah menambah produktiviti kerja, malah menggalakkan semangat bekerja.

Pertandingan amalan 5S antara zon dalam organisasi pula telah membantu 5S diamalkan dengan konsisten dan sentiasa melalui proses penambahbaikan sepanjang masa.

### Info 5S JPNS

- ★ 5S merupakan konsep persekitaran kerja yang diperkenalkan di negara Jepun untuk meningkatkan kualiti persekitaran di tempat kerja. Ia bermakna 'sisi', 'susun', 'sapu', 'seragam' dan 'sentiasa amal'.
- ★ Program 5S JPNS dimulakan pada Mac 1996.
- ★ Kini ia dilaksanakan di semua pejabat JPNS (ibu pejabat dan 11 pejabat bahagian).
- ★ Polisi 5S JPNS - "Budaya 5S pemangkin ke arah Kecemerlangan Jabatan"



Datuk Haji Mohd Morshidi Abdul Ghani menyaksikan Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan 5S oleh Timbalan Pengarah NPC, Haji Abdullah Kassim kepada Jumastapha Bin Lamat, Akauntan Negeri Sarawak.

## Laman web Unit Pengurusan Sumber Manusia Terbaik 2006

Laman web Unit Pengurusan Sumber Manusia muncul Johan Pertandingan Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2006 dengan mengatasi 53 buah kementerian, jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun dan syarikat milik kerajaan yang telah dirangkaikan dengan SarawakNet.

Sementara Naib Johan disandang oleh Lembaga Kemajuan Bintulu sementara Syarikat SESCO Berhad di tempat ketiga.

Pejabat Daerah Kecil Pusa, Pejabat Daerah Mukah, Jabatan Tanah dan Survei serta Dewan Bandaraya Kuching Utara pula masing-masing mendapat hadiah suguhati.

Sementara itu, Johan Anugerah Pentadbir Laman Web telah dimenangi oleh En. Kamaruddin Mohammad dari Unit Pengurusan Sumber Manusia.

Tempat kedua dan ketiga pula dimenangi masing-masing oleh Pn. Maria Hj. Mersal dari Lembaga Kemajuan Bintulu dan Pn. Audrey Wee dari Syarikat SESCO Berhad.

Seperti pertandingan yang lalu, para pemenang juga telah melalui tiga peringkat penilaian iaitu di peringkat Jawatankuasa Penilai ICT, peringkat Panel Penilai ICT dan akhirnya melalui Ahli Panel Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain, Setiausaha Kerajaan Negeri.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang juga Menteri Pembangunan Industri dan Menteri Pembedenan Pertanian Sarawak serta Pengerusi State Information Technology and Resources Council (SITRC) di Kuching baru-baru ini.

Kriteria penilaian yang diteliti ialah tahap kandungan maklumat asas (seperti yang digariskan dalam garis panduan laman web agensi-agensi kerajaan negeri), tahap kandungan maklumat tambahan, kepekaan kepada kehendak pelanggan, tahap penggunaan hiperangkai dan aplikasi interaktif, mudah difahami dan konsep yang jelas, tahap kreativiti dan daya tarikan, mudah guna dan fleksibel, tahap keaslian, penggunaan teks versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta tiada pelanggaran undang-undang dan pematuhan kepada piawai.

Pertandingan laman web yang bertemakan 'Get IT' itu merupakan anjuran Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri.

Tujuannya untuk mewujudkan satu pertandingan yang sihat di kalangan agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam membangunkan laman web yang berinformatif,

bersambung ke mukasurat 11

## Tiada Lagi Kelewatan Urusan Surat-Menyurat Di Penjara Miri

Surat sampai lambat dan surat lambat diposkan sering kali menjadi masalah yang tiada penyelesaiannya di kebanyakan penjara di negara ini. Namun kini perkara ini mungkin tidak lagi berlaku dan Penjara Miri telah membuktikannya.

Buktinya dapat dilihat baru-baru ini apabila kebanyakan ibu banduan di Penjara Miri telah memberi sambutan menggalakkan dengan hadir melawat anak mereka sempena Hari Ibu. Semua itu terhasil dari pengurusan surat yang cekap yang membolehkan penerima mendapat surat atau kad ucapan lebih awal.

"Masalah ini sebenarnya telah memberikan idea kepada kami untuk menghasilkan sebuah projek yang benar-benar memberi manfaat kepada kami yang kami namakan "Projek mempercepat surat-menyurat banduan" yang dilaksanakan melalui platform Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), jelas TPP Wallace Ak Nawon.

Menurut TPP Wallace Ak Nawon, tugas mereka di penjara bukan sekadar menjaga banduan sahaja tetapi turut harus melaksanakan tanggungjawab sebagai agen perubahan dan dalam masa yang sama perlu juga menghormati hak mereka termasuklah mendapat layanan yang sewajarnya.

Untuk pelaksanaan projek ini, beberapa perbincangan antara pegawai penjara mengenai pendekatan menangani masalah (kelewatan surat) telah dilakukan dan hasilnya Sistem Pos Berpusat.

Menjelaskan lebih lanjut, menurut Wallace mengikut sistem yang baru diperkenalkan itu semua surat diedarkan ke blok-blok yang disediakan peti surat khas, jadi banduan yang ingin memohon surat hanya perlu secara lisan berjumpa dengan pegawai di blok dan seterusnya tapisan dibuat.

Berbanding dengan kaedah lama, jelasnya semua surat diletakkan di pejabat rekod sehingga menimbulkan masalah lambakan surat yang belum ditapis.

Yang menariknya mengenai sistem baru ini, ia tidak memerlukan pegawai tambahan kerana pegawai blok akan bertindak sebagai pegawai mel blok yang akan mengedar, mengambil dan membuat sendiri tapisan surat di blok mereka.

"Surat yang kita terima daripada peti surat yang dikategori tadi semua telah siap tapisan, cuma kita akan urus untuk pengeposan", tambah Wallace.

Ini pastinya menjimatkan masa kerana proses ini mampu mengelakkan banyak masa terbuang kerana memproses surat berulang kali seperti sebelum ini.

Katanya pihaknya bekerjasama dengan Pejabat Pos Miri bagi mengatasi masalah ini.

"Sebelum kami menghasilkan projek ini, kami telah melakukan beberapa penelitian dan kajian serta semakan dengan menghantar borang data ke kebanyakan institusi penjara lain di negara ini yang turut mengalami masalah yang sama", tambah Wallace.

Beliau berharap inovasi (surat-menyurat) bukan sekadar memenuhi salah satu keperluan dalam perjanjian Geneva tetapi lebih daripada itu ianya mampu mewujudkan satu suasana kerja baru dan menjadi suatu kebanggaan warga Penjara Miri.

Katanya melalui projek seumpama ini, secara tidak langsung idea pegawai diiktiraf yang pastinya timbul rasa bangga terhadap keupayaan mereka dengan sistem yang digunakan dari situ akan timbul rasa keseronokan bila bekerja.



TPP Wallace Ak Nawon



Peti Mel Berpusat, Inovasi terkini Penjara Miri tangani masalah kelewatan penghantaran surat. Kelihatan Dickson Bujang Ak Alban Baalan, Warden Penjara menunjukkan ciptaan ahli kumpulan KMK Matahari



Gambaran dekat inovasi Peti Mel Berpusat

## Politeknik Mukah Penuhi Hasrat Lahirkan Modal Insan Berkualiti

Kewujudan institusi-institusi pengajian tinggi berasaskan kemahiran teknikal, dilihat semakin penting pada hadapan disebabkan keperluan mendesak negara yang memerlukan lebih ramai pakar-pakar jurutera dan tenaga separa professional tempatan bagi menyokong pembangunan negara.

Sejajar dengan itu, kerajaan membelanjakan sejumlah besar wang serta menyediakan prasarana yang lengkap bagi memenuhi keperluan tersebut.

Begitu juga, dengan kewujudan beberapa buah politeknik sehinggalah kerajaan merancang untuk membina tujuh buah (politeknik) baru dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) bagi menambah 20 buah politeknik yang sedia ada.

Politeknik Mukah, antara Politeknik yang siap dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), memikul tanggungjawab besar dalam melahirkan lebih ramai graduan yang berkualiti serta berdedikasi disamping kedudukannya sekarang dalam Bahagian Mukah (sebuah bahagian baru) banyak menuntut kepada usaha proses penghasilan graduan yang mampu menyumbang secara tidak langsung kepada pembangunan Bahagian tersebut.

Apa yang membezakan politeknik dengan institusi pengajian lain ialah ia lebih memberi penekanan terhadap kemahiran, tanpa mengeneppikan aspek ilmu pengetahuan.

Sudah semestinya, kita perlu bergantung kepada kepakaran tempatan dan ini dapat dicapai dengan melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai kemahiran teknikal

Perkara ini turut disokong oleh Pengarah Politeknik Mukah, Tuan Haji Mordin Bin Mohammad yang berkata ini secara tidak langsung boleh menyokong ke arah pembangunan

modal insan berkualiti kerana mereka diajar untuk menguasai pelbagai kemahiran.

Katanya, graduan politeknik bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu pengetahuan secara teori malah mampu melaksanakan secara praktikal yang dipelajari.

"Kita akan pasti setiap graduan yang keluar akan memiliki kemahiran dan menjadi multi-skill", jelasnya

Mengambil kira kedudukan Politeknik Mukah, kerajaan menurutnya membuat keputusan tepat menempatkan politeknik di Mukah yang juga terletak dalam wilayah tengah yang bakal dimanfaatkan kebanyakan pelajar dari kawasan berhampiran seperti Sibul, Bintulu dan Sarikei.

Kewujudan politeknik turut memberi banyak peluang kepada pelajar tempatan khususnya untuk mengikuti pengajian di sini.

Dengan kelengkapan dan kemudahan yang disediakan, Politeknik Mukah Sarawak adalah antara politeknik yang serba lengkap atau terunggul di Malaysia.

Mengenai kemudahan teknologi maklumat (IT), kebanyakan kawasan politeknik ini turut mempunyai liputan "wireless" bagi memudahkan mereka mengakses internet.

Reka cipta politeknik juga mengambil kira keperluan masa hadapan, yang mampu menampung sehingga 4,000 orang pelajar dalam satu-satu masa. Setakat ini, seramai 3,200 orang pelajar yang menggunakan kemudahan Kamsis untuk tujuan tersebut.

Ia turut dilengkapi yang kemudahan sukan yang terkini antaranya seperti tujuh (7) buah padang permainan untuk sukan Hoki, Futsal, Bola Sepak, Rugby,



Tuan Haji Mordin Bin Mohammad

Bola Jaring, Bola Tampar dan Sukan Takraw. Ia juga mempunyai sebuah gimnasium dan tiga (3) buah gelanggang sukan untuk Tenis, Squasy dan Badminton

Setelah setahun (beroperasi di tapak baru pada 26 Julai 2005), sehingga kini (2006) terdapat seramai 619 orang pelajar sedang mengikuti pengajian di sini.

Setakat ini, antara kursus yang mendapat sambutan yang menggalakkan ialah Kursus Kejuruteraan Awam (Peringkat Sijil) dengan 178 orang pelajar manakala Teknologi Maklumat, dengan 168 orang pelajar

Selebihnya dengan Sijil Pengurusan Perniagaan (143 orang pelajar), Sijil Kejuruteraan Mekanikal (45), Diploma Kejuruteraan Awam (45) dan Diploma Teknologi Maklumat (Pemprosesan).

Namun jumlah kapasiti pelajar dijangka meningkat sepenuhnya pada tahun 2010 apabila pelbagai kursus lain ditawarkan yang dibuka secara berperingkat-peringkat.

Setakat Julai 2006, pengajian yang ditawarkan pada peringkat sijil ialah Sijil Kejuruteraan Awam (SKA), Sijil Kejuruteraan Mekanikal (SKM), Sijil Pengurusan Perniagaan (SPP) dan Sijil Teknologi Maklumat (SIT).

bersambung ke mukasurat 13



Prasarana pendidikan lengkap yang disediakan kerajaan ini sebahagian daripada usaha penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi

Proses penempatan kelengkapan peralatan di blok-blok pengajian dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2007

## Setiausaha Persekutuan Sarawak Luangkan Masa Sehari Melawat ke Perkampungan Nyalau, Bintulu

Kunjungan oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak YBhg. Tuan Haji Ngah Bin Senik berserta dengan ahli rombongan dari Kuching ke Kampung Nyalau Ulu dan Nyalau Kuala pada tarikh 14 September 2006 lalu sudah pastinya mencoretkan kenangan dan sejarah kampung yang tersendiri.

Bagi Tuan Haji Ngah Bin Senik, ini merupakan kunjungan yang pertama kalinya ke Kampung Nyalau Ulu dan Nyalau Kuala. Turut hadir sama semasa kunjungan ini ialah Encik Ibrahim Othman, Ketua Penolong Pengarah (Pemantauan) di Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Kuching.

Encik Ibrahim sebelum berpindah ke Pejabat

Pembangunan Negeri Sarawak, Kuching sempat bertugas selama tiga tahun di Pejabat Residen Bintulu.

Ketibaan ahli rombongan pada jam 11.55 pagi telah disambut oleh beberapa orang penduduk kampung Nyalau Ulu berserta dengan Ahli Jawatankuasa JKKK Kampung yang dipengerusikan oleh TK Haji Sabtu Bin Bunut.

SAO Peleadzman Ahip dari Pejabat Residen, Bahagian Perancangan & Pembangunan turut hadir bagi mengiringi ahli rombongan Setiausaha Persekutuan Sarawak.

Setibanya di Dewan Pudayan, Kampung Nyalau Ulu, ahli-ahli

rombongan telah dijemput untuk berehat sambil menikmati juadah istimewa iaitu makan "Buah Raja". Dalam bahasa tempatan iaitu Bahasa Ba'ie, Buah Raja



YBhg. Tuan Haji Ngah Bin Senik Setiausaha Persekutuan Sarawak sedang meninjau salah satu daripada beberapa buah simpang jalan yang menyambungkan jalan utama dalam kampung ke rumah salah seorang dari penduduk Kampung Nyalau Ulu

# Mukah Sedia Laksana

## Konsep Zon Pengeluaran



Seluruh tenaga kerja Jabatan Pertanian di Bahagian Mukah kini bersedia untuk melaksanakan konsep zon pengeluaran pertanian seperti yang dikehendaki oleh kerajaan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Konsep itu amat perlu bagi memajukan sektor pertanian agar ia menjadi satu sektor yang progresif, kompetitif dan dapat menampung keperluan makanan penduduk negara tanpa perlu banyak bergantung kepada produk makanan import.

Ketika ini, pertanian merupakan aktiviti ekonomi utama penduduk di Bahagian Mukah memandangkan kira-kira 67 peratus daripada tenaga kerja di bahagian berkenaan terlibat dalam sektor pertanian.

Menurut En. Kairulnieza Waynie, Penolong Pegawai Perikanan Bahagian Mukah, pelaksanaan sistem zon bagi keluaran pertanian seperti akuakultur, tanaman, ternakan dan integrasi ladang akan memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada pengusaha, malah memudahkan fokus jabatan dari segi penyampaian dan pelaksanaan dalam memberi bantuan serta perkhidmatan di sesebuah kawasan.

Katanya, sistem itu juga akan mewujudkan kakitangan jabatan yang pakar dalam bidang masing-masing kerana penempatan pegawai dan kakitangan pelbagai agensi pertanian adalah berasaskan kepada pengezonan kawasan pengeluaran ataupun produk yang dihasilkan.

Kerajaan negeri turut meletakkan Bahagian Mukah sebagai sasaran pembangunan projek akuakultur di dalam RMK9. Antara produk akuakultur yang akan akan diusahakan ialah ikan siakap, udang galah dan ketam di kawasan tepi laut dan bakau di Tanjung Manis. Seluas kira-kira 500 hektar kawasan untuk pembangunan zon industri akuakultur telah dikenalpasti di situ untuk pelaksanaan pelbagai projek akuakultur.

Untuk tahun ini sahaja, sejumlah RM150 ribu telah diperuntukkan bagi Bahagian Mukah membangunkan projek akuakultur sementara RM50 ribu lagi bagi skim bantuan makanannya.

Sementara itu, En. Kadir Jabar, Penolong Pegawai Pertanian Daerah

Mukah pula beranggapan bahawa sistem zon itu akan memudahkan penggunaan tanah mengikut kesesuaiannya. Bagi Daerah Mukah, sesebuah zon mempunyai kawasan seluas kira-kira 50 hektar.

Misalnya, sebahagian besar dari Bahagian Mukah mempunyai tanah yang diklasifikasikan sebagai organik atau 'histosols' dalam istilah taksonomi tanah. Ia amat sesuai untuk tanaman sagu, kelapa sawit dan nenas. Keadaan fizikal tanahnya yang kurang berbukit juga memudahkan usaha berskala besar.

Katanya, Jabatan Pertanian



Kawasan Tanjung Manis dikenalpasti untuk pembangunan akuakultur

Batang Balingian.

Berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Bahagian Mukah (2006-2010), pada penghujung RMK9 Bahagian Mukah dirancang akan mempunyai tanaman kelapa sawit seluas 243,053.57 hektar (79.2 peratus), sagu seluas 53,538 hektar (17.45 peratus), padi seluas 9,158 hektar (2.98 peratus), akuakultur seluas 99.15 hektar (0.04 peratus) dan nenas seluas 1,000 hektar (0.33 peratus).

Jika tercapai bermakna kira-kira 45 peratus daripada keluasan Bahagian Mukah telah diperuntukkan untuk pertanian dan perladangan yang menjana serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi penduduknya.

### Fakta Insentif Bantuan RMK9

- Projek pembangunan industri buah-buahan untuk membangunkan dusun yang ada kepada dusun komersil berjumlah RM6,000 sehektar
- Projek pembangunan kelapa untuk pemulihan semula kawasan kelapa berjumlah RM2,500 satu hektar
- Projek pembangunan industri sayur-sayuran dan tanaman ladang berjumlah RM6,000 sehektar
- Ladang organik bagi tanaman sayur organik ialah RM8,000 sehektar
- Projek pembangunan taman kekal pengeluaran makanan berjumlah RM20,000 sehektar
- Pembangunan industri komoditi berpotensi seperti rempah ratus, herba dan sebagainya diberi RM5,000 sehektar
- Industri bunga-bunga berjumlah RM40,000

(Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia)



Kelapa pandan amat sesuai ditanam di kawasan Sg. Liuk

turut mengambilkira faktor kemudahan jalan yang dikatakan amat penting bagi memudahkan limpahan hasil pertanian keluar. Antara yang sedang dalam perancangan ialah projek penanaman tembikai di sepanjang Jalan Mateding sehingga ke Kingwood Hotel.

Jika dilaksanakan kelak, para pengusaha akan lebih mudah menghantar hasil mereka untuk dijual.

Di samping itu katanya, konsep pengezonan itu juga akan memudahkan kemunculan aktiviti industri hiliran seperti pengawetan atau penghasilan produk sampingan daripada keluaran pertanian.

Sebenarnya melalui konsep pengezonan itu pihak industri akan berasa lebih yakin dengan bekalan bahan mentah secara berterusan bagi industri mereka.

Ketika ini, beberapa kawasan di Bahagian Mukah telah dikenalpasti untuk pelaksanaan konsep zon. Tanaman padi sesuai di kawasan Bruit, Daro dan Matu, kelapa pandan di kawasan Sg. Liuk, limau manis di Lubuk Bemban, nenas di Dalat, kelapa sawit di seluruh bahagian, sagu di Mukah dan Dalat, dan akuakultur di Tanjung Manis, Batang Lassa dan

dikenali sebagai *Ong Bukek* (*Ong* bermaksud buah iaitu Buah Bukek). Selain itu, Durian Raja juga dikenali sebagai Durian Pulo, Durian Pakun



YBhg. Tuan Haji SUP diiringi oleh SAO Jeffrey dan TK Haji Sabtu Bin Bunut melalui laluan pejalan kaki bersimen ke terjun Sungai Begiam

(Bahasa Melayu sebelah Kuching), atau *Buah Nyekak* dalam bahasa kebiasaan.

Tujuan lawatan oleh YBhg. Tuan Haji Ngah Senik,

berserta ahli-ahli rombongan Ahli Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan RMK-9 Persekutuan adalah untuk melawat Projek Jalan Simen di bawah peruntukan Projek Infrastruktur Asas Luar Bandar (PIAS) di Kampung Nyalau Ulu.

Di bawah peruntukkan tersebut, Kampung Nyalau Ulu telah diberi peruntukan sebanyak RM200 ratus ribu untuk membina jalan simen yang menghubungkan rumah-rumah di kawasan sekitar dengan jalan utama dalam kampung.

Setelah selesai mengadakan tinjauan ke atas projek jalan simen tersebut, Tuan Haji Ngah Senik seterusnya dibawa oleh penduduk kampung untuk berkunjung ke lokasi air terjun Begiam yang terletak lebih kurang 1

km dari Dewan Pudayan, Kampung Nyalau Ulu, Bintulu.

Air Terjun Begiam adalah antara lokasi dan produk pelancongan yang cukup menarik terdapat di Kampung Nyalau Ulu. Menurut ketua Kampung, Haji Sabtu Bin Bunut, ramai pengunjung yang bertandang ke air terjun tersebut pada musim hujung minggu.

Setelah penat berjalan melihat hasil projek jalan serta meninjau keadaan sekitar di lokasi air terjun Begiam, ahli rombongan seterusnya dijemput untuk menikmati jamuan tengahari di Dewan Pudayan

Selesai jamuan tengahari di Dewan Pudayan, destinasi seterusnya ialah berkunjung ke Taman Riadah Mini Nyalau iaitu tapak Kolam Ikan yang diusahakan oleh salah seorang anak muda Kampung Nyalau Ulu. Semasa membuat kunjungan ke tapak

bersambung ke mukasurat 24 ▶

State Secretary's OFFICE



## Bekerja Secara Kolektif Meningkatkan Tahap Perkhidmatan

Perdana Menteri sering kali memberi penekanan terhadap betapa pentingnya prestasi perkhidmatan awam dipertingkatkan. Beliau sentiasa memberikan ingatan kepada penjawat awam agar berusaha mengurangkan kerana birokrasi; membanteras rasuah dan salah guna kuasa; melayani pelanggan dengan cara berhemah, berbudi-bahasa dan bersopan-santun; mempunyai sikap ingin membantu dan menolong; mempercepatkan proses membuat keputusan; serta meningkatkan integriti anggota-anggota perkhidmatan.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap juga perlu, bagi memenuhi tuntutan rakyat dan masyarakat pemiagaan yang terus meningkat.

Kita bukan hanya memberi khidmat, malah juga penerima khidmat. Dalam urusan seharian, kadang kala kita sendiri berurusan dengan jabatan dan agensi Kerajaan. Kalau kita mahukan perkhidmatan yang cekap, kita harus terlebih dahulu memberikan perkhidmatan yang sama.

Apabila secara kolektif kita meningkatkan tahap perkhidmatan, manfaatnya akan dinikmati oleh kita juga. Sehubungan itu, marilah kita membuat suatu perubahan yang positif bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam agar lebih efisien, profesional dan cemerlang.

Setakat ini, realitinya rakyat dan para pelanggan masih memandang sistem perkhidmatan awam negara ini merimaskan; dikongkong birokratik; tidak berorientasikan pelanggan walaupun terdapat Piagam Pelanggan; dan urusan pemproses yang lembap di kebanyakan jabatan dan agensi Kerajaan.

Pihak Biro Pengaduan Awam juga melaporkan bahawa antara rungutan dan aduan paling kerap yang dilaporkan oleh orang ramai ialah terhadap jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak memaklumkan status sesuatu permohonan yang telah dihantar. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh, dan perlu diberi perhatian yang serius.

Selain itu, Ketua-ketua serta pegawai-pegawai kanan di jabatan dan agensi Kerajaan perlu meningkatkan usaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan-amalan masa kini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing. Ini termasuk mengkaji semula sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan, serta tahap kemahiran anggota organisasi yang melaksanakan tugas.

Untuk itu adalah amat wajar sekiranya penggunaan ICT dimaksimumkan. Penggunaannya yang bersesuaian berupaya memberi manfaat dalam meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan. Sistem dan aplikasi ICT yang dibangunkan berupaya memendekkan masa penyampaian perkhidmatan, mudah dan sentiasa boleh dicapai oleh pelanggan serta tidak membebaskan semua peringkat pengguna dengan mengambil kira perkhidmatan utama yang boleh disampaikan melalui ICT berpandukan kehendak dan ekspektasi pelanggan.

Dalam masa yang sama, Ketua-ketua jabatan dan agensi perlu rajin 'turun ke padang' serta memantau usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi memastikan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan adalah menyeluruh dan meluas hingga ke akar umbi.

Untuk mencapai tahap kecemerlangan sesebuah agensi sebenarnya bukan bergantung pada kecekapan segelintir warganya sahaja. Sebaliknya ia memerlukan semua warganya bersama-sama berganding bahu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

Oleh itu, adalah penting setiap warga penjawat awam sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan diri masing-masing di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Oleh yang demikian adalah amat penting setiap dari kalangan kita memberikan komitmen penuh ke atas semua perancangan serta pelaksanaan program latihan yang telah disediakan.

Dalam masa yang sama kita perlu berusaha berterusan menimba ilmu selaras dengan dasar Kerajaan yang menekankan falsafah pembelajaran sepanjang hayat atau *life-long learning*, sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

Antara cabaran utama bagi warga perkhidmatan awam pada hari ini, adalah untuk menukar cara bekerja dari menjalankan tugas-tugas yang rutin kepada peranan yang lebih besar sebagai *Knowledge Workers*, yang sentiasa kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru, mampu meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku, dan berani membuat pertimbangan dan keputusan, serta sanggup menghadapi risiko.

Untuk itu kata-kata hikmah daripada Imam Ghazali, "Manusia akan dihormati bukan kerana kekuatan dirinya, tetapi kerana ilmunya," seharusnya terpatut kukuh di sanubari kita.

Peralihan kepada cara bekerja yang lebih mencabar ini, sudah tentu memerlukan kemahiran dan pengetahuan baru.

Antara kemahiran yang perlu dipupuk di kalangan anggota perkhidmatan awam ialah kemampuan untuk mengolah atau menganalisis maklumat. Kemahiran ini akan membolehkan kita bertindakbalas dengan lebih yakin, tegas dan cepat, selaras dengan perkembangan pesat yang berlaku di sekitar kita.

Perubahan ke atas pendekatan dan cara bekerja ini sudah tentu memerlukan kesediaan bukan sahaja dari segi fizikal tetapi yang lebih penting adalah kesediaan dari segi mental.

Dalam era ICT masa kini, data, fakta dan pengetahuan begitu cepat menjadi lapuk. Maka kemahiran perlu sentiasa diperbaharui dan ditingkatkan untuk memastikan kemahiran yang ada, sentiasa seiring dengan perkembangan semasa.

Selain itu, adalah penting bagi kita membina keazaman untuk terus menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran, agar perkhidmatan awam terus berada di hadapan, serta memberi hala tuju kepada rakyat dan Kerajaan ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara.

## Koperasi Sekolah Menengah Sains Miri Penuhi Keperluan Ahli

Sebut sahaja tentang koperasi sekolah pasti ramai akan membayangkan pelbagai jenis barang yang dijual untuk keperluan harian warga sekolah.

Tetapi, di kebanyakan sekolah, mungkin jenis barang serta perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan tidak memenuhi keperluan para pelajar sepenuhnya.

Kadaan itu menyebabkan mereka perlu keluar dari kawasan sekolah untuk mendapatkannya.



Kelihatan sebahagian daripada barangan jualan di belakang kaunter

Namun, keadaan yang berbeza bagi Koperasi Sekolah Menengah (SM) Sains Miri Berhad kerana keperluan harian pelajarannya hampir lengkap disediakan.

Ini kerana kesemua pelajarannya adalah pelajar asrama yang datang dari serata pelusuk negeri dan jarang balik menemui keluarga.

Tambahan pula para pelajar yang terdiri daripada ahli koperasi boleh membuat saranan kepada rakan-rakannya yang terlibat dalam pengurusan harian koperasi untuk

mendapatkan jenis barang yang mereka kehendaki.

Atas sebab itu, lebih ramai pelajar SM Sains Miri yang lebih suka berurusan atau membeli barangan keperluan mereka di koperasi sekolah.

Malah dengan tawaran bo-

nus serta dividen tahunan yang akan mereka peroleh saban tahun turut menggalakkan mereka untuk berurusan di koperasi.

Menurut En Linggi, Setiausaha Koperasi SM Sains Miri, manfaat yang diperoleh daripada sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi telah banyak membantu mendidik nilai keusahawanan di kalangan pelajar sekolah terutama cara mengurus kewangan dan masa.

Umpamanya, baru-baru ini koperasi sekolah telah mengadakan sebuah pertandingan 'Perintis' bersempena Minggu Koperasi Sekolah.

Dalam program itu, setiap kumpulan yang terdiri daripada empat pelajar diberikan sejumlah RM40.00 dan mereka bebas menjual barang, mempromosi

dan mengaut seberapa banyak pendapatan daripada modal yang diberikan.

Kumpulan yang berjaya memperoleh keuntungan tertinggi menjadi juara.

Sementara itu, Cik Tan Lee Fah, Bendahari Koperasi sekolah pula berpendapat bahawa pergerakan koperasi di sekolah amat bergantung

dengan cara dan sokongan pengurusan koperasi. Pengurusan yang cekap akan membantu menggerakkan keseluruhan organisasi untuk mencapai matlamat bagi membantu ahli-ahlinya.

Sehubungan itu, dedikasi terhadap masa, minat dan usaha amat diperlukan daripada semua pihak termasuk pelajar yang terlibat dengan pengurusan koperasi.

Sungguhpun penglibatan penuh para pelajar digalakkan, pihak sekolah sentiasa memantau prestasi akademik pelajar yang terlibat bagi



Cikgu Linggi, Setiausaha Koperasi



memastikan pendidikan mereka tetap menjadi keutamaan.

### Pencapaian

Pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2005, Koperasi SM Sains Miri Berhad berjaya mencatatkan keuntungan bersih RM11,185.31 dengan keuntungan kasar sebanyak RM21,281.39 (17 peratus).

Sungguhpun perkhidmatan fotostat yang disediakan untuk ahli mencatatkan kerugian sebanyak RM2,419.88, namun perkhidmatan ini tetap diteruskan demi keperluan ahli-ahlinya. Kerugian disebabkan oleh susut nilai dua mesin fotostat dan kos penyelenggaraan yang tinggi.

bersambung di mukasurat 5

## Istimewanya... "Kuih Sepit" Judan

Sebut sahaja kawasan Mukah sering terlintas difikiran kita tentang Tebaloi, Namun tahukah anda ada satu lagi produk Makanan dari Mukah yang tidak kurang enaknyanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan?

Produk yang dimaksudkan itu ialah kuih sepit dan jika anda berkunjung ke Mukah, maka jangan lupa singgah di Kampung Judan.

Di kampung ini terdapat pengeluaran kuih sepit yang dikatakan menggunakan resepi asli masyarakat Melanau dan diakui ramai akan keenakannya.

Anda pasti merasa "kelainan"nya kerana menurut penduduk di sini, kuih sepit kampung ini berbeza sebab rasanya yang lebih asli dan ranggup.

Rahsianya terletak pada ramuan yang digunakan iaitu tepung sagunya dan sedikit bijan. Anda boleh menikmati rasa "lebih" ramuan tersebut dalam setiap kuih sepit yang dihasilkan. Daya penarik lain ialah ia bersaiz yang kecil yang memudahkan ia dimakan.

Malah penulis sendiri dapat merasakan perbezaan ketaranya jika dibandingkan dengan rasa kuih sepit lain yang turut diusahakan oleh kebanyakan industri desa di negeri ini.

Puan Raani Bt Tusup, salah seorang wanita di kampung tersebut yang juga Pengerusi

bagi Projek Kuih Asli berkata projek membuat kuih sepit ini sering mendapat sambutan yang menggalakkan terutama ada pembeli yang sanggup datang dari Bintulu dan Sibu hanya untuk mendapatkan bekalan kuih sepit dari mereka. Sebabnya tidak lain, kerana kesedapannya.

Faktor tersebut juga antara sebab mengapa projek kekal sehingga ke hari ini, malah pengeluarannya juga ditingkatkan. Secara purata penjualan sebulannya mencecah ke nilai RM800, malah ada ketikanya



Tenaga penggerak, perkumpulan wanita (Puan Raani Bt Tusup, barisan 4 dari kiri) bersama 6 orang pekerjanya disebalik kejayaan projek Kuih Sepit

sekiranya musim perayaan mereka boleh mendapat sehingga ke RM1,000.

Pasaran tempatan mereka



Menyelerakan...keaslian Kuih Sepit Kampung Judan menjadikan ia begitu unik di kalangan penduduk di Mukah

pula, datangnya dari Bandar Mukah, disamping ada pembeli dari Matu/Daro, Dalat dan Balingian.

Jelasnya, projek yang dimulakan sejak tahun 1993 melalui program Jabatan Pertanian (Unit Pembangunan Ekonomi Wanita) atau WEDA secara tidak langsung telah menjana tambahan kepada kaum wanita di sini selain kegiatan pertanian.

Kepercayaan terus diberi kepada Raani bersama Masnona Bt Usup, Sapiyah Bt Seruji, Jamayah Bt Uran, Fatimah Bte Abdullah, Rakbah Bt Ahmad, Hamiah Bt Ahmad, Oraiah Hj Bohari apabila ia diserahkan sepenuhnya kepada mereka pada tahun 2004.

Sehingga penghujung tahun



Puan Raani Bt Tusup

2005, sejumlah hampir RM40,000 diperolehi melalui usaha tersebut.

Menurut Raani, disebabkan permintaan yang menggalakkannya mereka terpaksa membahagikan tenaga kerja kepada dua (2) kumpulan dengan setiap kumpulan terdapat empat (4) orang ahli.

Setiap kumpulan tersebut juga akan bekerja berselang seli hari bagi memenuhi permintaan daripada pelanggan.

Ini menurutnya, disebabkan kemudahan peralatan membuat kuih sepit yang agak terhad. Pihaknya juga akan "turun" bekerja pada hari Ahad, sekiranya terdapat permintaan pelanggan.

Kebanyakan harga kuih sepit dijual berdasarkan saiz tin daripada serendah RM5 hinggalah paling tinggi RM49 di samping turut dijual pelbagai saiz bungkusan.

Jelas Raani, kebanyakan pekerja yang semuanya terdiri daripada wanita begitu bangga menjalankan projek kuih sepit, kerana

pada masa yang sama mereka mengekalkan tradisi budaya ini, dengan cara mempopularkan produk makanan.

Kadaan ini menurutnya adalah cara paling mudah untuk memperkenalkannya kepada generasi muda agar terus diminati.

Dia mengakui beberapa perkara seperti aspek pembungkusan di samping promosi boleh dipertingkatkan lagi bagi menarik lebih ramai pelanggan.

Lokasi Kampung Judan yang strategik iaitu terletak kira-kira 8 km dari Bandar Mukah dengan jaringan jalanraya yang lebih baik juga mampu menyediakan kelebihan kepada kampung ini dari segi pasaran produknya.



Peralatan yang mencukupi memudahkan pengeluaran besar-besaran produk kuih sepit

## 'Terusan Balingian'

Dibina dengan Tulang Empat Kerat

"Ini sungai apa pakcik?", tanya penulis kepada Penghulu Shahdan.

"Ini bukan sungai tapi parit." "Parit? Tapi nampak macam terusan."

Penulis bagaikan tidak percaya dengan jawapan Penghulu Shahdan. Akan tetapi itulah kenyataannya apabila parit buatan manusia boleh membesar menjadi saiz terusan.

Ia benar-benar wujud di Kampung Lintang dalam Daerah Kecil Balingian, Mukah.

Menurut Penghulu Shahdan bin Shaari, parit di Kampung Lintang itu



Terusan Balingian semakin melebar akibat hakisan di bahagian tebingnya

pada asalnya merupakan sebuah laluan perahu yang mula dibina oleh penduduk kampung sekitar tahun 1930-an. Pada ketika itu hanya sebuah perahu sahaja dapat melalui parit berkenaan.

Tujuannya adalah bagi memendekkan jarak perjalanan menggunakan perahu untuk mengelilingi sebuah tanjung di Batang Balingian yang melalui kampung tersebut.

Pembinaannya pada ketika itu hanya menggunakan tenaga manusia iaitu beralatkan cangkul dan tangan.

Kejadian alam semulajadi seperti hujan lebat dan sungai bah turut membantu mengikis tebingan parit sehingga lama-kelamaan ia semakin membesar dan mendalam seterusnya membolehkan perahu berenjin bot melaluinya pada tahun 1960-an.

Bermula ketika itu juga, parit berkenaan telah menjadi laluan utama penduduk kampung oleh

kerana ia mampu menjimatkan masa dan jarak perjalanan menggunakan perahu.

Menurut En. Daini Dairi, kakitangan Pejabat Daerah Kecil Balingian, parit yang sepanjang kira-kira 120 meter itu mampu mengurangkan masa perjalanan kepada dua minit sahaja jika menggunakan enjin bot 20 kuasa kuda berbanding tujuh minit jika mengelilingi tanjung.

Kelebarannya pula dianggarkan kira-kira 20 hingga 40 kaki.

Hari demi hari tebingan parit itu akan terus melebar kerana dihempas oleh alunan

ombak kecil yang dihasilkan oleh perahu para penduduk kampung.

Sungguhpun berubah saiz seakan sebuah terusan, nama Parit Kampung Lintang lebih sinonim dan akan terus kekal sebagai identiti bagi kampung berkenaan.



Penduduk tempatan kini perlu menggunakan jambatan untuk menyeberangi terusan

# Permintaan Tinggi Untungkan Pengusaha



Rasanya seakan ayam kampung tetapi saiz serta rupanya mirip ayam daging. Demikian keistimewaan ayam daging kacukan iaitu sejenis ayam yang terhasil dari kacukan ayam kampung dan ayam daging.

Justeru tidak menghairankan apabila harganya lebih tinggi berbanding ayam daging yang biasa terdapat di pasaran. Di Bintulu harga pemborong adalah kira-kira RM10 sekilogram berbanding kira-kira RM4.50 bagi ayam daging.

Agak mahal tetapi peminatnya tetap ada dan sentiasa mendapat permintaan.

Demikian menurut En. Mamat Juna, 53 tahun, salah seorang pengusaha ayam daging kacukan yang beroperasi di Batu 15 Jalan Bintulu-Miri.

Beliau merupakan salah seorang peserta di bawah program ternakan komersil anjuran Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Bintulu.

Katanya, setiap hari sejumlah kira-kira 30 hingga 60 ekor ayam yang dibawanya ke Pasar Tamu Bintulu menggunakan van laris dibeli pelanggan.

Jelasnya, sebelum pukul 10 pagi lagi beliau sudah pulang dari Pasar Tamu kerana biasanya stok yang dibawa telah habis dibeli pelanggan.

Sesampai di rumah beliau akan menguruskan hal-hal lain di reban ayam yang terletak berhampiran dengan rumahnya termasuk memberikan makanan dan membersihkan reban.

Menurutnya, perbelanjaan makanan ayamnya mencecah RM200 sehari (tiga guni). Selalunya beliau akan membeli makanan secara pukal daripada pemborong.

Pada sebelah petang pula, En. Mamat menguruskan kebun sayur (pelbagai jenis sayur daun) dalam kelambunya yang seluas kira-kira setengah ekar terletak berhampiran rumahnya.

Kebun sayur beliau ini mampu menghasilkan sejumlah kira-kira 2,000 kilogram sebulan.

En. Mamat memulakan usaha memelihara ayam kacukan ini sekitar tahun 1997 dan 1998 iaitu dengan mengusahakan satu reban yang memuatkan kira-kira 200 ekor ayam. Anak ayam kacukan itu pula diperoleh dari Karambungan dengan harga RM0.60 seekor.

Walau bagaimanapun, minatnya untuk membesarkan usahanya memelihara ayam daging kacukan meningkat setelah beliau mendapat pelbagai maklumat tentang bantuan yang ada disediakan Jabatan Pertanian ketika menghadiri kursus anjuran jabatan itu di Stesen Pertanian Karambungan,



En. Mamat Juna memegang ayam kacukan yang telah dewasa

Miri.

Beliau kemudiannya memohon bantuan pada tahun 2000 untuk membesarkan usahanya melalui program ternakan komersil.

Tanpa sebarang masalah, En. Mamat telah diberi bantuan dalam bentuk satu unit reban ayam yang bersamaan dengan RM10,000.

Hari ini En. Mamat memelihara kira-kira 3,000 ekor ayam bagi satu-satu pusingan. Ayam ternakannya itu diletakkan dalam empat reban mengikut usianya bagi memudahkan pengurusan stok jualan.

Setiap pusingan ayam kacukan adalah kira-kira 70 hari sebelum dapat dijual. Pada ketika itu setiap ayam daging kacukan mencapai berat antara satu setengah sehingga dua kilogram.

Dengan bantuan serta sokongan ahli keluarga, En. Mamat akan meneruskan usahanya dan berkeyakinan usahanya akan terus berdaya maju pada masa hadapan.

Penghargaan: Encik Lawrence Mamat, Pembantu Pertanian Bahagian Bintulu



Anak ayam dijaga dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan masalah penyakit



Ayam dewasa ditempatkan di reban berasingan bagi memudahkan pengurusan jualan



Dia juga mengusahakan kebun sayur dalam kelambu

## "Koperasi Ini Diusahakan Oleh Kami, Untuk Kami"

Setiap anggota Koperasi SMK Dato Permaisuri (SMKDP) Miri Bhd. kini berasa cukup bangga dan yakin dalam mengabarkan berita pencapaian mereka kepada koperasi-koperasi lain yang ada di negeri ini.

Usaha hampir tiga puluh tahun, sejak penubuhan koperasi itu pada tahun 1978 kini semakin menampakkan hasil sungguhpun pernah pada suatu ketika hampir lumpuh dan tidak bernyawa dalam perniagaannya.

Namun ia tidak menghalang mereka untuk meneruskan usaha sehingga generasi demi generasi kakitangan dan pelajar sekolah telah mendapat manfaat daripada penubuhan dan aktiviti mereka.

Kini mereka terus memandang ke hadapan dan semakin berani mengembangkan sayap

kerana ini menjadi pendorong serta pencetus semangat bagi seluruh warga sekolah memajukan gerakan Koperasi SMKDP Miri Bhd. Latar belakang Koperasi SMKDP Miri Bhd.



Penolong Kanan 1, Pn. Grace Yaman menjelaskan tentang pergerakan koperasi di sekolah mereka

ditubuhkan pada 24 Januari 1978. Pada ketika itu ia dikenali dengan nama Koperasi SMK Bahasa Malaysia Miri Bhd. yang kemudiannya ditukar namanya seperti pada hari ini pada 25 Mac 2002.

Pada asalnya, koperasi ini hanya sebuah koperasi kecil yang menjual alat tulis dan kelengkapan asas pelajar asrama, sehinggalah pada tahun 1997, apabila ia mempunyai premis yang tetap serta lebih besar.

Dengan sokongan daripada pihak pengurusan sekolah, bermula pada tahun itu juga kerja-kerja pengubahsuaian dan pembesaran premis mula dilaksanakan.

Setahun selepas itu, pihak koperasi sekolah telah menetapkan komisen sebanyak 20 peratus daripada pembekal-pembekal makanan yang menghantar barangan mereka untuk dijual oleh pihak koperasi.

Era tahun 2000 sehingga kini juga menyaksikan beberapa transformasi kepada aktiviti perniagaan koperasi.

Antaranya ialah sistem sewaan tapak yang diperkenalkan pada tahun 2004 dengan menyediakan ruang niaga untuk disewakan kepada pengusaha-pengusaha makanan dengan kadar sebanyak RM2,500 sebulan.

### Keanggotaan

Keahlian : 1807 anggota (Pelajar - 1,728 orang dan Kakitangan - 79 orang)

Saham maksimum : RM500.00 bagi seorang guru dan kakitangan sekolah, RM1.50 bagi seorang pelajar.

### Jenis perniagaan

Barangan jualan seperti alat tulis, minuman, ais krim, keperluan



Komitmen daripada pihak guru dan para pelajar banyak membantu mengembangkan perniagaan koperasi

perniagaannya dengan meneroka cara terbaik untuk meningkatkan keuntungan. Pada masa yang sama, kebajikan dan sumbangan kepada pihak sekolah tetap tidak dilupakan.

Demikian yang dapat disimpulkan daripada taklimat yang disampaikan oleh Pengerusi Koperasi SMKDP Bhd., Cik Bibi Sabariah kepada penulis RAKAN Sarawak yang kemudiannya diakhiri dengan kata-kata yang berbunyi "Koperasi ini diusahakan oleh kami, untuk kami".

Menurutnya, setiap anggota koperasi di sekolah itu berasa bangga kerana berjaya membangunkan sebuah koperasi yang mampu menjaga kebajikan serta memberi pulangan yang sewajarnya kepada pelaburan dan sokongan mereka.

Setiap barangan yang dijual oleh koperasi juga dijamin kualitinya serta mampu memenuhi keperluan setiap anggota koperasi.

Malah, penganjuran serta penyertaan para anggota koperasi dalam aktiviti berkaitan koperasi sepanjang tahun menjadikannya terus relevan serta memenuhi keperluan pelajar dan sekolah.

Situasi seperti itu telah menggalakkan serta menjadikan gerakan koperasi di sekolah ini terus maju selaras dengan objektif penubuhannya. Dedikasi yang dizahirkan oleh kakitangan sekolah terutama dalam soal sumbangan idea dan masa juga tidak ternilai



Mengemas barangan jualan ... antara rutin seharian AJK Jualan

► dari mukasurat 4

## Penuhi Keperluan Ahli

### Perancangan

1. Menggalakkan penyertaan 100 peratus di kalangan kakitangan untuk menyertai koperasi

2. Mensasarkan keuntungan kasar kira-kira 20 peratus setahun
3. Melengkapkan koperasi dengan perabot dan mesin chaser yang baru

### Profil Koperasi SM Sains Miri Berhad

Didaftarkan pada 16 Julai 1990. Anggota kepada ANGKASA dan Bank Rakyat.

Bilangan ahli : 522 orang (kakitangan 57 orang, pelajar 465 orang)  
 Jumlah syer : RM5,089.00  
 Yuran ahli : Pelajar - 50 sen dengan syer bernilai RM1.00 dan kakitangan sekolah - RM2.00 dengan syer minimum RM10.00 dan maksimum RM400.00.

### Urusniaga dan Perkhidmatan

1. Menjual alat-alat tulis dan buku tulis
2. Keperluan harian seperti sabun, bahan cuci, baldi, timba,

sampu, penggantung baju dan pengilat kasut

3. Keperluan khas dan semasa seperti sampul surat, stem, baju, cadar, selimut, tali leher dan cenderamata
4. Makanan dan minuman mengikut kehendak anggota
5. Perkhidmatan fotostat, binding dan laminating
6. Ubat-ubatan dan surat khabar
7. Permainan dalaman seperti karam, chess, dam, congkak dan sahiba serta set permainan luar seperti bola sepak, bola jaring, sepak takraw, bola tampar dan pentanque
8. Sumbangan hadiah bernilai RM2,000 kepada aktiviti sekolah seperti Majlis Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum, aktiviti-aktiviti kelab dan peratuan sekolah
9. Sumbangan hadiah dalam bentuk barangan kepada pelajar cemerlang SPM (RM120.00), PMR (RM80.00), terbaik tingkatan 4 dan 5 (RM50.00 setiap seorang) dan terbaik tingkatan 1, 2 dan 3 (RM30.00 setiap seorang)
10. Sumbangan derma kepada mangsa kebakaran blok sekolah yang melibatkan 90 pelajar baru-baru ini
11. Mengurus pematotongan baju batik untuk pelajar



Penggunaan kupon langganan memudahkan urusan jual beli



Jenis barangan jualan koperasi sentiasa memenuhi citarasa dan keperluan para pelajar

bersambung di mukasurat 18 ►

Cabaran untuk membangunkan kawasan luar bandar tetap menjadi keutamaan kerajaan, dengan harapan ia dapat menganjak ekonomi kawasan luar agar seimbang dengan kawasan bandar.

Tumpuan terus diberikan di kawasan luar bandar kerana di kawasan ini banyak "sumber baru" yang boleh dibangunkan di samping memiliki sumber tenaga kerja yang kos efektif untuk dibangunkan.

Pelbagai program dan bantuan telah disediakan kerajaan, namun tiada gunanya kerajaan melaksanakan sesuatu program, sekiranya ia gagal dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

## Program Pembangunan Kerajaan di Sebah untuk "Kesejahteraan Masyarakat"

tradisional/rumah panjang.

Malah melalui program tersebut, ia telah berupaya mendekatkan serta menggalakkan interaksi antara pegawai dengan ketua di rumah panjang.

Ia dilihat secara tidak langsung berupaya menjalin kerjasama sesama penduduk dalam sebuah kawasan rumah panjang di samping mencapai objektif asal meningkatkan kualiti persekitaran kediaman di luar bandar dan tahap sosio-ekonomi penduduk.

Keberkesanan program ini pastinya akan memudahkan

berpotensi dikomersilkan.

Menurut Norlela, pihaknya sentiasa mendapat sokongan yang kuat daripada rumah panjang apabila ingin melaksanakan beberapa aktiviti malah aktiviti keceriaan seperti gotong-royong dilakukan hampir setiap minggu jelas Norlela.

"Kita turut memastikan agar ahli jawatankuasa di peringkat rumah panjang sentiasa bergerak aktif serta melaksanakan aktivitinya", katanya.

Sebuah lagi, rumah panjang yang aktif dalam program 4K, ialah

pertanian untuk membantu 40 orang peserta terlibat dalam penanaman tanaman cempedak baka baru iaitu jenis CH 28, Cempedak Durian dan Nanchem (kombinasi Nangka dan Cempedak) ditanah seluas 40 hektar.

Yang pastinya, itu adalah sebahagian faktor menjadikan penduduk atau masyarakat di rumah panjang di Sebah boleh ditingkatkan lagi dengan pembangunan modal insannya atau dengan erti kata lain pembangunan pengupayaan sumber manusianya yang melayakkannya mencapai kemajuan seperti dialami kini.



yang merupakan kaum majoriti di sini dengan populasi seramai kira-kira 12,875 orang, daerah ini berpotensi untuk membangunkan lebih maju.

Berdasarkan statistik Bancian pada tahun 2000, jumlah penduduk yang bermastautin di Daerah Kecil Sebah ini ialah kira-kira 21,535 orang.

Kegiatan ekonominya di sini juga boleh dibangunkan lagi dengan



Pusat Sumber JILAN, dibina di Rumah Michael Lanyau



Kaum wanita giat menjalankan aktiviti mereka, penghasilan kraftangan dan tenunan



Reka bentuk rumah panjang kini semakin moden

Oleh yang demikian perlu wujud hubungan dua hala di antara agensi kerajaan dengan masyarakat agar dengan itu tahap kesediaan masyarakat untuk berubah adalah berada pada kedudukan yang memberikan manfaat kepada semua pihak.

Untuk itu, beberapa program telah disusun semula agar ia dapat meningkat pengupayaan (empowerment) masyarakat bagi membolehkan mereka mendapat lebih manfaat secara terus daripada setiap program yang dilaksanakan.

Malah Y.A.B Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pernah menekankan bahawa betapa kritikalnya pengupayaan (empowerment) di kalangan masyarakat luar bandar bagi meletakkan sesebuah kampung atau desa ke tahap cemerlang.

Berdasarkan pengalaman sebenar Cik Norlela Haji Ulis, pegawai tadbir di salah sebuah daerah kecil (Daerah Sebah) dalam Bahagian Bintulu perkara tersebut ada kebenarannya.

Menurutnya, sesebuah perkampungan yang cemerlang boleh dilihat bukan sahaja daripada faktor fizikalnya tetapi juga "maju" dari aspek kerjasama di kalangan masyarakatnya.

Dalam erti kata lain, masyarakat inilah yang akan menjadi "pencetus" kepada segala kemajuan dalam masyarakat di sesebuah perkampungan. Apabila keadaan ini wujud, secara tidak langsung ia mampu memberi kesan kepada pembangunan daerah itu secara keseluruhannya.

Jelasnya, mengambil contoh program 4K (Kebersihan, Keindahan, Keselamatan dan Kemesraan), satu usaha bersepadu di antara agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan Wakil-Wakil Rakyat tempatan dengan penduduk kampung

perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan seperti PPRT, MRP dan VIDP di kawasan-kawasan luar bandar.

Dalam masa yang sama, agensi kerajaan dapat membantu melatih penduduk luar bandar untuk merancang pembangunan yang lebih besar dan tersusun bagi kampung/rumah panjang mereka.

Ia juga membolehkan agensi kerajaan "turun padang" atau meninjau keperluan masyarakat di satu-satu tempat.

Kini, beberapa buah rumah panjang mendapat manfaat daripada program 4K tersebut.

Antaranya, apa yang dapat disaksikan ialah di Rumah Dana, rumah panjang yang bukan sahaja dapat mengekalkan keindahan landskapnya dengan pelbagai tumbuhan indah tetapi juga tetap memelihara aspek kebersihan dan kesihatan.

Kesungguhan tersebut yang ditunjukkan seramai 130 orang penduduk bukan sahaja menyebabkan kediaman mereka selesai untuk didiami malah rumah mereka turut dijadikan rumah panjang contoh yang sentiasa menerima kunjungan daripada pelancong ataupun menjadi tempat pilihan untuk mengadakan aktiviti kemasyarakatan.

Malah bermula dengan program 4K, secara tidak langsung Rumah Dana telah berupaya membentuk seterusnya mengerakkan ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) serta mengambil bahagian dalam pembangunan sehinggalah dapat mengaktifkan semula aktiviti di rumah panjang berkenaan.

Perkumpulan wanita yang ditubuhkan melalui biro-biro wanita dan kebajikan di rumah panjang terbabit turut dapat diadakan. Projek penghasilan kraftangan atau tenunan, adalah hasil daripada aktiviti utama di kalangan ahlinya untuk menyokong aktiviti kebudayaan atau keramaian yang boleh dibanggakan serta

Rumah Michael Lanyau yang pernah mendapat Johan dalam Pertandingan Keindahan Kampung Tahun 2001.

Menurut Tuai Rumahnya, aktiviti gotong-royong sudah menjadi amalan penduduk di situ yang dilaksanakan setiap sebulan sekali.

Malah katanya lagi, melalui program 4K yang pernah dilaksanakan dahulu, pihaknya dapat mengutarakan keperluan rumah panjang yang kini telah menyaksikan Pusat Sumber JILAN telah didirikan di rumah panjang berkenaan.

Pusat Sumber tersebut yang menelan belanja RM75,000 akan memudahkan penduduknya untuk mengadakan sebarang aktiviti berbentuk keraian dan kebudayaan.

Malah beberapa buah rumah panjang di Bintulu turut mencapai kejayaannya mencapai tahap kampung sejahtera antaranya seperti Rumah Lapie yang turut menerima bantuan projek pembinaan jalan kampung.

Berlainan rumah panjang yang lain, di Rumah Assan pula terkenal dengan projek kraftangan daripada rotan yang dijalankan secara berkelompok bermula pada tahun 2003 dengan bantuan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC).

Kesediaan penduduknya menjalankan projek tersebut ternyata menyediakan peluang pekerjaan serta menjana ekonomi penduduk di rumah berkenaan dengan cara tersendiri.

Begitu juga dengan program pembangunan Jabatan Pertanian seperti di Rumah Bana, Serakit yang terletak di KM36 Jalan Bintulu, Sebah yang melibatkan diri dalam projek tanaman cempedak secara berkelompok.

Penerimaan positif penduduk rumah panjang dalam mengusahakan tanah serta memperuntukkan tanah mereka untuk pertanian terutama penanaman buah-buahan turut 'membuka langkah' kepada jabatan

Mungkin pembangunan masa depan daerah kecil Sebah selepas ini, memerlukan lebih banyak usaha mengenalpasti "sumber ekonomi baru" bagi membolehkan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan pada masa yang sama membantu penduduk di kawasan luar bandar.

Penduduk di daerah kecil ini sungguh beruntung kerana peluang dan kemudahan yang disediakan kerajaan kepada mereka berjaya dimanfaatkan sepenuhnya.

Daerah Sebah turut bersempadan dengan empat (4) daerah lain iaitu daerah Kapit, Belaga, Baram dan Miri secara keseluruhannya berpotensi besar untuk berkembang pada masa hadapan memandangkan daerah juga merupakan laluan keluar/masuk untuk ke kawasan Sungai Assap dan Belaga yang bakal dibangunkan menjadi kawasan pengeluaran tenaga berintensif tinggi.

Walaupun berstatus sebuah daerah kecil, namun mengambil kira kedudukan strategik lokasinya, tidak mustahil suatu hari nanti, daerah ini bakal menjadi tumpuan utama pengunjung ditambah pula usaha kerajaan untuk membangunkan Bahagian Bintulu sebagai Koridor Wilayah Tengah yang pastinya daerah Sebah menerima tempas pembangunannya.

Dilengkapi dengan banyak rangkaian rumah panjang yang menarik, dengan masyarakat Iban

mempelbagaikan penghasilannya dengan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sektor pertanian, industri desa dan pelancongan.

Kini kegiatan ekonomi di daerah kecil ini lebih tertumpu kepada pertanian sara diri, bekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan ladang akasia, perkilangan kayu, peniaga, bekerja di agensi kerajaan dan menjadi nelayan.

Kemudahan kesihatan di daerah ini agak lengkap dengan sebahagian besar penduduk dapat menikmati rawatan kesihatan di tiga (3) pekan kecil utama iaitu mendapat rawatan kesihatan di Klinik Desa Sebah, Klinik Desa Lubuk Tapang, Pandan dan Klinik Desa Tubau.

Hampir sebahagian besar kawasan ini mampu mendapatkan kemudahan pendidikan. Daerah ini kini mempunyai sebuah sekolah menengah dan 13 buah sekolah rendah.

Kerjasama rapat Pejabat Residen dan Daerah Bintulu bersama Pejabat Daerah Kecil Sebah serta disokong oleh pelbagai agensi kerajaan lain berkaitan dilihat berjaya membawa "masuk" pembangunan untuk dimanfaatkan sepenuhnya masyarakat dalam daerah kecil ini.

Antara projek kemudahan sosial yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat ialah Pembinaan Pusat Sumber/

bersambung di mukasurat 8

### Fakta Daerah Kecil Sebah

Keluasan	2,032 batu persegi
Kedudukan	50 km bandar Bintulu
Bilangan Penduduk	21,754 (tahun 2000)
Kegiatan Ekonomia	Pertanian (70%), Pembalakan (25%), Bekerja Sendiri (5%)
Kemudahan Asas	Bekalan Air, Elektrik, Telefon, Sekolah Rendah (13), Sekolah Menengah (1), 3 Klinik kesihatan dan Perpustakaan Awam (BDA) dan Balai Raya
Perhubungan Utama	Perjalanan darat (Bas, Van dan Kenderaan sendiri)
Agensi Kerajaan	Pejabat Daerah Kecil Sebah, Jabatan Pertanian, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perhutanan, Lembaga Kemajuan Bintulu, Jabatan Kerja Raya, Pos Malaysia, Telekom Malaysia dan SESCO



Pejabat Daerah Kecil Sebah



Landskap menarik menghiasi Rumah Dana

## Projek Pembangunan Fizikal Untuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Matu dan Daro



Jalan Berjaya/Sok, antara jalan yang dibangunkan dalam RMK9

Jaringan perhubungan yang cekap ini berupaya memberi pilihan kepada corak jenis pengangkutan tidak hanya bergantung kepada pengangkutan melalui ekspres untuk ke bandar yang terdekat seperti ke Sibu.

Jaringan jalan raya yang lebih baik di antara Daro-Mukah juga turut berupaya merangsang sektor ekonomi terutamanya

Secara keseluruhannya, hampir kesemua kawasan penempatan boleh dihubungi dengan menggunakan pengangkutan jalan raya di sini. Kesemuanya meliputi kira-kira 230 km yang telah pun diturap manakala cuma 11 km belum lagi diturap.

Hampir semua penduduk di Matu-Daro menikmati bekalan air bersih kecuali kawasan seperti

dalam pemantauan JKR Pejabat Matu dan Daro pula menerima sumber bekalan air dari telaga bawah tanah dan Sungai Parit yang dimanfaatkan sejumlah kira-kira 2,934 orang penduduk.

Mengenai projek bekalan air Pulau Bruit, kira-kira 12,000 penduduk di pulau tersebut dan kawasan sekitarnya akan mendapat faedah apabila projek tersebut dijangka siap pada Jun tahun hadapan (2007).

Projek bekalan air ini yang dikendalikan PPES Works akan menyalurkan air yang dirawat daripada Sistem Rawatan Air Sarikei di Sekumbang, Tanjung Manis ke pulau tersebut meliputi Kampung Serdeng, Kampung Semop dan Kampung Saiee.

Bagi melengkapkan lagi infrastruktur dan kemudahan asas untuk daerah Matu dan Daro, beberapa perkara perlu dirancang dan diambil perhatian bukan sahaja daripada agensi kerajaan seperti JKR malah beberapa agensi kerajaan lain.

Antaranya menjalankan satu Kajian Pelan Induk bagi sistem rangkaian jalan raya di lembah Muara Sungai Rejang yang merangkumi kawasan Belawai, Tanjung Manis, Pulau Bruit, Paloh, Serdeng, Daro, Igan dan Matu. Kajian hendaklah mengenalpasti keperluan sosio-ekonomi penduduk berhampiran selain dari peranan penghubung infrastruktur jalan raya itu sendiri.

la penting bagi memastikan penduduk bersedia untuk menghadapi sebarang kesan ekonomi pada kawasan terbabit apabila siapnya Pelabuhan Laut Dalam Tanjung Manis nanti.

Pada masa yang sama, perlindungan dan pemeliharaan kawasan tadahan bagi bekalan air di daerah ini turut perlu diambil berat. Ini disebabkan punca air bersih untuk kawasan Matu dan Daro begitu terhad. Kawasan tadahan air hujan di Hulu Jemoreng (*Jemoreng Water Catchment Area*) yang ada kini adalah punca utama air bersih untuk daerah Matu dan Daro.

Ini membawa kepada pentingnya projek rancangan pembinaan "*Matu-Daro Regional Water Supply*" disegerakan dengan mengambil kira



Pulau Bruit, juga bakal mempunyai prasarana jalan yang lengkap

peningkatan serta pertambahan penduduk di kawasan terbabit di samping peluang yang "dicipta" oleh rangkaian jalan raya dan Pelabuhan Tanjung Manis untuk pertumbuhan sektor industri lembah Muara Rejang.

Beberapa projek untuk kemudahan awam seperti pangkalan jeti, dermaga dan pontoon waf bagi daerah ini secara keseluruhannya seharusnya dipertingkatkan kerana cara pengangkutan sungai masih mempunyai nilai serta hubungan langsung dengan pertumbuhan daerah terbabit.

Perubahan kepada peningkatan prasarana jalan raya yang baik juga menuntut kepada peningkatan corak kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik seperti mendapatkan perkhidmatan bas yang baik dan kemudahan perhentian bas.

Mengambil kira saiz keluasan Sarawak, tanpa menjadikannya faktor halangan, kerajaan terus berusaha untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Pelbagai kemudahan disediakan adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat di kawasan terbabit.



Antara kemudahan kesihatan yang terdapat di Matu

Tidak dinafikan, pembangunan daerah Matu dan Daro agak sedikit jauh ketinggalan berbanding dengan daerah-daerah lain dalam Bahagian Mukah.

Keadaan bentuk muka bumi dan geografi yang agak "mencabar" menyebabkan kawasan ini mengambil sedikit masa untuk dibangunkan.

Setelah melalui beberapa perubahan serta penyusunan semula sempadan terutamanya setelah diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Mukah, pembangunan daerah ini pasti akan menjadi lebih pesat seiring dengan kemajuan daerah lain di Sarawak.

Sejak lima tahun yang lepas, lebih banyak projek pembangunan fizikal telah dilaksanakan. Pengurusan dan pemantauan projek telah dilaksanakan dengan baik oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Mukah yang disokong oleh Pejabat JKR di Matu dan Daro.

Kedua kawasan tersebut telah pun menikmati kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang baik. Jalan yang menghubungkan Daro ke Matu dan Matu ke Igan dan seterusnya ke Mukah telah siap pada awal tahun 1990.

Selain itu, terdapatnya kemudahan feri menghubungkan Igan dengan Matu malah terdapatnya jaringan jalan raya yang lengkap (dalam daerah kecil Igan) dari simpang feri di Igan sehinggalah simpang feri di sebelah daerah kecil Matu (dalam daerah Daro). Perjalanan ke Pekan Daro mengambil masa kurang dari setengah jam dari Igan.

Apabila kemudahan feri yang menghubungkan Pulau Bruit dan seterusnya ke Tanjung Manis dilaksanakan nanti, perhubungan dari daerah Matu akan lebih lengkap selari dengan pembinaan jalan dari Tanjung Manis ke Sibu yang kini sedang berjalan rancak. Ini bermakna daerah Matu akan dapat dihubungi terus ke Sibu dan seluruh Sarawak dalam jangka masa yang agak singkat.

dari aspek pemasaran serta pemprosesan hasil mentah buah kelapa sawit dari empat (4) buah ladang estet kelapa sawit di Matu serta dua (2) buah di Daro.

Sehingga penghujung Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8), antara projek yang berjaya disiapkan dalam tempoh tersebut ialah kerja menaiktaraf jalan Kampung Pangray/Sekaan, Jalan Kampung Sungai Sah/Sungai Illas/Igan sejauh 10.5 km, Jalan Matu-Daro/Kampung Badong Loop (4.2 km), Jalan Kampung Jemoreng/Kampung Bawang, Jalan menghubungkan Nanga Kecil dengan Daro/Matu, Jalan Rejang/Sungai Sekumbang dan Jalan SK Sergunim, Matu.

Projek tersebut adalah sebahagian daripada 20 projek yang telah diluluskan dalam tempoh RMK 8.

Sementara itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) beberapa projek telah dirancang. Antaranya ialah pembinaan Jalan Kut/Mudan sejauh 13.5 km, Jalan Kut Muara/Sungai Pinang/Kampung Bungan/Rassau (15 km), Jalan Kebwau/Telok Deloh (8 km), Jalan Berjaya/Sok (5km) Jalan Rassau/Rantau Panjang (22 km).

Lain-lain projek ialah, pembinaan Jalan Sungai Tebu/Daro-Tebaang Loop (5km), Jalan Kelit/Nerub/Nanga Baoh (15km), Jalan Kampung Semop/Kampung Tebaang (15 km) di samping kerja-kerja menaiktaraf jalan ke Helipad, Kampung Kuala Matu (1 km).

Manakala cadangan projek dermaga dan dinding sungai pula melibatkan Jeti RC Kampung Igan, Jeti RC Nanga Semah dan sambungan Jeti RC Kampung Belawai.

Mengenai pembinaan bangunan kerajaan pula, beberapa buah bangunan kerajaan dan kemudahan awam baru turut dirancang dibina disini antaranya Pejabat Daerah Matu, Jabatan Pertanian (*Veterinary Subcentre Matu*), Jabatan Hutan, Masjid baru Matu dan Pejabat Jabatan Penerangan.

Penasu, Nanga Semah, Serdeng, Passin dan kampung-kampung di Pulau Bruit.

Mengenai bekalan air, mungkin tumpuan harus diberikan kepada beberapa kawasan di Daro seperti di Semop, dan Sai yang masih lagi bergantung kepada sistem "*rain harvesting pond*". Loji rawatan air di kawasan terbabit kini hanya berupaya membekalkan kapasiti pengeluaran bekalan air antara 0.18 MLD hingga 0.36 MLD air sehari kepada kira-kira 1,548 orang penduduk. Bagi kawasan Paloh yang turut terletak dalam kawasan Daro, kebanyakannya 1,602 orang penduduk bergantung kepada sumber air dari telaga bawah tanah. Hanya kawasan Pekan Daro yang mempunyai bilangan penduduk sejumlah kira-kira 8,232 orang menerima liputan bekalan air yang lebih baik dari sumber air terawat dari Sungai Daro (Tebu).

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini bakal berubah apabila siapnya projek *Matu/Daro Regional Water Supply* dalam tempoh RMK9 ini. Di kawasan Matu pula, sejumlah kira-kira 8,304 orang penduduk mendapat sumber bekalan air terawat dari Sungai Jemoreng manakala bagi sejumlah kira-kira 1,764 orang penduduk di Kampung Tian mendapat bekalan air terawat dari Sungai Mabud.

Manakala sebahagian kecil kawasan Igan yang termasuk



Daerah Daro semakin pesat membangun




Lingkar jalan utama di Daro



JKR memainkan peranan penting dalam pembangunan daerah Matu / Daro

## Jangkauan Menyeluruh Projek Pembangunan Prasarana Luar Bandar Sasaran Utama Daerah Dalat



Gambaran artis Jambatan Batang Oya

Pembangunan Daerah Dalat telah mengalami perubahan yang drastik setelah diletakkan dalam pentadbiran Mukah sejak lima (5) tahun yang lepas.

Berkeluasan kira-kira 905.29 km persegi, Daerah Dalat merangkumi kawasan dari Oya ke Ulu Pakoh, Kampung Penat ke Oya, Muara Sungai Kut ke Ulu Baoh.

Berdasarkan kepada keadaan ini, walaupun kini Dalat boleh dihubungi dengan mudah melalui jalan darat namun pengangkutan sungai masih lagi memainkan peranan penting disebabkan kebanyakan kampung terletak berhampiran dengan sungai.

Keadaan ini turut menyebabkan tempo pembangunan di kawasan ini mengambil lebih sedikit masa untuk dilaksanakan.

Walaupun mungkin berhadapan dengan sedikit "cabaran" akibat kebanyakan perkampungan agak terletak jauh, namun kerajaan berusaha untuk meningkatkan keperluan asas termasuk jaringan jalan raya dan kemudahan bekalan air bersih yang mencukupi.

Kerajaan menyedari bahawa dengan bertambahnya jumlah penduduk maka meningkatlah keperluan serta permintaan terhadap kemudahan ini.

Tanggungjawab inilah yang dipikul oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Mukah dengan dibantu oleh JKR Pejabat Dalat.

Antara beberapa projek prasarana yang sedang dilaksanakan yang memainkan peranan penting merencanakan semula aktiviti ekonomi penduduk di daerah Dalat ialah projek pembinaan Jambatan Batang Oya di Dalat, Bahagian Mukah,

Projek yang mula dilaksanakan itu adalah sebahagian daripada projek dalam Rancangan Malaysia

kelapan (RMK 8) yang dijangka dapat meningkatkan akses penduduk luar bandar ke bandar.

Projek Jambatan Batang Oya kini sedang dalam pembinaan yang telah pun bermula pada penghujung tahun ini (2006) dan dijangka siap pada tahun 2008.

Struktur pembinaannya terdiri daripada 6 spans dengan panjang keseluruhan 432.9 meter. Jambatan yang melibatkan kos RM15.6 juta tersebut turut dilengkapi dengan saluran untuk kemudahan paip air, kabel telekomunikasi serta lampu jalan.

Pembinaan jambatan ini penting bagi menghubungkan kedua-dua belah kawasan di Dalat agar pergerakan penduduk ke sebarang berjalan dengan lebih lancar. Ini turut memudahkan penduduk untuk memasarkan hasil pertanian mereka.



Pembinaan jeti dan dermaga untuk kemudahan bersama



Kapasiti Loji Mengepam Air dinaikkan berdasarkan keperluan semasa

Penduduk yang ingin ke sebarang kini perlu bergantung kepada perkhidmatan feri persendirian.

Keadaan ini telah sedikit sebanyak memperlambatkan tempo pembangunan di kawasan sebarangnya.

Selain daripada pembinaan

jambatan baru, satu lagi projek yang telah dan sedang dilaksanakan yang banyak memberi manfaat kepada penduduk di kawasan luar bandar dalam daerah ini ialah pembinaan Jalan Kampung Brunei/ Kampung Baru/ Kampung Kut/ Kampung Kut Muara yang akan memudahkan perhubungan kampung-kampung berdekatan seperti Kampung Brunei, Kampung Kut Tengah, Kampung Baru dan Kampung Kut Muara dengan Pasar Dalat dan juga Mukah.

Dalam Rancangan Malaysia kelapan (RMK 8), kesemua peringkat kerja termasuk pembinaan jalan raya serta tiga (3) buah jambatan konkrit di sepanjang jalan terbabit tersebut berjaya disiapkan pada tahun 2003 dengan peruntukan RM7 juta.

Projek tersebut diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK9) dengan tumpuan diberi kepada pembinaan jalan/simpang ke sekolah-sekolah berhampiran seperti Sk St Jude, SK Kampung Kut Tengah dan SK St Kevin dan Kut Muara yang menelan belanja sebanyak RM28 juta.

Projek tersebut melibatkan pembinaan jalan sepanjang 15.5 km yang menghubungkan Pasar Kut Muara, Kampung Brunei, Kampung Baru, Kampung Kut Tengah dan Kampung Kut Muara dengan Pasar Dalat.

Apabila siap kelak, penduduk akan dapat berhubung dengan lebih mudah lagi terutamanya untuk menjual hasil tanaman ke Pasar Dalat, di samping memajukan lagi kawasan luar bandar yang terpencil.

Penduduk di kampung terbabit juga boleh berhubung dengan lebih cepat dan selesa ke bandar terutamanya ke bandar Mukah bagi melaksanakan urusan harian.

Segala masalah pengangkutan selam ini akan berjaya dikurangkan apabila siapnya jalan raya itu nanti.

Peningkatan infrastruktur tersebut juga akan membuka lebih banyak peluang ekonomi terutamanya dengan wujudnya



Penduduk tidak perlu berulang-alik menggunakan pengangkutan air apabila Jambatan Batang Oya di Dalat siap nanti.



Pembinaan paip bersaiz besar tingkatkan kapasiti penyaluran air bersih

yang dilaksanakan dalam RMK 8, ialah projek pembinaan dan penyiapan Projek Bekalan Air Dalat (Fasa 2) Bahagian Mukah -Peringkat ke-4 (Pembekalan Air dari Dalat ke Oya)

Projek tersebut yang siap pada awal tahun 2005 telah membolehkan penduduk Dalat dan kawasan sekitarnya menerima bekalan air terus dari Mukah serta meningkatkan kapasiti bekalan air kepada penduduk setempat.

Ia melibatkan pembinaan paip D.I utama yang bersaiz 500 mm diameter dari Dalat ke Oya.

Projek tersebut berjaya menjamin bekalan air bersih yang tetap bagi penduduk di daerah ini selain berupaya meminimumkan risiko daripada merebaknya penyakit berjangkit bawaan air akibat dari air yang tidak terawatt.

Sebelum ini, penduduk Dalat serta kawasan sekitarnya mendapat bekalan air bersih dari Loji Mengepam Air di Lebasau, Batang Oya. Air daripada sumber ini dirawat di Loji Perawatan Air Dalat yang terletak di Kampung Sungai Ud, Dalat, yang hanya mampu membekalkan hingga 1.84 MLD sehari serta tidak menampung permintaan pada masa hadapan.

### ▶ dari mukasurat 6

Komputer, Rumah Michael Lanyau, Sungai Gelam, Sebauh menelan kos RM75,000, Pembinaan Pusat Gunasama, Rumah Kenai, Sungai Sebutin dengan kos RM 100,000 di samping projek bekalan air dan elektrik di beberapa buah rumah panjang.

Beberapa program pembangunan masyarakat lain ialah Program Pembangunan Minda Insan (PPMI-SPKR) dan Kursus Ibu Tunggal-Kelompok (PPMI).

Pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), antara projek pembinaan jalan kampung dan menaiktaraf beberapa buah jalan kampung dalam daerah Sebauh yang telah dilaksanakan ialah pembinaan jalan Rh Igai, Ulu Sebauh, Rh Jam, Jalan Bakun, Rh Alip, Long Unan, Tubau, Rh Gawan Jalan Ulu Sebauh, Rh Awai dan Rh Joshua, Rh Joseph Abak, Rh Beta.



Aspek keselamatan ditingkatkan, TR Dana sedang menunjukkan alat pemadam kebakaran

Manakala program lain seperti program bantuan rumah (PBR), sejumlah 8 (lapan) orang keluarga telah mendapat manfaat daripada projek tersebut disamping 13 projek jalan kampung (PJK) kaedah alternatif telah dilaksanakan di sini.

Pekan Sebauh boleh dihubungi melalui jalanraya dan sungai. Jalanraya merupakan nadi perhubungan yang utama bagi penduduk sekitar Pekan Sebauh ke Bandar Bintulu (50 km) dan ke Pekan Pandan sejauh 15.5 km. Sebelum siapnya jalan raya, perhubungan dari Bintulu ke Sebauh memakan masa selama 2 jam.

Sungai utamanya iaitu Sungai Kemena pula menghubungkan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman Pekan Tubau dan Lubok Tapang dengan menggunakan bot laju. Walau bagaimanapun penduduk lebih cenderung menggunakan jalanraya.

Daerah kecil Sebauh adalah

satu-satu daerah kecil yang termasuk dalam pentadbiran daerah Bintulu. Daerah lain yang membentuk Bahagian Bintulu ialah daerah Tatau.

### Fakta Terkini Yang Perlu Anda Ketahui Mengenai Daerah Sebauh

- Terdapat cadangan untuk mewujudkan akses Jalan Tubau - Jelalong (dalam perancangan)
- Jarak dari Tubau -Bakun adalah sejauh 100 km
- Jalan ladang masih digunakan bagi menghubungkan Maskat-Labang dan Pandan - maskat
- Tekanan air rendah disebabkan kebanyakan kawasan ini terletak pada kawasan tinggi
- Kemunculan dan potensi daerah Sebauh banyak dipengaruhi daripada kegiatan ekonomi yang lebih berorientasikan pembalakan, sehingga kepada kewujudan pekan-pekan kecil juga banyak di sokong kepada pertumbuhan ini.
- Daerah Kecil ini juga merupakan akses terdekat ke kawasan Sungai Assap dan Belaga.

Program 4K, Pendekatan Bersepadu Pejabat Residen Bintulu Majukan Kampung Tradisional

Pelbagai strategi program yang bersifat pembangunan dianjurkan kebanyakan agensi kerajaan yang mempunyai matlamat teras iaitu ke arah meningkatkan pengupayaan masyarakat luar bandar.

Ini dilaksanakan bagi memastikan kawasan luar bandar sentiasa mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan disamping memastikan mereka tidak terpinggir dari arus pembangunan.

Bagi Bahagian Bintulu, agensi kerajaan di bahagian tersebut mempunyai strategi tersendiri untuk meningkatkan usaha memajukan perkampungan tradisional termasuk rumah panjang.

Usaha tersebut juga sebahagian daripada mencapai matlamat ke arah wawasan menjadikan Bintulu sebagai Bandar Sejahtera. Pejabat Residen Bintulu mula memperkenalkan program 4K pada Jun 2000 yang lebih bersifat sivik tetapi lebih menjurus kepada pembangunan dan pengembangan Kampung dan Rumah Panjang. Ia bukanlah bersifat pertandingan tetapi

lebih bersifat kepada mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat luar bandar.

Teras Program 4 K melibatkan elemen-elemen 4K iaitu Kebersihan, Keindahan, Keselamatan dan Kemesraan

- **Kebersihan (Healthy):** Elemen kebersihan ditekankan dari aspek kebersihan persekitaran Kampung/Rumah Panjang, kesihatan dan moral/sosial.
- **Keindahan (Beautification):** Elemen ini diperkenalkan melalui aktiviti-aktiviti landskap di mana adunan diantara penanaman pokok-pokok perhiasan, buah-buahan dan bunga dititikberatkan supaya bersifat functional dan aesthetical.
- **Keselamatan (Safety & Security):** Elemen ini memberi penekanan kepada aspek-aspek

# Pembangunan Infrastruktur Menyeluruh Sokong Keperluan Domestik dan Industri di Bintulu



Bahagian Bintulu, yang bakal dibangunkan menjadi sebahagian daripada pemangkin ekonomi untuk wilayah Tengah melalui pengwujudan Koridor Pembangunan Wilayah berdepan dengan cabaran yang besar dalam pembangunan ekonomi dan infrastrukturnya.

Koridor Pembangunan Wilayah Tengah yang meliputi kawasan dari Similajau di Bahagian Bintulu menganjur sehingga ke Tanjung Manis di Bahagian Mukah memerlukan sokongan infrastruktur yang terbaik bagi memenuhi keperluan penduduknya sendiri dan juga keperluan industri yang berkaitan.

Dengan sumber asli yang kaya, seperti tenaga hidro (akses terdekat ke Bakun), bahagian itu mampu menambahkan lagi sumber tenaga yang diperlukan oleh industri yang berkaitan di bahagian tersebut. Antaranya ialah kilang melebur aluminium di Similajau, pembangunan tenaga hidro di Murun dan Baleh, aktiviti hiliran kelapa sawit, penghasilan Kilang Baja Kompaun NPK (Nitrat, Potesium dan Kalium (NPK) di Tanjung Kidurong untuk pembekalan baja bermutu tinggi untuk estet kelapa sawit.

Pembangunan jalan persisir Jalan Tanjung Kidurong /Kuala Suai/Kuala Niah/ Kuala Sibuti/ Bakam sejauh 178 km dilihat salah satu strategi kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tempias ekonomi daripada pembinaan jalan ini, melahirkan usahawan persisir yang turut menyaksikan lebih banyak

kawasan baru dibuka untuk tujuan pembangunan serta tarikan pelancongan.

Ia mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi beberapa buah kampung yang terletak sepanjang jalan yang dahulunya sukar untuk dihubungi.

Contohnya perkampungan masyarakat kedayan Kampung Nyalau sebelum jalan persisir ini siap dulunya terpaksa meredah beberapa buah estet kelapa sawit yang perjalanannya mengambil masa selama dua (2) hingga ke tiga (3) jam dari bandar Bintulu. Namun, setelah siapnya jalan persisir, perjalanan ke perkampungan tersebut hanya mengambil masa kurang dari satu (1) jam.

Malah beberapa jalan negeri dan jalan persekutuan (sekitar Bandar Bintulu) yang sedia ada turut dinaiktaraf. Selain projek jalan persisir, jalan utama yang kini memudahkan lingkaran perhubungan ke Bintulu ialah jalan Tanjung Kidurong, Jalan Bintulu / Miri, jalan Bintulu / Sibit manakala jalan ke kawasan pedalaman ialah jalan masuk ke penempatan Sungai Asap dan jalan masuk ke empangan Bakun.

Selain itu, pembangunan infrastruktur lingkaran jalan luar bandar, hampir semua 80 peratus kawasan perkampungan dan rumah panjang di bahagian ini boleh dihubungi menggunakan jalan raya.

Manakala beberapa jalan dihubungkan terus dengan kawasan bandar, antara jalan yang telah dibangunkan meliputi jalan Nyabau, jalan Sibiew, jalan Spadok, jalan Kampung Jepak, jalan Kuala Segan, jalan Ulu Segan /Ulu Sebauh, jalan Kuala Setiam, jalan Tatau/

Kuala Setiam/ Kampung Jepak, jalan Rumah Gramong, jalan Ke Samarakan, jalan Ulu Spur Ulu Sebauh, jalan Sebauh, jalan Sebauh Pandan, jalan Ulu Sebungan, jalan Ulu Sebauh/Ulu Sekabai dan jalan Pandan / Labang.

Beberapa jalan lain turut dirancang bagi melengkapkan lagi jaringan pengangkutan darat ini seperti jalan Kuala Tatau, jalan Baru Sebauh (dari persimpangan Jalan Kampung Jepak), jalan Ulu Pandan dan jalan Rh Philip/ Rumah Assu/ Rumah Bom.

Kerajaan sentiasa mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memenuhi keperluan penduduk bukan sahaja di bandar malah juga di kawasan luar bandar. Masalah bekalan air yang sering dialami oleh kebanyakan penduduk di luar bandar sekitar kawasan Sebauh kini dijangka akan berakhir.

Perkara gembira tersebut telah diumumkan Menteri Kemudahan Awam, YB Dato Sri Haji Awang Tengah Ali Hassan sewaktu Ucapan Penggugungan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri pada November 2006 yang lepas.

Kerajaan negeri, jelas beliau akan memperuntukkan RM20 juta di bawah dana Kerajaan negeri untuk pelaksanaan projek Bekalan Air Sebauh Fasa II dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9), melibatkan penyambungan bekalan air ke Ulu Sebauh dan kawasan di sekitar Sebauh melalui Sistem Bekalan Air Bintulu.

Mengenai keperluan industri, pembinaan empangan Kelalong yang merupakan sebahagian daripada projek utama berakhirnya dalam Rancangan Malaysia kelapan (RMK8), diharap dapat menampung keperluan domestik dan industri di Bahagian Bintulu.

Secara keseluruhan setakat ini, bekalan air yang dinikmati penduduk di Bintulu datangnya dari Loji Rawatan Air (LRA) seperti LRA Kuala Tatau, Stesen Peningkatan Kuasa Pandan (Pandan Booster Station), LRA Air Labang, LRA Tubau, LRA Sebauh, LRA Air Sangan dan LRA Tukau. Kesemuanya membekalkan kapasiti 0.65 MLD sehari.

Pada penghujung RMK8, antara projek utama yang dilaksanakan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) Bintulu ialah penggantian jambatan yang uzur antaranya melibatkan empat (4) projek penggantian jambatan melibatkan tiga (3) di daerah kecil Sebauh dan sebuah di Tatau.

Projek penggantian jambatan tersebut melibatkan penggantian jambatan Sungai Sibiew 5 (36 meter), jambatan Sungai Sebangat (26 meter), jambatan Sungai Selezu (26 meter) dan jambatan Sungai Jantan (Tatau (28 meter).

Beberapa projek yang melibatkan kemudahan bagi penduduk yang masih menjadikan pengangkutan sungai sebagai medium pengangkutan utama mereka. Kerajaan telah membina projek-projek waf/jeti /dinding sungai untuk kemudahan mereka.

Projek seperti pangkalan nelayan R.C Kuala Tatau, Dermaga Pontun RC (berhampiran Hospital Bintulu, Dinding Sungai Kampung Dagang (Tatau) dan dinding Sungai Sibiew (melibatkan 2 (dua) fasa, fasa pertama sepanjang 64 meter dan fasa kedua sepanjang 56 meter),



Mahkamah Syariah Bintulu

ternyata banyak memanfaatkan golongan tersebut.

Kemudahan asas bagi kawasan di luar bandar juga tidak diabaikan. Malah projek kompleks Sukan Bakun (Sungai Asap), telah menyediakan kemudahan asas kepada penduduk walaupun jauh di pedalaman.

Dua (2) projek besar di bawah penyediaan JKR Projek pembinaan bangunan baru juga rancak dilaksanakan antaranya ialah projek membina bangunan tambahan Pejabat Residen dan Pejabat Daerah Bintulu dan pembinaan bangunan Pejabat Agama Islam dan Mahkamah Syariah Bintulu yang dijadualkan siap sepenuhnya berakhirnya tahun 2006.



Antara loji bekalan air yang terdapat di Bahagian Bintulu.



Pembangunan di luar bandar tidak pernah diletakkan



Lebih banyak kemudahan awam disediakan



Jambatan Sungai Sebangat



Bangunan Tambahan Pejabat Residen dan Daerah Bintulu

▶ dari mukasurat 8

pengecahan, kerosakan harta benda akibat bencana alam sekitar seperti runtuh tanah, kebakaran termasuk keselamatan am dan sosial.

## Kemesraan (Friendly):

Elemen ini menekankan keperluan mengekalkan dan memperkuatkan semangat perpaduan, kerjasama dan saling membantu di antara satu sama lain. Dalam masa yang sama unsur-unsur pemeliharaan alam sekitar yang bersih dan mesra alam

## Objektif-objektif utama Program 4K :

- Untuk memperkenalkan, membina dan mengekalkan persekitaran kehidupan yang menitikberatkan unsur-unsur bersih, indah, selamat dan mesra terutama di kawasan luar bandar.
- Untuk menanam dan mengekalkan semangat sense of place dan sense of belonging kepada semua penduduk tanpa mengira strata, bangsa, keturunan,

agama dan kebudayaan.

- Untuk menggalakkan pertumbuhan sosio, ekologi dan pelancongan (sosio-ecotourism) masyarakat desa supaya menikmati kualiti hidup yang lebih sempurna.
- Untuk membantu dalam menggalakkan pembangunan produk pelancongan.

## Sasaran utama

Kawasan sasaran utama Program 4K adalah Kampung-Kampung Tradisional dan Rumah-Rumah Panjang. Pada peringkat awal perlaksanaannya, tumpuan akan diberikan kepada Perkampungan/Rumah Panjang yang terletak di sepanjang jalan utama Bintulu/Miri dan Bintulu/Sibu.

Selain daripada itu tumpuan juga diberikan kepada sekolah-sekolah, balairaya, surau, masjid, gereja dan taman-taman rekreasi

## Mekanisma pelaksanaan

- Kerjasama antara jabatan, NGO, swasta
- Perlaksanaan Program 4K adalah berteraskan kepada

kerjasama erat di antara agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan penduduk-penduduk Kampung/Rumah Panjang. Ahli Jawatankuasa Induk Program 4K peringkat Bahagian adalah terdiri daripada R&DO Bintulu, Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Jabatan Kerjaya (JKR), Jabatan Polis, Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perhutanan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan. Agensi-agensi Kerajaan yang lain merupakan agensi sokongan dan akan dijemput turut serta dari semasa ke semasa, berdasarkan keperluan.

- Penglibatan penduduk kampung/ rumah panjang
- Perbincangan dengan penduduk Kampung/ Rumah Panjang akan diselaras oleh Pejabat Daerah melalui JKJK. Di antara agenda penting ialah untuk menyelaras pelaksanaan Program termasuk membuat persediaan peralatan, kawasan menanam pokok dan lain-lain keperluan logistik. Pejabat Daerah, Pertanian, Hutan dan JKR akan bertindak sebagai fasilitator dalam perancangan

aktiviti peringkat Kampung/ Rumah Panjang.

## Mekanisma pemantauan

Pemantauan Program 4K diselaras oleh Pejabat Residen dengan bantuan Pejabat Daerah Bintulu dan Tatau.

Pegawai-Pegawai Daerah pula akan membuat lawatan susulan (revisit) premis-premis yang telah dilaksanakan Program 4K sekurang-kurangnya sebulan sekali, untuk memastikan program tersebut berjaya dan memberi faedah kepada penduduk.

Hasil lawatan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pagi atau Mesyuarat Bulanan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan Program yang telah dilancarkan.

## Insentif

Semua Kampung/Rumah Panjang yang terpilih akan diberikan bantuan khidmat nasihat dan keparakan secara percuma oleh pelbagai agensi dalam AJK Induk mengikut bidang kuasa/tugas masing-masing.

Mereka juga turut diberikan anak-anak pokok buah-buahan, pokok kayu dan pokok bunga sebagai asas untuk memulakan pembangunan landskap/ dusun.

Bagi Kampung/Rumah Panjang yang menunjukkan komitmen cemerlang, akan diberikan khidmat pengukuhan (strengthen). Mereka akan dibekalkan lebih banyak anak-anak pokok buah-buahan, bunga dan kayu perhiasan bagi meningkatkan lagi keindahan landskap dan meluaskan dusun buah-buahan.

Jabatan Residen akan mencalonkan Kampung/ Rumah Panjang tersebut dalam Pertandingan Desa Cemerlang Peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri, sebagai mengiktiraf komitmen penduduk terhadap Program 4K.

Selain daripada itu Kampung/Rumah Panjang yang cemerlang juga akan diberikan keutamaan dalam rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan seperti MRP, PPRT dan VIDP.

## Pertandingan Open Source 2006 Platform "Pakar ICT" Serlahkan Bakat



Lai Chiong Ching, pelajar dari University Teknologi Curtin dengan ciptaan FIRA 2 ("File Injection and Retrieval Application Version 2") mendapat tempat pertama dalam pertandingan tersebut

**F**IRA 2 ("File Injection and Retrieval Application Version 2"), hasil ciptaan Lai Chiong Ching, pelajar dari Universiti Teknologi Curtin, Miri telah membawa tuah kepada pelajar berkenaan apabila berjaya merangkul tempat pertama dalam pertandingan Open Source 2006 yang diadakan baru-baru ini.

Perisian yang dibangunkan Lai Chiong dalam tempoh 3 bulan itu adalah aplikasi fail stenografi ditulis dalam bentuk java yang berupaya menyembunyikan mesej teks di atas imej bitmap.

Steganografi adalah gabungan antara seni dan sains menulis mesej tersembunyi yang mungkin tidak diketahui penerima mesej berkenaan. Ia berlainan dengan kriptografi yang mempamerkan mesej jelas tetapi masih terlindung kandungan utamanya.

Tempat kedua turut dimenangi oleh tiga (3) orang pelajar dari universiti yang sama iaitu David Wong, Chan Chen Shyang dan John Lau. Kumpulan ini telah membangunkan perisian "Reprogrammable Intelligent Battery Charger 1.0 (RIBAC 1.0).

RIBAC 1.0 adalah sistem yang mampu mengawal pengecajan bateri, iaitu ia berupaya menghentikan caj sekiranya melebihi tahap yang diperlukan secara automatik. Kelebihan sistem tersebut ia berjaya memanjangkan tempoh jangka hayat bateri.

Manakala Aravinth K. Manogarn dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan ciptaan "Peta Interaktif

Bandar Raya Kuching" berjaya mendapat tempat ketiga. Ciptaan tersebut banyak membantu pengguna dalam usaha mengenalpasti lokasi kawasan pelancongan di atas peta digital yang boleh disesuaikan mengikut maklumat yang dikehendaki.

Hadiah untuk tempat pertama ialah wang tunai RM6,000 manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dengan RM3,000 dan RM1,000.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam pada satu majlis yang ringkas di Wisma Bapa Malaysia pada 22 September 2006 yang lepas.

Pertandingan pembangunan perisian berasaskan sumber terbuka pada tahun ini adalah kali kedua diadakan sejak tahun 2004. Pertandingan tersebut yang dianjurkan Sarawak Information Sistem Sdn Bhd (SAINS) dengan kerjasama Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri bertujuan untuk mencungkil kreativiti para peserta yang mahir dalam bidang ICT berasaskan teknologi sumber terbuka.

Kesan positifnya, ia menyediakan platform kepada pelajar menunjukkan kebolehan mereka membangunkan perisian berasaskan sumber terbuka yang sedia ada, di samping mengetengahkan bakat pencipta muda dalam bidang teknologi berkenaan.



Tempat kedua turut disandang oleh tiga (3) orang pelajar iaitu David Wong, Chan Chen Shyang dan John Lau dari Universiti Teknologi Curtin, Miri. Kumpulan ini telah membangunkan perisian "Reprogrammable Intelligent Battery Charger 1.0 (RIBAC 1.0)

▶ dari muka hadapan

## Perisian Berasaskan Sumber Terbuka: Lebih Mudah dan Menjimatkan

dalam pembangunan aplikasi sistem menggunakan teknologi berkenaan antaranya seperti bahagian kewangan, pembangunan sumber manusia, penjagaan kesihatan, pertanian dan sebagainya.

Kerajaan negeri, jelas beliau akan terus menyokong usaha ke arah itu dan penganjuran pertandingan berkaitan seperti pertandingan Open Source 2006 adalah permulaan bagi ramai pencipta muda yang mengkhususkan pengajian dalam kejuruteraan ICT menyerlahkan bakat masing-masing.

Kelebihan Penggunaan Sumber Terbuka (**Open Source**)

- Perisian berasaskan sumber terbuka dapat mengurangkan "kebergantungan" terhadap perisian berbentuk komersil yang agak mahal di pasaran,

- Ia adalah satu pelaburan ICT yang mudah dan menjimatkan, di samping aksesnya secara percuma atau didapati dengan harga yang minimum.

- Kod sumber mudah diperolehi yang pastinya memudahkan usaha menyesuaikan ia mengikut keperluan masing-masing di samping boleh menyetem dengan sistem yang sedia ada

- Sesiapa sahaja boleh menyumbang secara online dalam pembangunan perisian sumber terbuka, selain berkongsi kepakaran dengan mereka yang mahir dalam bidang tertentu

- Menyediakan peluang kepada mereka yang ingin mencipta produk atau teknologi baru berasaskan perisian sumber terbuka yang sedia ada

## Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Berkuatkuasa 6 November 2006



Nama Pegawai	Jawatan/ Tempat Kerja Sekarang	Jawatan/ Tempat Kerja Baru
Encik Julaihi bin Kadir	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Sibuti	Pegawai Tadbir Gred N44 Pejabat Daerah Miri
Encik Dennis Ukong Langub	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Lawas	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Sibuti
Raymond Pey bin Adum	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Belaga	Pegawai Tadbir Gred N44 Pejabat Daerah Lawas
Zul Bin Usup	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Pusa	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Residen Samarahan
Puan Rosmawati binti Majidi	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Pembangunan Bandar dan Pelancongan	Pegawai Tadbir Gred N44 Kementerian Perumahan
Encik Wong Hee Sieng	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kuching Bandar dan Pelancongan	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Pembangunan
Encik Juan Ubit	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Kapit	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Sarikei
Encik Mackos ak Sibong	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Perancang Negeri Sarawak	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Kapit
Encik Wilson Spilak Asui	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Daro	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Siburan
Encik Morini Kudan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Siburan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Tebedu
Encik Ismawie B. Salleh	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Lundu	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Daro
Encik Ismail Bin Kasah	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Dalat	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Sri Aman
Encik Abdul Khalid bin Manap	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Sri Aman	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Kuching
Puan Yusfida binti Khalid	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Kuching	Pen. Setiausaha Gred N41 Kementerian Pembangunan Perindustrian
Encik Sayed Ismail Nasiruddin B. Wan Hashim	Pen. Setiausaha Gred N41 Kementerian Pembangunan Perindustrian	Pen. Setiausaha Gred N41 Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan
Encik Mohamad Irtidzar Bin Razali	Pen. Setiausaha Gred N41 Kementerian Pembangunan Bandar dan Pelancongan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Sarikei
Encik Suhandi bin Tugiman	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Kuching	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Roban
Puan Joyce ak Boarnerges Entika	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Roban	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Sibul
Encik Shafrie bin Sailie	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Sibul	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Mukah
Encik Mohd Ikmal Abdullah @ Langgong Merdan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Mukah	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kapit
Encik Joseph Ikan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kapit	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Song
Encik Minggu Jampong	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Song	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Lubuk Antu
Encik Hamdan Katang	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Lubuk Antu	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Marudi
Encik Mansor Borhan	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Kabong	Pegawai Tadbir Gred N41 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Encik Ahmad bin Abd. Razak	Pegawai Tadbir Gred N41 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pengurusan Sumber Manusia Negeri Jabatan Ketua Menteri
Encik Shariff Bujang	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Timbalan Residen Limbang	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam
Encik Awangku Nazaruddin bin Pengiran Hashim	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pembangunan Sumber Manusia dan kualiti
Wan Akil bin Wan Ahmad Bujang	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Residen Kuching
Encik Joseph Liaw	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Residen Kuching	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pembangunan Sumber Manusia
Encik Dzulkornian bin Masron	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi (Majlis Pembangunan Sosial)	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti
Encik Mohamad Sadikin B. Sapiee	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Perancangan Sumber Manusia (Sangkutan)
Cik Jane Ngo Siok Ing	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Perancangan Sumber Manusia (Sangkutan)	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi (Majlis Pembangunan Sosial)

## Lembaga Lada Malaysia Bermula Januari 2007

Peranan Jemaah Pemasaran Lada Hitam (PMB) akan diperluas dan dikenali sebagai Lembaga Lada Malaysia (MPB) bermula 1 Januari 2007.

Usaha meluaskan peranan dan menaiktaraf agensi itu perlu memandangkan permintaan pasaran lada dunia yang semakin kompetitif.

Demikian dijelaskan oleh Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi selepas merasmikan Loji Pengisaran Lada di ibu pejabat PMB yang berharga RM3.75 juta di Kuching baru-baru ini.

Beliau berkata peranan PMB pada masa ini agak terbatas kerana ia terlibat hanya dalam aspek pemasaran lada. Sehubungan itu, kenaikan taraf itu akan memberi faedah kepada kegiatan hiran dan huluan bagi industri lada.

Kegiatan hiran akan memberi tumpuan kepada usaha memperbaiki aspek pemprosesan dan pemasaran dalam industri itu. Sementara kegiatan huluan akan memberi perhatian kepada amalan pertanian baru, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta meneroka produk baru dan mencipta klon lada baru.

Pendapatan para pekebun kecil juga akan lebih baik hasil daripada kepelbagaian kegunaan produk lada.

Beliau turut menjelaskan bahawa enam kawasan baru telah dikenalpasti bagi program perladangan lada secara berkelompok dalam tempoh lima tahun akan datang.

Kawasan-kawasan itu terletak di Sungai Asap, Nanga Spak Betong, Serian, Sarikei, Suai-Niah dan Lundu.

Apabila kawasan itu mula

mengeluarkan hasil, pengeluaran lada negara akan meningkat dari 19,000 tan metrik sekarang kepada lebih 30,000 tan metrik.

### Objektif Penubuhan Lembaga Lada Malaysia

- menggalakkan penanaman lada
- membangunkan dan menggalakkan industri lada
- menggalakkan penyelidikan tentang lada, keluaran lada dan industri lada
- membangunkan matlamat dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran lada Malaysia yang teratur
- mengawal selia industri lada kecuali penanaman dan penyelidikan tentang lada.

## Perniagaan Pertubuhan Peladang Terus Meningkatkan

Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) mencatatkan peningkatan nilai perniagaan secara berterusan semenjak 10 tahun yang lalu dan dijangka mencapai jumlah RM23 juta tahun ini.

Nilai perniagaannya telah meningkat dari RM10 juta pada tahun 1996 kepada kira-kira RM23 juta pada tahun ini, bersamaan kira-kira RM1.9 juta sebulan. Tahun lalu ia mencatatkan RM20 juta.

Sementara itu, PPNS bersama-sama rakan kongsi perniagaannya turut mencatatkan nilai modal pusingan berjumlah RM143 juta pada tahun lalu dan dijangka mengekalkan pencapaian yang sama pada tahun ini.

Demikian menurut Pengerusinya, Encik Francis Harden Hollis pada pembukaan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ke-21 di Kuching baru-baru ini.

Beliau yang juga Menteri Muda Pembangunan Tanah menjelaskan bahawa kira-kira 65 peratus daripada aktiviti perniagaan PPNS adalah di pasaran terbuka sementara selebihnya adalah dalam *captive market* Jabatan Pertanian.



PPNS sehingga kini mampu bersaing dalam pasaran terbuka kerana kepakarannya dalam penawaran input pertanian seperti makanan ikan, serta

produk berasaskan lada dan sagu. Pada tahun ini, PPNS dijangka mencatatkan keuntungan bersih berjumlah kira-kira RM500,000 berbanding sebanyak RM354,497 pada tahun lalu.

Sepanjang 10 tahun yang lalu, PPNS telah mencatatkan keuntungan bersih terkumpul berjumlah RM7.8 juta.

Sementara itu, semua PPK di negeri ini akan menerima sejumlah RM105,850 dalam bentuk dividen dan sumbangan pada tahun ini. Pada ketika ini terdapat sejumlah 28 buah PPK yang mewakili kira-kira 147 ribu buah keluarga tani.

Sebenarnya fokus utama PPNS bukanlah untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. Sehubungan itu, matlamatnya bukan untuk memaksimumkan keuntungan. Sebaliknya kebajikan para ahlinya di dalam PPK adalah lebih utama.

Aktiviti perniagaan utama PPNS ketika ini ialah jual beli dan

kerja kontrak. Selain itu, ia juga mengendalikan beberapa estet mini getah, sagu, kelapa sawit dan padi dengan kerjasama daripada Kementerian Pembedanan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian Negeri.

Dengan pengalaman yang dimiliki, kini PPNS telah bersedia untuk mengorak langkah meluaskan pasarnya ke luar negeri. Ketika ini pasaran ladanya telah berjaya menembusi pasaran negara China dan beberapa negara Eropah, selain daripada pasaran buah mata naga (dragon fruit) yang telah sampai ke Dubai, Emiriyah Arab Bersatu.

PPNS merupakan pertubuhan korporat yang bertindak sebagai badan perniagaan bagi Jabatan Pertanian Sarawak yang diperbadankan pada 2 Januari 1986 dan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembedanan Pertanian Sarawak.



Terus maju... aktiviti perniagaan Pertubuhan Peladang mencatatkan peningkatan nilai perniagaan berterusan sejak 10 tahun lalu

▶ dari mukasurat 10

## Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Berkuatkuasa 6 November 2006

Encik Victor Undang ak Jeliang	Pegawai Tadbir Gred N41 Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Sebauh
Cik Norlilia binti Hj. Ulis	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kecil Sebauh	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Residen Miri
Encik Nyurak Ketii	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Residen Miri	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Tatau
Encik Peter Frankie Anam Baie	Pegawai Tadbir Gred N44 Pejabat Daerah Sarikei	Pegawai Tadbir Gred N44 Pejabat Daerah Kuching
Encik Zulkarnain bin Rosli	Pegawai Tadbir Gred N41 Unit Pentadbiran	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Samarahan
Encik Khalid B. Andong	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Daro	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Sibul
Encik Sayed Kadir B. Wahab	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kuching	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Daro
Puan Norlela Bt. Jarnie	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Sibul	Pegawai Tadbir Gred N41 Pejabat Daerah Kuching

▶ dari muka hadapan

## Laman web Unit Pengurusan Sumber Manusia Terbaik 2006

terkini dan menarik selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Kerajaan Elektronik secara menyeluruh menjelang 2008.

Selain itu ia juga diadakan bagi mengiktiraf usaha agensi-agensi Kerajaan Negeri serta meningkatkan kualiti penyebaran maklumat dan perkhidmatan dalam talian kepada orang awam dan komuniti perniagaan di samping mempromosikan perkhidmatan dan peluang yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan.

### Alamat Laman Web Agensi

- Unit Pengurusan Sumber Manusia, JKM - [www.hrm.sarawak.gov.my](http://www.hrm.sarawak.gov.my)
- Lembaga Kemajuan Bintulu - [www.bda.gov.my](http://www.bda.gov.my)
- Syarikat SESCO Berhad - [www.sesco.com.my](http://www.sesco.com.my)
- Pejabat Daerah Kecil Pusa - [www.pusado.sarawak.gov.my](http://www.pusado.sarawak.gov.my)
- Pejabat Daerah Mukah - [www.mukahdo.sarawak.gov.my](http://www.mukahdo.sarawak.gov.my)
- Jabatan Tanah Dan Survei - [www.landsurvey.sarawak.gov.my](http://www.landsurvey.sarawak.gov.my)
- Dewan Bandaraya Kuching Utara - [www.dbku.gov.my](http://www.dbku.gov.my)



Unit Pengurusan Sumber Manusia rangkul Johan Pertandingan



En. Kamaruddin Mohammad dari Unit Pengurusan Sumber Manusia (Tempat Kedua Pentadbir Laman Web Terbaik)



Pn. Maria Hj. Mersal dari Lembaga Kemajuan Bintulu (Tempat Kedua Pentadbir Laman Web Terbaik)



Pn. Audrey Wee dari Syarikat SESCO Berhad (Tempat Ketiga Pentadbir Laman Web Terbaik)

## Perkongsi Pintar Majukan Perniagaan Koperasi Sekolah

Dunia perniagaan, sering dikaitkan dengan persaingan. Kalau berniaga, masing-masing berusaha mengekalkan pelanggan sendiri daripada terlepas kepada pihak lain.

Tindakan itu sering dianggap perlu kerana setiap pelanggan yang ada adalah penyumbang kepada rezeki dalam perniagaan.

Namun, bagi Koperasi SMK Dato Permaisuri (SMKDP) Miri Bhd., persaingan yang datang daripada para peniaga kecil di luar sekolah tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk menjalankan perkongsian pintar ataupun kerjasama perniagaan.

SMKDP Miri dengan populasi kira-kira 2,000 orang telah menyediakan peluang perniagaan yang cukup baik bagi pengusaha dan peniaga kecil makanan di luar pagar sekolah.

Tetapi, tanpa sebarang premis dan lesen perniagaan yang sah, aktiviti yang diusahakan itu boleh dianggap sebagai tidak sah.

Melihat kepada situasi itu, pihak pengurusan Koperasi SMKDP Miri Bhd. telah mengadakan perbincangan dengan para penjaja makanan di luar sekolah untuk menjalankan kerjasama.

Demikian menurut Pengerusi Koperasi SMKDP Miri Bhd., Cik Bibi Sabariah ketika dikunjungi RAKAN Sarawak di sekolah itu baru-baru ini.

Keputusan itu juga berikutan daripada keadaan di premis Koperasi SMKDP Miri Bhd. yang terletak di bahagian belakang Dewan Perdana (dewan sekolah) mempunyai ruang niaga yang cukup luas dan selesa.

Sehubungan itu, sistem sewaan tapak telah diperkenalkan pada tahun 2004. Ia menyediakan ruang niaga untuk disewakan kepada pengusaha-pengusaha makanan dengan kadar sebanyak RM2,500.00 sebulan.

Nyata bahawa tawaran itu telah disambut baik oleh para pengusaha dan peniaga makanan di luar kawasan sekolah berkenaan.

Kini mereka bukan sahaja mempunyai premis yang sah, malah mempunyai lebih ramai pelanggan berbanding sebelumnya.

Sebelum sistem itu diperkenalkan iaitu pada tahun 1998, pihak koperasi sekolah telah menetapkan komisen sebanyak 20 peratus daripada pembekal-pembekal makanan yang menghantar barangan mereka untuk dijual oleh pihak koperasi.

Tetapi, tindakan membawa masuk pembekal makanan itu sendiri untuk berniaga di premis koperasi sekolah lebih wajar dan memihak kepada kedua-dua pihak.

Kejayaan usahasama itu telah mendorong pihak Koperasi SMKDP Miri Bhd. untuk merancang jenis perkongsian pintar lain yang bersesuaian dengan koperasi-koperasi sekolah lain dan koperasi-koperasi dewasa di sekitar kawasan Bandar Raya Miri pada masa hadapan.



Pengerusi Koperasi sekolah, Cik Bibi Sabariah



Penyewaan tapak memberi keuntungan kepada pihak sekolah dan pengusaha makanan

pihak.

Kejayaan usahasama itu telah mendorong pihak Koperasi SMKDP Miri Bhd. untuk merancang jenis perkongsian pintar lain yang bersesuaian dengan koperasi-koperasi sekolah lain dan koperasi-koperasi dewasa di sekitar kawasan Bandar Raya Miri pada masa hadapan.

Perkongsi pintar memberi pilihan kepada para pelajar mendapatkan barangan berkualiti pada harga yang kompetitif



## Empat Tahun Ke Arah SMK Mukah Cemerlang

Baru, moden dan selesa ... mungkin itu sesuai dikatakan tentang keadaan fizikal SMK Mukah yang menjadi tempat menimba ilmu bagi kira-kira 1,200 orang pelajarannya.

Sehubungan itu, tidak menghairankan apabila sekolah ini menjadi destinasi pelbagai pihak, khususnya Jabatan Pelajaran Bahagian untuk menjalankan pelbagai aktiviti termasuk mesyuarat.

SMK Mukah yang terletak di Jalan Service Centre, kira-kira lima minit perjalanan dari Pusat Bandar Mukah, dibina di kawasan seluas kira-kira 16.29 hektar dengan kos kira-kira RM30.40 juta. Ia mula digunakan pada tahun 2002 dan siap pada Mac 2003.

Walaupun baru, sasaran tinggi pihak pengurusan sekolah bagi memastikan sekolah ini mampu mencapai kecemerlangan pada tahun 2010 meletakkannya pada kedudukan lebih matang berbanding usianya.

Empat tahun telah berlalu dan tinggal empat tahun sahaja lagi untuk seluruh warga sekolah mencapai visinya, 'SMK Mukah Cemerlang 2010'.

Menurut Pengetuanya, Pn. Hajah Zakiah Bt. Abdul Hamid, SMK Mukah amat bertuah kerana mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap dan moden.

Ia menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah dilaksanakan dalam keadaan yang selesa dan mungkin lebih baik berbanding sekolah di bandar-bandar besar.

Justeru, tumpuan utama ketika ini ialah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang untuk menyumbang kepada pembangunan negeri, khususnya di Bahagian Mukah.

Pn. Hajah Zakiah yang telah berkhidmat di sekolah itu selama lebih setahun yang lalu menyedari tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakannya.

Sehubungan itu, antara perkara terawal yang ditetapkannya ialah memperkenalkan visi dan misi sekolah.

Menurutnya, seluruh warga SMK Mukah mempunyai misi untuk memastikan kurikulum dan kokurikulum sentiasa cemerlang, sahsiah dan disiplin pelajar terpuji dalam persekitaran kondusif berteraskan pengurusan dan pentadbiran yang cekap.

Bagi menjadikan visi serta misi itu menjadi realiti, matlamat sekolah turut dijadikan sebagai garis panduan sepanjang masa.

Matlamat SMK Mukah adalah untuk

- Memberi pendidikan yang berkualiti kepada semua pelajar
- Melahirkan pelajar yang bersemangat tinggi dan mampu menghadapi cabaran global
- Melahirkan pelajar yang berilmu, berakhlak mulia, berbudaya dan taat kepada Raja dan Negara
- Membentuk personaliti dan kualiti kepimpinan kental
- Menyediakan kemudahan dan persekitaran yang kondusif dan selamat
- Memupuk semangat kekitaan dan

toleransi serta kerjasama jitu di kalangan warga sekolah dan masyarakat

### Kurikulum

Menurut Pn. Hajah Zakiah, SMK Mukah mempunyai 62 orang tenaga pendidik dan 1,205 orang pelajar. Seramai 604 orang daripadanya merupakan pelajar asrama.

Sekolah itu mempunyai 34 buah kelas yang melaksanakan sistem satu sesi persekolahan yang mana sebuah daripadanya merupakan kelas pendidikan khas.

Dari segi kurikulum (akademik),



Blok Pentadbiran SMK Mukah



Persekitaran sekolah yang kondusif bagi pengajaran dan pembelajaran

pencapaian SMK Mukah boleh dikatakan membanggakan sungguhpun bukan dikategorikan sebagai sekolah khas mahupun sekolah berasrama penuh.

Saban tahun, pencapaiannya dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat menyaingi peratusan pencapaian Peringkat Kebangsaan dan Negeri.

Untuk Bahagian Mukah, mereka merupakan antara yang terbaik daripada segi pencapaian peratusan



Prasarana ICT yang lengkap dan moden

kelulusan.

Menurut Pn. Hajah Zakiah, pencapaian itu banyak dibantu oleh proses pembelajaran dan pengajaran yang diteliti keberkesannya sepanjang masa.

Sehubungan itu, kesemua empat bidang utama iaitu kemanusiaan, bahasa, teknik dan vokasional serta sains dan matematik sentiasa diberi penekanan yang sama dan mempunyai tenaga penggerak (guru matapelajaran) yang bertanggungjawab memastikan pencapaian bidang masing-



Pengetua, Pn. Hajah Zakiah Bt. Abdul Hamid

masing.

Bagi kelas peperiksaan iaitu para pelajar Tingkatan Tiga dan Lima, mereka dimestikan menghadiri Kelas Bestari (Tingkatan 3) dan Kelas Albukhari (Tingkatan 5).

Menjelang musim peperiksaan (bermula Ogos), sekolah akan mengadakan 'morning talk' selama 10 minit sebelum kelas bermula pada setiap pagi bagi pelajar Tingkatan 3 dan Tingkatan 5.

Selain Solat Hajat dan Misa peperiksaan yang lazim diadakan oleh kebanyakan sekolah, sekolah ini juga turut mengadakan doa harian sebelum kelas bermula.

Hari Semarak Budi pula memberi peluang kepada para pelajar bersemuka dengan guru untuk memohon restu dan memohon maaf sebelum peperiksaan bermula.

Amalan-amalan tersebut sebenarnya banyak mempengaruhi minat pelajar terhadap kepentingan pelajaran di samping berperanan membentuk akhlak yang mulia dan berbudaya.

Tidak ketinggalan ialah Hari Permuafakatan yang mana para ibu bapa pelajar dijemput untuk datang ke sekolah untuk mengambil kad laporan akademik anak masing-masing.

Kerjasama yang ditunjukkan oleh ibu bapa nyata memberangsangkan kerana kira-kira 90 peratus daripada ibu bapa pelajar bekerjasama menayakan hari tersebut.

### Kokurikulum

Setinggi manapun ilmu yang diperoleh tanpa dikukuhkan dengan aktiviti luar (kokurikulum) yang sepatutnya tidak akan dapat menghasilkan modal insan yang seimbang seperti yang diharapkan.

Justeru, menurut Pn. Hajah Zakiah, para pelajar diberi kebebasan untuk menyertai 30 jenis aktiviti terdiri daripada unit beruniform, sukan dan permainan serta kelab dan persatuan.

Seni Silat, Seni Tari dan Seni Muzik merupakan antara aktiviti yang mungkin jarang terdapat di sekolah lain kerana terdapat anggapan bahawa ia kurang memberikan manfaat.

Namun, menurut beliau, aktiviti seperti itu sebenarnya mempunyai kekuatannya tersendiri. Seni Muzik umpamanya, selain mengelakkan kebosanan, ia juga membantu menjadikan minda lebih kreatif seterusnya meningkatkan daya kreativiti serta keyakinan pelajar.

Katanya, persembahan di pentas memberikan mereka keyakinan untuk berdepan dengan orang ramai dan menanam semangat bekerjasama dalam membuat persembahan terbaik.

Walaupun kegiatan

## Penerokaan Biodiversiti Perlu Diimbangi Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah daripada 12 wilayah mega biodiversiti (kepelbagaian tumbuhan, haiwan dan mikro-organisma) di dunia.

Rekod menunjukkan Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya 20 ribu spesies tumbuhan, hampir 15 ribu daripadanya merupakan spesies tumbuhan berbunga, 200 spesies mamalia, 600 spesies burung, 140 spesies ular, 150 spesies katak dan ribuan spesies serangga.

Daripada jumlah spesies tumbuhan itu, lebih kurang 1,230 spesies dilaporkan mempunyai nilai perubatan dan hampir 200 spesies biasa digunakan sebagai bahan untuk produk herba dan ubat tradisional di kalangan masyarakat kita.

Sudah tentu kita harus berasa megah dengan pengiktirafan itu kerana ia merupakan pintu kepada kemajuan pelbagai sektor ekonomi seperti bioteknologi, biofarmaseutikal dan pelancongan.

Misalnya, kira-kira 75 peratus bekalan herba tempatan yang digunakan untuk pemprosesan ubat-ubatan tradisional diperolehi dari hutan.

Malah, pasaran bahan mentah herba berpotensi cerah untuk terus berkembang dalam industri wangian, kosmetik dan toiletries di pasaran tempatan dan dijangka mencecah nilai RM333.7 juta pada tahun 2010.

Sementara laporan oleh World Bank pula menyebut bahawa nilai pasaran herba akan meningkat kepada RM19 trilion di seluruh dunia pada tahun 2050 berikutan perkembangan pesatnya dalam bidang perubatan, farmaseutikal, makanan kesihatan dan makanan tambahan, pewangi dan industri bau-bauan, kosmetik, toiletries, bio-pesticide dan kimia industri.

Di Sarawak, kira-kira 80 peratus atau 10 juta hektar daripada keluasan negeri ini masih diliputi oleh hutan semulajadi. Keluasan itu sudah



Taman Etno-Botani di Taman Rimba Sama Jaya mempamerkan lebih 100 spesies tanaman herba

yang perlu dilaksanakan ialah dengan meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap kepelbagaian sumber biodiversiti di negara ini.

Melalui langkah itu, negara bukan sahaja akan dapat manfaat lebih banyak sumber genetik tanaman baru yang berpotensi diterokai, tetapi juga membantu memajukan sektor pertanian negara dengan mengeluarkan hasil berkualiti bagi menampung permintaan industri makanan.

Industri makanan negara mencatatkan defisit dagangan yang meningkat kepada kira-kira RM7.4 billion pada tahun 2005 daripada kira-kira RM5.3 bilion lima tahun sebelumnya.

Lima tahun akan datang, defisit itu pasti terus meningkat jika usaha mengimbangnya tidak dilipatgandakan kerana bilangan penduduk negara dijangka mencapai 28.9 juta orang menjelang tahun 2010 dari seramai 26.7 juta ketika ini.

Jika R&D berkembang dan dikomersilkan, ia bukan sahaja akan memberi manfaat kepada sektor pertanian dan industri makanan tetapi juga semua sektor lain berkaitan dengan biodiversiti.

Pada masa yang sama, usaha memelihara dan memulihara sumber biodiversiti negara terletak pada tanggungjawab dan usaha kerajaan negeri masing-masing.

Di Sarawak usaha itu dipelopori oleh Sarawak Forestry Corporation (SFC), Sarawak Biodiversity Centre (SBC), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) serta beberapa buah agensi kerajaan yang lain.

Pengurusan sumber hutan dan biodiversiti secara bestari perlu dilakukan oleh semua pihak demi manfaat generasi pada hari ini dan masa hadapan.

Dengan kesedaran itu, kita akan mampu menikmati sumber kekayaan biodiversiti negara pada hari ini dan seterusnya oleh generasi akan datang.

semestinya telah dapat memberikan gambaran betapa luasnya peluang yang mampu disediakan oleh khazanah biodiversiti kita.

Namun, cabaran terbesar ialah bagaimana hasil daripada sumber kekayaan biodiversiti itu boleh diterokai dan memberi manfaat untuk faedah bersama.

Pada masa yang sama bagaimana kita hendak memastikan bahawa kekayaan khazanah hutan kita tidak akan pupus akibat pembalakan, penerokaan tanah yang tidak teratur dan pencemaran?

Dua persoalan itu turut ditekankan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas merasmikan Sistem Maklumat



Kekayaan biodiversiti turut menyumbang kepada perkembangan pelbagai sektor lain seperti pelancongan

Agrobiodiversiti Negara dan Persidangan Kebangsaan Mengenai Pemuliharaan dan Penggunaan Agrobiodiversiti Secara Lestari di Kuching baru-baru ini.

Menurutnya, antara langkah

## Politeknik Mukah

Penuhi Hasrat Lahirkan Modal Insan Berkualiti

▶ dari mukasurat 2

Manakala peringkat diploma pula, ia menawarkan Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) dan Diploma Teknologi Maklumat (DIT)

Kelebihan itu turut mendorong Pelajar Pengajian Teknologi Maklumat, Farida Bte Jaafar, 21, berasal dari Membakut, Sabah memilih untuk meneruskan pengajiannya di Politeknik Mukah.

Jelasnya walaupun berjauhan dengan ibu-bapa di Sabah, namun dia percaya bidang yang dipilihnya adalah tepat memandangkan dia memasang cita-cita untuk membuka perniagaan berasaskan IT apabila keluar kelak.



Nora Afisa Bt Omar

Farida Bt Jaafar

operasi di Sekolah Menengah Teknik Sibul, Jalan Deshon Sibul Sarawak.

Di Kampus Politeknik di Mukah, ia mula menjalankan pengambilan pelajar bagi sesi pertama pada 26 Julai 2005, dengan menerima kehadiran seramai 161 orang pelajar dengan hanya tiga bidang pengajian (ketika itu) dikendalikan iaitu Teknologi Maklumat (ICT), Perdagangan dan Kejuruteraan Awam.

Politeknik Mukah menjadi politeknik yang ke 20 di Malaysia serta kedua (2) di Sarawak. Projek yang dibangunkan dengan kos kira-kira RM298 juta itu turut menempatkan beberapa bidang pengajian antaranya Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Jabatan Pengajian Am, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrikal Awam, Jabatan Pengajian Perniagaan, Latihan dan Lanjutan.



Memiliki antara pusat sumber yang paling lengkap dalam daerah Mukah

Nora afisa Bt Omar, Pelajar Pengajian Pengurusan Perniagaan bagaimanapun bersyukur kerana peluang untuk mendapatkan pendidikan dalam bidang kemahiran tercapai.

Dia yang berasal dari Sibul, Sarawak berharap lepasan sekolah agar tidak melepaskan peluang yang telah disediakan oleh kerajaan.

Politeknik Mukah, menjadi antara institusi pendidikan kedua selepas Universiti Teknologi MARA (UiTM Sarawak, Cawangan Mukah) yang terletak di bahagian berkenaan.

Politeknik Mukah terletak 10.5 km dari Bandar Baru Mukah serta dibina di tapak seluas 100 ekar. Sebelum berpindah ke Mukah, ia telah pun mula beroperasi pada 1 Ogos 2004 dengan membuka satu pejabat

### Info Ringkas

Kajian mendapati 49.78% pelajar lepasan Politeknik bekerja dalam sektor ekonomi Perlombongan dan Pengkuarian, Pembuatan, Bekalan Elektrik, Gas dan Air dan Pembinaan. Manakala 32.95% bekerja dalam sektor ekonomi yang lain seperti perdagangan Jual Borong & Jual runcit, pembaikan kenderaan serta pengantaraan kewangan, aktiviti Hartanah, penyewaan dan perniagaan.

(Sumber: KPTM, Bahagian Pengurusan Politeknik - Kajian Pengesanan Graduan Politeknik bagi tahun 2005).

▶ bersambung dari mukasurat 12

## Melahirkan Modal Insan Cemerlang

kokurikulum diadakan dengan pelbagai matlamat dan mampu memberi pelbagai kesan positif, Pn. Hajah Zakiah beranggapan bahawa kegiatan itu sebenarnya turut menjadi kunci kejayaan pihak sekolah dalam menangani masalah disiplin di kalangan pelajar.

Para pelajar adalah diwajibkan untuk menyertai sebarang aktiviti kokurikulum yang diminati mereka di sekolah. Dalam Kelab Seni Muzik umpamanya, pelajar yang bermasalah akan mempelajari pelbagai bentuk disiplin yang harus dipatuhi dalam membuat persembahan berkumpulan dan sebagainya.

Sesungguhnya, komitmen pihak sekolah dalam usaha memartabatkan aktiviti kokurikulum di sekolah amat jelas melalui pencapaiannya sama ada di peringkat Bahagian mahupun Negeri.

Termasuk dalam senarai kejayaan sekolah ialah menjadi Johan dalam Pertandingan Catur

MSSM dan Antarabangsa Peringkat Bahagian 2006.

Pihak sekolah juga tidak keberatan untuk berbelanja mendapatkan peralatan kokurikulum sungguhpun menelan kos yang besar



Taman Herba di perkarangan blok sekolah

kerana semuanya adalah untuk pelaburan pembangunan modal insan iaitu para pelajar sekolah itu sendiri.

Misalnya, membeli baju silat dan kebudayaan, serta peralatan muzik seperti kompang yang diimport dari Semenanjung Malaysia.

Oleh kerana sekolah ini masih baru, usaha berganda terpaksa dilaksanakan untuk menjadikan persekitaran sekolah lebih ceria. Walau bagaimanapun, dalam usaha itu pihak sekolah turut berdepan dengan masalah ketidaksuburan tanah yang menyebabkan pelbagai jenis tumbuhan yang ditanam tidak dapat hidup dengan sempurna.

Untuk mengatasi masalah itu, Pn. Hajah Zakiah nekad mendapatkan tanah tembok yang dibeli dari luar Daerah Mukah untuk membolehkan kerja-kerja keceriaan sekolah dilaksanakan.

Sungguhpun menelan kos yang besar, implikasi daripada keputusan yang sukar itu akhirnya berbaloi. Kini persekitaran sekolah kelihatan lebih ceria dengan pelbagai jenis pokok yang ditanam.

Turut dibina ialah 'Taman Herba' yang mempamerkan pelbagai spesies

tumbuhan herba seperti serai dan siantan merah.

Cat yang telah pudar pada bangunan sekolah pula diwarnakan semula oleh para pelajar sendiri. Penyertaan para pelajar dalam aktiviti seperti itu telah membantu menanam perasaan cintakan sekolah dalam diri masing-masing seterusnya menggalakkan mereka menghargai suasana keceriaan dan kebersihan sekolah.

Semua perancangan, perkembangan terkini serta pencapaian sekolah dalam kegiatan kokurikulum juga dipaparkan kepada umum di papan notis sekolah bagi mewujudkan perasaan kebanggaan dan sebagai panduan di kalangan warga sekolah untuk merancang aktiviti masing-masing.

Turut memainkan peranan ialah dokumentasi semua maklumat berkaitan oleh guru yang bertanggungjawab yang ternyata telah memudahkan rujukan semula oleh sesiapa sahaja yang mengambilalih tugas berkenaan kemudiannya. Di

samping itu, dokumentasi yang lengkap itu juga memudahkan perancangan dibuat untuk memajukan kegiatan kokurikulum di SMK Mukah.

Melalui pelbagai usaha berganda dan senarai pencapaian yang direkodkan dalam diari harian SMK Mukah setakat ini, Pn. Hajah Zakiah berkeyakinan bahawa visi untuk menjadi sekolah cemerlang pada tahun 2010 akan tercapai.

Walaupun bagaimanapun, usaha dan strategi baru akan disesuaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan agar kecemerlangan kokurikulum serta kurikulum sekolah setanding dengan tahap kemudahan fizikalnya yang baru dan moden.



Peralatan muzik yang serba lengkap bagi tujuan pengajaran

# "Sarawak Best" Branding Logo

The "Sarawak Best" branding logo is aimed towards the recognition of products of high quality as produced by Sarawak's



the Sarawak Cottage Industry and the Sarawak Cottage Industry Association (PINK) at this

launching ceremony. The existence of the online database provides information regarding the assistance and services that are available for members of the cottage industry whom are already registered with various government

departments and agencies. It would also enable newcomers to register themselves online free of charge. This database can be located at the following web address: <http://www.infobooth.sarawak.gov.my>. PINK would then provide leadership, support and networking links for them.

11 government departments and agencies are involved in "Sarawak Best", these being the Ministry of Modernisation Agriculture (MOMA), the Sarawak Department of Agriculture (DOA), FAMA, the Human Resource Development and Quality Unit (HRDQ) of the Chief Minister's Department, Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), MARDI, LKIM, MARA Sarawak, the Sarawak Department of Sea Fisheries (JPLS), the Sarawak Craft Council (SCC) and the Sarawak branch of the Malaysian Handicraft Development Corporation.

Before receiving the title of a being a "Sarawak Best" product, certain criteria must be met. They are as follows:

- The product must be uniquely connected with Sarawak's identity
- The product can only be produced by the cottage industry
- For food based products, there has to be a high standard of quality and hygiene during production (only *halal*

- inputs from local products are allowed)
- The product must have sales potential (sales amounting towards less than 200,000 units) and competitiveness
- The production quantity of the product must be consistent in order to meet the consumers' expectations

A committee made up of representatives from the aforementioned government departments and agencies will determine if a specific product qualifies to receive the "Sarawak Best" label of recognition.

At the launching, a total of 34 products were recognised as products worthy of receiving the "Sarawak Best", ranging from food products, agriculturally processed products, marine-based products and handicrafts.

From a beneficial standpoint, "Sarawak Best" is intent on producing products that are of high quality in terms of taste, looks and packaging that can be enjoyed by everyone. It also aims to enhance the visibility of its products within the local market as well as ensuring that its products have the ability to

comply with the health and food production safety requirements.

Eventually, the hope is that "Sarawak Best" products will be sold at supermarkets, retail outlets and tourist centres statewide in order to continue promoting the importance of Sarawak's cottage industry.

Acknowledgement and thanks to Datu Jaul Samion, Permanent Secretary of MOMA and Deputy Chairman of "Sarawak Best" for his cooperation and generosity in providing information regarding "Sarawak Best"



Sagon



Tebaloi: one of Sarawak's most popular local snacks



A selection of Sarawak Best's seafood products



Sarawak Best's very own sago Medong

## Sarawak Federal Secretary's Quality Award 2006



The Sarawak Department of Registration's (JPN) representative receiving the 3rd place trophy, mock cheque and certificate of appreciation

The Sarawak Federal Secretary's Quality Award (AKSUPS) was introduced in 2004. It was intended to give recognition towards federal departments and agencies that took the initiative and worked diligently to improve the quality of services that were available for their customers. The winning department or agency would also be the benchmark that other departments and agencies would have to aspire towards becoming.

All the various federal departments and agencies in Sarawak were invited to participate for the award.

For the 2006 award, a total of 12 departments and agencies participated. They were:

- The Limbang Division's Royal Malaysian Customs
- UiTM Sarawak
- Batu Lintang Teaching Institute
- First Division Infantry
- Sarawak Department of Registration (JPN)
- Sarawak Employees' Providence Fund (EPF)
- Tun Abdul Razak Teaching Institute
- The Sibul Division Dentistry Office

- Sarawak Development Office
- Lembaga Tabung Haji Sarawak
- Sarawak Sea Department
- Sarawak General Hospital

These departments and agencies were evaluated by an evaluation panel. Upon the evaluation, this panel would then send their reports and opinions to the award's judging panel. The evaluation panel was headed by the Sarawak branch's Director of MAMPU, with its members stemming from either directors or representatives from the Sarawak National Audit Department, the Sarawak National Accountants' Department, the Sarawak branch of the National Productivity Corporation, the Sarawak branch of the Malaysian Treasury, INTAN Malaysia Sarawak and the Sarawak Federal Secretary's Office.

The judging panel was headed by YB Tuan Haji Ngah bin Senik, the Sarawak Federal Secretary. Its members were board members of the Sarawak Federal Department's 'Drive Towards Quality Improvement' board.

### Evaluation Criteria

The winners were selected based on the following evaluation criteria, these being:

- First Criteria: Quality of the Management Structure and Objectives (10%)
  - Quality of the managerial structure
  - Quality of the managerial objectives
- Second Criteria: Quality of the Management (30%)
  - Quality of the planning and management
  - Quality of knowledge
  - Usage of data and information while making an analysis in order to improve the quality level
  - Developmental and staff training programmes related to quality management
  - Physical surroundings and functionality of the office
- Third Criteria: Quality of the Behavioural and Cultural Practices within the Organisation (30%)
  - Quality of the recognition and interest retaining activities
  - Cultural practices and judgement qualities
- Fourth Criteria: Results of the Quality Improvement Implementations (30%)
  - A judging of the results from the implementation of quality improving activities that were gained by the department or agency

The awards' ceremony was officiated by Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, Minister in the Prime Minister's Department. Both Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili and YB Tuan Haji Ngah bin Senik presented the awards to the 2006 winners.



The VIPs seated together with the Sibul Division Dentistry Office staff that received 1st place for the 2006 Federal Secretary's Quality Award



The UiTM Sarawak's representative receiving the 2nd place trophy, mock cheque and certificate of appreciation

### AWARD RECIPIENTS

- First place Prize** : The Sibul Division Dentistry Office  
Prize: RM 5,000, a trophy and a certificate of appreciation
- Second place** : UiTM Sarawak  
Prize: RM 3,000, a trophy and a certificate of appreciation
- Third place** : Sarawak Department of Registration (JPN)  
Prize: RM 2,000, a trophy and a certificate of appreciation
- Special award** : Lembaga Tabung Haji Sarawak  
Prize: RM 1,000, a trophy and a certificate of appreciation

Acknowledgement and thanks to Puan Esther Douglas Udam, Assistant to the Sarawak Federal Secretary, for her cooperation and providing information regarding the 2006 Sarawak Federal Secretary's Quality Award.

## Sarawak Biodiversity Centre: New R&D Research Facilities and Programmes



The Sarawak Biodiversity Centre's (SBC) R&D Laboratories were officially opened by the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud on 29 August 2006. The event was officiated with the signing of a commemorative by the Chief Minister in the SBC's Herbal Garden.

Notably, plans were made as early as 2004 for the SBC to expand and upgrade its R&D facilities and programmes. However, it was not until February 2005 before the plans were commenced, starting with the construction of five new laboratories. These laboratories were as follows:

1. Analytical Chemistry
2. Bioinformatics
3. Microbiology
4. Molecular Biology
5. Plant Tissue Culture

Upon the completion of these laboratories in December 2005, they were handed over to the SBC. They are fully equipped with modern laboratory equipment and instruments, creating an environment attuned towards conducting research activities and biotechnological innovations in Sarawak.

The SBC has carried out up to 11,025 bioassays in order to screen for anti-cancer properties from plants found within Sarawak



as of 30 September 2006. It has also recorded a number of 26,077 extracts from 1,662 samples of plants that were collected from National Parks throughout the state as well as various indigenous and rural communities.

Suffice to say, the SBC's R&D programme exists as a library of products that are naturally derived mainly from Sarawak's indigenous plants. It is an important source of chemical diversity, as reflected in its bioactive compound screening activities and development of the early stages of bioactive compound analysis. With these new R&D facilities, the SBC is playing its part in training the future generations of biotech researchers and scientists.

The implementation of the SBC's training programme allows fresh university graduates to undergo training under their R&D programme for up to one year. In order to qualify for a trainee position, a prospective applicant is expected to have exceptional academic records, with a minimum Cumulative Grade Point Average (CGPA) of 3.0 points. Upon a successful application, the graduates are

given a monthly allowance and are evaluated every 4<sup>th</sup>, 6<sup>th</sup>, 8<sup>th</sup> and 10<sup>th</sup> month of their training to record their progress, job performance and attitude towards their work. At the end of training programme, trainees whom have excelled are subsequently offered permanent jobs as research officers under the SBC's Human Resources allocation of vacancies.

Through such efforts, the SBC stands by its belief that skilfully trained employees whom are effective and proactive are futile in continuing Sarawak's biodiversity R&D efforts.



Newly upgraded lab equipment by the SBC being utilised in one of its laboratories

*Acknowledgement and thanks to Miss Asha Kaushal, Desk Officer for the Sarawak Biodiversity Centre, for her cooperation and generosity in providing information regarding the upgrading of the SBC's new R&D research facilities and programmes.*

## Department of Agriculture Sarawak: Upgrading of the Agriculture Research Facilities

During the 8<sup>th</sup> Malaysia Plan (8MP), the Department of Agriculture (DOA) Sarawak implemented many upgrading processes regarding its agriculture research facilities. The types of upgrades that were carried out by the DOA are as follows:



In relation towards agricultural research within Sarawak, this upgrading has led to the transfer of technology (TOT) and a vast growth within DOA's R & D resources. There now

exists a generation of new and modern technology for farmers to use. Herein lies a strong support base for the crop industry and improving the commercial production of produce. The benefits from this upgrading have resulted in reducing production costs, ensuring that the agricultural resources are not wasted and that the labour input is more effective.

A prominent example that reflects an extremely positive outcome from upgrading the agriculture research facilities is the DOA's analytical services laboratory. It was the first agricultural laboratory in the Malaysian government sector to receive national and international accreditation and recognition. In 1999, the laboratory was granted the ISO G25 accreditation for a 2-year period. This was followed by the ISO

- a. Laboratory equipment and facilities  
More than RM 3,000,000 was spent towards acquiring new and modern laboratory equipment and instruments such as microscopes and a -85°C freezer for the Research Division's laboratories over the last 5 years.
- b. Post harvest facilities  
In the last 4 years, more than RM 500,000 was spent on upgrading the post harvest buildings and facilities as well as carrying out post harvest studies.
- c. Infrastructure facilities and farming improvement  
The upgrading of the infrastructure facilities included the construction of permanent rain shelters (buildings with transparent houses), plant houses and vegetable net houses. The irrigation and drainage system and the existing access road system to the Research Division's various experimental stations were also improved upon. All in all, a total of more than RM 3,000,000 was spent.
- d. Plant and farm machinery  
The acquisition of new plant and farm machinery amounted towards a total of approximately RM 1,000,000. This ranged from farm tractors, excavators, power tillers and brush tillers.

The purpose of upgrading these facilities was to enhance the Research Division's research and development (R & D) programme. It also was a means of improving the quality of the harvested produce and making them more marketable, not to mention improving the productivity and produce quality of planting material through breeding (a combination of conventional and biotechnological agriculture) and the biotechnological programme (the cultivation of tissue culture).

The upgrading process was implemented based on the yearly funds that were allocated from either the state or federal government. Purchases through open quotations or other government agencies i.e. JKR were also part of this process. Notably, the DOA achieved more than 90% of its upgrading process goals during the 8MP. The timeline for all these upgrading processes depended on the funds that were available and the implementing agency. However, it is important to remember that such upgrades are continual processes and will be carried through into the 9<sup>th</sup> Malaysia Plan (9MP).

17025 accreditation in 2002.

Another benefit is seen in the improvement of quality through good agricultural practices (GAP). With GAP, the newly upgraded and packaged technology will produce high yielding crops through the usage of high yield varieties. In turn, this will create a consistency towards the production amount of crops, resulting in produce that is free from pesticide residue, has a high nutritive value and longer shelf life. Aesthetic value also comes into play, as the produce will be aesthetically pleasing and uniformed. Overall, the DOA's main focus in relation to this upgrading is to ensure that an increase in the earnings for Sarawakian farmers in a sustainable manner without destroying the environment.

Suffice to say, the upgrading of the DOA's agriculture research facilities have proven to be a great success in terms of expanding its scope within the field of agricultural research and hopefully this will continue in the 9MP.

*Acknowledgement and thanks to Mr. Lai Kui Fong, Senior Assistant Director (Research) of the Department of Agriculture Sarawak, for his cooperation and generosity in providing information regarding the upgrading of the agriculture research facilities.*



A plant house: part of the DOA's upgrading for its infrastructural facilities

## 2006 Water (Amendment) Bill

In July 2006, the Minister of Public Utilities and Minister of Planning and Resource Management II, Y.B. Datuk Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, proposed the 2006 Water (Amendment) Bill at State Legislative Assembly (Dewan Undangan Negeri: DUN) sitting. It was noted that after the water supply authorities of Sarawak carefully studied the 1995 Ordinance and Water Supply Regulations, the following issues came into view:

### Theft of Water

In 2005, the Ministry of Public Utilities recorded a statewide loss of RM 2.659 million due to water theft (5% of the non-revenue of water). It was then proposed that people with illegal connections to the supply pipes of the state's water works would be penalised on an increasing scale depending on the type of illegal connection i.e. domestic use, commercial use and industrial use.

### Theft of Water Meters

During the first half of 2006, the Kuching Water Board lost 150

water meters and the Sibiu Water Board lost 120 water meters. These acts of vandalism not only incurred extra costs for the respective bodies in terms of re-installing new water meters but they disrupted the water supply and caused unnecessary disturbances to the customers. It was also recorded by these respective bodies that the theft of water meters had been increasing and without any enforcement or strengthening of the present law, the number of thefts would continue to steadily rise. As such, the proposed amendment was to make provision for a new offence to include the unlawful or unauthorised removal or taking away of water meters or being found in possession of a water meter/water meters that did not belong to him or to which he was not entitled to possess.

### Outstanding Charges

The amount of outstanding charges owed by Sarawakian consumers whom had failed to make payments to their respective water supply authorities to date, comes to a total exceeding RM24 million. In order to clamp down on such

fraudulent malpractice, the following proposals were put forward:

- a. An applicant for water supply would be required to pay whatever charges and arrears or owing for water previously supplied to the premises in respect of which the applicant seeks supply.
- b. An applicant for water supply would be required to pay whatever outstanding charges were due and payable by him to any water supply authorities in respect of the water supplied to other premises currently or previously owned, occupied or used by him. This would facilitate the recovery of his arrears or payment for water supplied to him previously for the premises owned, occupied and used by him.

After the second and third reading on 25 July, the bill was passed by the DUN and will come into force on a date to be determined by Y.B. Datuk Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.



A welder ensuring that the water pipes are reinforced as part of solidifying the state's water supply



One of the numerous water pipes that could potentially be damaged during water theft



Water meters: continual theft of these will only lead to more disruption towards the water supply



One of the many vegetable net houses that have been set up as part of improving the DOA's infrastructural facilities

# Sejahtera Task Force

The Sejahtera Task Force was founded in 2005 as a means of tackling issues that affected the people living in the Central region of Sarawak, namely poverty, malnutrition, and education. Prior to its formation, the Sarawak Development Institute (SDI) completed a study on the socio-economic and nutrition survey of households with children under seven years old in the lower Rejang area in December 2003. SDI's study revealed that families living in the area were all living below the Sarawak poverty line income (this being a monthly income of RM 650 and below), leading to the aforementioned issues.

The STF's main goals are to supplement the income of hardcore poor families by teaching them skills and providing assistance, as well as improving the academic performance of the school students and decreasing the number of drop outs from these families.

The STF is headed by its founder, Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah, Assistant Minister in the Chief Minister's Office (Human Resource and Training) and Assistant Minister of Agriculture (Home Economic and Training). It is a multi-agency programme, involving the Sarawak Department of Agriculture, the Ministry of Modernisation of Agriculture Sarawak (MOMA), the Department of Education, the Medical and Health Services Department and Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN).

The STF's pilot programme (STF I) was launched in October 2005 in Kampung Penipah, Pulau Bruit, Mukah. 20 participants from Kampung Penipah were selected to participate in this programme based on the criteria below:

- i. The participants must be from the hardcore poor families
- ii. The participants must be mothers with malnourished children below 7 years old

Wives were the main targets for training by the DOA. They participated in 4 projects: snack food production, sea products, chicken rearing and planting crops. Overall, the sea products had the biggest improvement towards increasing a household's income but due to it being a seasonal method of income (sea products would only provide a steady income for 6 months; the remainder of the year would be off season due to the monsoon rain), it was not as stable and consistent as snack food production (which provided an increase of RM 150-200 per month). Chicken rearing proved to be the least beneficial as upon completion of STF I, there was still a lack of income from this project due to the chickens not being mature enough to be sold off. Participants in this project have subsequently been re-delegated to planting crops. It has to be noted that even though this amount might also seem large, the money has to be shared by a large household, with some families typically having between 6-10 children.

RM 4,000-4,500 in the form of work tools/equipment was given per family that participated. Examples of these included packaging sealers for food

products, fencing and chicken coop materials and work sheds to prepare the sea products.

Assistance such as monthly food basket assistance with an approximate cost of RM 90.00, which included powdered milk and multivitamins was lead by the Medical and Health Services Department.

This is towards improving the quality of health and decreasing the level of malnutrition amongst the participants and their children whom were aged below 7 years old.

The department also provide clean water supply and sanitation, health care and treatment services, conduct nutrition educational sessions, health awareness campaign, cooking demonstration and immunisation.

Upon the completion of the programme in June 2006, it was agreed that the programme should be extended to other villages within the area of Pulau Bruit. At present, the participants in Kampung Penipah are being closely monitored by the STF, particularly regarding the progress of their monthly income.

The STF feels that as their programme expands throughout Pulau Bruit, the people whom would be the most receptive would be the young people due to their age and physicality. It would be also be easier to bring them out of poverty in comparison to those aged 50 and above.

The second STF programme (STF II) will be officially launched on the 6<sup>th</sup> of November, 2006 at Kampung Sg. Kut Muara, Dalat.

## Malnutrition Status Amongst the Participants' Children Before STF I

Malnutrition Status	Number of Children
Moderate	19
Severe	3

## Malnutrition Status Amongst the Participants' Children as of 31<sup>st</sup> May 2006

Malnutrition Status	Number of Children
Recovered	9
Entering primary school (will now be under the care of their school)	6
Still facing nutrition problem	7

Acknowledgment and thanks to Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah, Assistant Minister in the Chief Minister's Office (Human Resource and Training), Assistant Minister of Agriculture (Home Economic and Training) and Chairperson of the Sejahtera Task Force for her cooperation and generosity in providing information regarding the Sejahtera Task Force.



Off to sea: fishing as another example of increasing the villagers' income

Crop planting: the start of an income-generating scheme

One of the crop sites for planting yams

Pre-production of the snack food

A mother accompanying her child who is in need of further treatment for malnutrition

No more dropouts: school students doing group work with a teacher

The harvested yams prepared for sale as part of increasing a household's income

The following is a summary of the projects that were implemented accompanied with a 'before and after' comparison of the Participants' monthly income:

Participant's No.	No. of Children	Type of Project	Total assistance received (RM)	Gross monthly income before (RM) (01.01.05)	Gross monthly income after (RM) (31.05.06)
1.	10	Snack food production	4,000	400.00	600.00
2.	4	Snack food production	4,000	500.00	700.00
3.	2	Snack food production	4,000	500.00	650.00
4.	7	Snack food production	4,000	500.00	670.00
5.	8	Sea products	4,500	125.00	2,400.00
6.	4	Sea products	4,500	87.50	1,800.00
7.	3	Sea products	4,500	283.30	2,480.00
8.	3	Sea products	4,500	283.30	1,600.00
9.	7	Sea products	4,500	62.50	1,200.00
10.	5	Sea products	4,500	433.30	800.00
11.	6	Sea products	4,500	175.00	600.00
12.	3	Sea products	4,500	312.50	1,600.00
13.	6	Sea products	4,500	560.00	800.00
14.	2	Sea products	4,500	275.00	700.00
15.	4	Sea products	4,500	112.50	900.00
16.	2	Sea products	4,500	283.30	1,334.00
17.	4	Chicken rearing	4,500	87.50	Nil
18.	5	Chicken rearing	4,500	95.80	Nil
19.	7	Crops	4,500	275.00	450.00
20.	6	Crops	4,500	56.30	450.00

# Sejahtera Task Force II

**A**s Sarawak enters the 21<sup>st</sup> Century, eradicating poverty within the state continues to be an on-going issue. Needless to say, numerous efforts have been made by the government to ensure that the quality of life for the Sarawakian people improves, especially for those living in rural areas.

A particularly good example of this is reflected in the Sejahtera Task Force (STF). Headed by Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah, Assistant Minister in the Chief Minister's Office (Human Resource and Training) and Assistant Minister of Agriculture (Home Economic and Training), the STF is a multi-agency programme, involving the Sarawak Department of Agriculture, the Ministry of Modernisation of Agriculture Sarawak (MOMA), WEDA, the Department of Education, the Medical and Health Services Department, Yayasan Sarawak, Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN), the State Planning Unit (SPU) and the State Development Office (SDO).

The STF was founded in 2005 as part of the government's plan to tackle the livelihood-related problems that were faced by those living within the central region of Sarawak. Its pilot programme (STF I) was launched in October 2005 in Kampung Penipah, Pulau Bruit, Daro, proving to be a great success as the 20 households that were involved in the programme increased their monthly income whilst most of the children aged under 7 years old from these households reached their targeted normal weight as well as decreasing their levels of malnutrition. Also, there were no primary school student dropouts for the duration of STF I. As a result, the Sarawak government subsequently agreed that the programme should be continued in Kampung Penipah and be carried out in Kampung Penibong and Kampung Penuai in Pulau Bruit and Kampung Sg. Kut Muara and Kampung Sg. Kut Tengah, Dalat.

This led towards the launching of STF II at Kampung Sg. Kut Muara, Dalat on 6 November 2006 by Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah. Accompanying Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah were officers from the aforementioned government departments, including Datu Jaul Samion, Permanent Secretary of MOMA, district officers of Dalat and staff members of the Eastern Times-FAX Fly Care Programme, Kuching Specialist Hospital, Marriot Hotel and Spa, Miri and the Sarah John Foundation, Australia.

STF II's focus, which is the same as STF I, is as follows:

1. To train and help the hardcore poor to increase their monthly income by teaching them about income generating skills
2. To increase the awareness of health and to decrease the malnutrition levels of children aged below 7 years old
3. To ensure that there are no student dropouts amongst children aged 7 and above

STF II's programme included 25 households that had 31 malnourished children whom were selected from Kampung Sg. Kut Muara (out of a total of 208 households and a population of 1,255 people) and Kampung Sg. Kut Tengah (out of a total of 62 households and a population of 436 people). To note, the monthly income of these households range from RM 250-1,500 with a per-capita income ranging from RM 35.71-180.

By comparison, the poverty index line for rural areas in Sarawak is RM 753 for a household with 4.2 members with a per-capita income of RM 179.30. Typically, the heads of these households work as labourers, scalers, drivers, loggers, farmers and mechanics, with their levels of education ranging between nothing and Primary 6.

During the launching of STF II, food baskets and food packages that were donated by the Marriot Hotel and Spa, Miri, Kuching Specialist Hospital and the SDO were distributed to the participating households. Eastern Times Sdn. Bhd. also donated copies of the Eastern Times whilst the Sarah John Foundation donated 40 boxes of 'Reliv Now', this being a children's nutritional product.

Most importantly, Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah's opening speech stressed the fact that STF I would not have been a success if the participants themselves were not thinking positively and being open-minded towards the changes that were required in order to increase their levels of income,



Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah and the STF team at the Sibu Wharf

Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah being greeted by the RELA members of Kampung Sg. Kut Muara, Dalat

One of the STF II's participants receiving a food package from Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah

Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah officiating the launch of STF II

A 'volunteer' trying out the 'Reliv Now' food supplement

A Sarah John Foundation representative conducting a demonstration on how to prepare the 'Reliv Now' food supplement with some help from a Medical and Health Services Department nurse

Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah giving the 'Reliv Now' food supplement to a malnourished boy and his mother

health and education. Indeed, even if the government were to provide as much financial aid and manpower as possible towards helping these people eradicate poverty from their lives, it would be impossible to do if they were unwilling to take the necessary steps as part of improving their livelihoods.

Let us hope that STF II becomes as successful, if not even more so than STF I, as the path towards eradicating poverty continues.

*Acknowledgment and thanks to Y.B. Datin Hajah Fatimah Abdullah, Assistant Minister in the Chief Minister's Office (Human Resource and Training), Assistant Minister of Agriculture (Home Economic and Training) and Chairperson of the Sejahtera Task Force for her cooperation and generosity in providing information regarding the Sejahtera Task Force*

## Info Close Monitoring of Global Food Situation Needed

**F**orty countries are facing food emergencies and require external assistance, with the crisis in the Darfur region of Sudan still the most pressing humanitarian problem, according to an FAO (Food and Agriculture Organisation) report released on October 9th 2006 in Rome.

Prospects for the 2006 world cereal harvest have deteriorated further since July, according to the report. Exceptionally hot and dry weather is adversely affecting the wheat crops in Australia, Argentina and Brazil, while drier-than-normal weather in parts of South Asia is also raising some concern for the second 2006 paddy crop.

FAO's forecast for world cereal production in 2006 now stands at about 2 013 million tonnes, almost 8 million tonnes down since the previous report in July and 1.6 percent less than the 2005 level.

While the situation in Darfur remains the most critical, elsewhere in Eastern Africa, despite improved prospects for the 2006/07 crops in some areas, floods, erratic rains and conflict-related displacement have negatively affected the food situation. Most of the region's pastoral areas have yet to recover from the successive poor rains that severely affected livestock and resulted in acute food shortages and migration of thousands of people in search of water and food.

In Somalia, a severe food crisis is expected to persist throughout the country for the rest of 2006, affecting at least 1.8 million people.

In spite of a satisfactory food supply situation, serious localized food insecurity due mostly to access problems is reported in several West African countries, including Burkina Faso, Guinea-Bissau, Mali, Mauritania and Niger. Emergency food assistance continues to be needed in Chad, Côte d'Ivoire, Guinea, Liberia and Sierra Leone due to large numbers of internally displaced people (IDPs) and refugees.

The majority of the population of the Central African Republic is facing food insecurity following disruption in production and marketing activities as a result of civil strife.

Despite a significant improvement in the 2006 main crops compared to last year, emergency food aid of about 542 000 tonnes of cereals is required in Southern Africa due largely to inadequate production, high

unemployment, low purchasing power and the cumulative impact of HIV/AIDS.

In Zimbabwe, where inflation was officially estimated at 1,205 percent in July 2006 and, according to the International Monetary Fund, is expected to reach over 4,000 percent next year, 1.4 million rural people - about 17 percent of the total rural population - will not be able to meet their minimum cereal needs during the 2006/07 season.

Despite economic growth and increased oil revenues in Angola, some 800 000 vulnerable people are estimated to require about 58 000 tonnes of cereal assistance. In the Great Lakes region, the continuing civil strife in the Democratic Republic of the Congo has left large numbers of people in need of food assistance. Food aid is also needed in Burundi following the reduced 2006 harvest, combined with resettlement of returnees and IDPs.

Reduced food aid and crop damage due to floods in July has increased the severity of food insecurity in the Democratic People's Republic of Korea. In Timor-Leste, hundreds of thousands of people affected by civil unrest still need food assistance.

Over 45 000 people affected by drought and floods in Nepal have received relief assistance. Unprecedented floods caused by several weeks of torrential rain have left millions of people in India and Pakistan homeless and in need of food assistance. In China, the worst drought in 50 years has affected more than 3 million hectares of crops in Sichuan and Chongqing.

In Iraq, conflict and insecurity continues to displace hundreds of thousands people. Drought and unusually high temperatures have compromised food production in Afghanistan and Armenia. In addition, increased military operations and conflict over the past year in Afghanistan have further exacerbated food insecurity in the country.

Food aid is still being provided to some vulnerable rural families affected by hurricanes during the second half of 2005 in El Salvador and Guatemala. It is also being distributed to populations without access to food in Haiti, Nicaragua and Honduras.

## Kebajikan Selepas Bersara ... Mencarum Untuk Pencen

Bersara kerana akan mencapai umur 56 tahun tidak lama lagi? Apakah yang akan dilakukan selepas itu? Apakah masih ada sumber kewangan selepas bersara?

Persoalan-persoalan itu pastinya timbul dalam setiap kakitangan awam. Menghitung tahun persaraan juga menyebabkan ramai tidak dapat lari daripada menghitung kadar bilangan pencen yang bakal diterima kelak.

Mungkin ada yang mengeluh dan mungkin ada juga yang cukup berpuas hati kerana masih mampu menerima hasil daripada penat lelah dan sumbangan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Namun yang pasti masa tua anda telah terjaga kerana kerajaan mempunyai perancangan sejak dahulu lagi dengan memperkenalkan skim faedah persaraan yang lebih dikenali sebagai skim pencen dalam perkhidmatan awam

Setiap kakitangan awam yang mencapai umur persaraan wajib iaitu 56 tahun akan menikmati faedah ini (Umur persaraan wajib bagi mereka yang dilantik sebelum 1/10/2001 ialah 55 atau 56 tahun tertakluk kepada opsyen yang dibuat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2001).

Yang membezakan kadarnya hanyalah kadar yang diterima kerana ia bergantung kepada gaji hakiki bulanan terakhir sebelum bersara.

### Mengapa Skim Pencen Diperkenal?

- Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap perkhidmatan cemerlang seseorang anggota yang telah dicurahkan kepada Kerajaan dengan penuh taat setia, dedikasi dan amanah
- Berbentuk suatu ikatan ke atas anggota-anggota agar mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan
- Memberi jaminan saraan hidup kepada anggota-anggota setelah mereka bersara dari perkhidmatan Kerajaan;
- Memberi saraan hidup kepada orang-orang tanggungan



Pencen akan membantu meringankan beban kewangan selepas bersara daripada perkhidmatan. (Gambar hiasan)

anggota-anggota yang telah meninggal dunia sama ada semasa di dalam perkhidmatan Kerajaan atau selepas mereka bersara

- Mewujudkan suatu bentuk Skim Pampasan yang terbuka kepada anggota-anggota yang dikehendaki bersara atau meninggal dunia akibat mengalami kecederaan atau menghidap penyakit kerana terdedah kepada bahaya-bahaya tertentu ketika menjalankan tugas-tugas rasmi mereka

Atas sebab itu ramai beranggapan bahawa bekerja dengan kerajaan adalah lebih baik dan terjamin. Memang ada kebenarannya kerana selain mempunyai pekerjaan tetap, kakitangan awam juga mempunyai masa persaraan yang lebih terjamin melalui pembayaran pencen bulanan yang diterima.

Namun, perlu diambil perhatian bahawa pencen, ganjaran atau faedah persaraan lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang pencen bukanlah



Pencen menjanjikan ketenangan jiwa kerana menyediakan sumber kewangan berterusan selepas bersara

merupakan hak mutlak seseorang anggota. Ia kerana seseorang anggota hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam undang-undang pencen untuk melayakkannya menerima faedah persaraan.

### Jenis-Jenis Faedah Persaraan

Anggota berpencen yang bersara atau dikehendaki bersara dari perkhidmatan kerajaan layak dibayar faedah-faedah persaraan seperti di Jadual 1. Tetapi, kadar ganjaran dan pencen yang akan dibayar bergantung kepada tempoh perkhidmatan yang diambil kira dan gaji hakiki bulanan yang akhir diterima oleh anggota itu.

Akta 227 atau Akta 239 juga membolehkan faedah-faedah persaraan lain yang dinyatakan di bawah ini diberikan kepada anggota atau orang-orang tanggungannya (di mana wajar)

#### 1. Pencen Hilang Upaya

Pencen Hilang Upaya merupakan faedah tambahan yang diberikan kepada seseorang anggota Kerajaan yang dikehendaki bersara atas sebab-sebab kesihatan akibat daripada

- kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas-tugas rasminya
- penyakit yang dihidapinya kerana anggota tersebut telah terdedah kepada bahaya-bahaya tertentu semasa menjalankan tugas-tugas rasminya, atau
- kemalangan dalam perjalanan dengan syarat kecederaan atau penyakit bukan disebabkan oleh kecuaiannya atau salahlaku anggota tersebut.

Jadual 1 ▼

Ganjaran Perkhidmatan (bayaran sekaligus)	7.5% x tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukirakan x gaji hakiki bulanan yang akhir diterima.
Pencen Perkhidmatan (bayaran bulanan)	1/600 x tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukirakan x gaji hakiki bulanan yang akhir diterima. Tertakluk kepada pencen maksimum setengah daripada gaji akhir yang dicapai apabila berkhidmat selama 25 tahun atau 300 bulan tempoh perkhidmatan yang diambil kira
Pembayaran Wang Tunai Gantikan Cuti Rehat (bayaran sekaligus)	1/30 x [gaji pokok + imbuhan tetap] x jumlah cuti rehat yang terkumpul sehingga 90 hari

#### 2. Pencen Tanggungan

Pencen Tanggungan merupakan suatu faedah persaraan tambahan yang diberikan kepada orang-orang tanggungan pesara atau anggota yang telah meninggal dunia akibat dari kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas-tugas rasmi atau penyakit yang dihidapi atau kemalangan dalam perjalanan dengan syarat berikut

- anggota tersebut telah meninggal dunia di dalam salah satu keadaan yang dinyatakan di atas, dan
- kematian pesara atau anggota tersebut telah berlaku dalam masa 7 tahun dari tarikh ia mula mengalami kecederaan atau menghidap penyakit tersebut.

#### Mencarum Untuk Pencen

Potongan gaji bulanan sebagai salah satu cara mencarum bagi tujuan faedah pada hari tua bukan perkara yang baru dalam perkhidmatan awam negara.

Bermula 12 April 1991, anggota-anggota kerajaan dalam perkhidmatan tetap yang dilantik pada atau selepas tarikh itu layak diberi opsyen memilih Skim (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) KWSP sebelum disahkan dalam jawatan. Namun sambutan yang diberikan kurang menggalakkan.

Sehubungan itu kerajaan telah mencadangkan satu sistem baru diperkenal yang dikenali sebagai Skim/ Faedah Pencen Bercarum.

Kakitangan awam terutama kakitangan lantikan baru mungkin perlu mencarum kepada skim pencen bercarum mirip kepada KWSP seperti diamalkan di kalangan kakitangan sektor swasta bermula pada tahun 2007.

Ia bermakna kakitangan awam hanya perlu mencarum sejumlah wang kepada tabung persaraan mereka yang diuruskan KWSP dan nilai sumbangan bulanan itu akan dipadankan dengan caruman kerajaan

Kerajaan telah mencadangkan sistem berkenaan kerana jumlah kakitangan awam kini melebihi sejuta orang.

Keadaan itu telah meningkatkan peruntukan kerajaan setiap tahun untuk membayar pencen saban tahun. Pada tahun lalu lebih RM4 bilion telah dikeluarkan bagi membayar pencen kepada kira-kira 500,000 pesara awam.

Walau bagaimanapun, ia masih dalam peringkat perbincangan dan akan diperhalusi sebelum dibawa ke Parlimen.

Jika diluluskan, Akta Pencen 1980 perlu dipinda bagi memasukkan peruntukan tambahan caruman kakitangan awam itu.

Tindakan itu juga dilihat perlu sebagai langkah pemodenan perkhidmatan awam negara serta selaras dengan kebanyakan negara maju sebagai satu langkah mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Dalam membuat cadangan itu, kerajaan juga sentiasa berhati-hati bahawa ia tidak akan membebaskan mereka dalam menyumbang sebahagian daripada gaji mereka sebagai caruman bulanan demi manfaat kepada kakitangan awam apabila tiba usia persaraan.

Sumber : Laman web Bahagian Pencen JPA dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

dari mukasurat 5 ▶

## Koperasi SMK Dato Permaisuri (SMKDP) Miri Bhd

asrama, tali leher, buku kerja, selimut, cadar, sarung bantal, baju T kokurikulum dan rumah sukan.

### Keuntungan dan manfaat

- Memberi pendidikan kepada ahli melalui kursus-kursus anjuran koperasi, MKM, Angkatan dan JPK
- Membantu pelajar miskin dengan membekalkan buku kerja, buku latihan, alat tulis, baju T sekolah dan tali leher.
- Sumbangan kewangan kepada pelajar yang mewakili sekolah untuk pertandingan di peringkat bahagian dan negeri
- Sumbangan kewangan kepada sekolah untuk

menjayakan pelbagai aktiviti kokurikulum dan majlis keraihan

- Meningkatkan tahap ekonomi para ahli koperasi dengan memberi elaun bagi tugas yang diamanahkan seperti dalam proses jual beli, pembungkusan dan lain-lain

### Pencapaian

- Anugerah Hadiah Khas Koperasi Sekolah Menengah Harian Kategori A untuk Anugerah



Kualiti Koperasi Sekolah Negeri Sarawak 1999

- Hadiah Galakan Koperasi pada tahun 2001

### Perancangan

- Latihan amali kepada pelajar dan guru tentang selok-belok perniagaan dan keusahawanan
- Mendedahkan pelajar yang mengambil mata pelajaran Perdagangan tentang cara merekod urus niaga. Ia dilakukan dengan cara melantik mereka sebagai jurujual dan ALK koperasi
- Mengadakan kursus dan seminar bersama-sama JPK Bahagian miri, MKM Cawangan Sarawak, PULAKOP

Cawangan Sabah dan Angkatan Cawangan Sarawak.

- Perkongsian pintar dengan koperasi-koperasi sekolah lain dan koperasi-koperasi dewasa di sekitar kawasan Miri
- Menubuhkan pasukan Wartawan Koperasi SMKDP Bhd.
- Menghantar ALK/AJK menghadiri kursus atau seminar berkaitan koperasi
- Lawatan sambil belajar ke negeri lain untuk mengadakan perkongsian pintar dengan koperasi-koperasi sekolah di negeri tersebut



Kegiatan berkoperasi turut memberi pendedahan selok-belok perniagaan kepada para pelajar



Semua keperluan pelajar sekolah disediakan

# Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi Secara Membina dan Produktif

(Bahagian 1)

Usaha berterusan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah dilaksanakan semenjak peristiwa 13 Mei 1969 yang dikenalpasti berpunca daripada ketidaksamaan ekonomi di kalangan rakyat serta pengagihan kemakmuran ekonomi yang tidak seimbang.

Justeru, pelbagai perubahan dan perancangan telah dilaksanakan sehingga ketidaksamaan mampu dirapatkan dan pengagihan kekayaan ekonomi negara dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sungguhpun demikian, sejak awal tahun 90-an kemajuan yang dicapai kian terbatas apabila proses liberalisasi mula melanda dunia. Ia kemudiannya semakin merosot apabila negara dilanda krisis kewangan sekitar tahun 1998.

Akibatnya, pelaksanaan Rancangan Malaysia kelapan (RMK8) turut dibayangi dengan ketidakseimbangan dari segi pendapatan, terutama antara kaum, antara yang kaya dengan yang miskin, serta antara kawasan bandar dengan luar bandar kembali ketara.

Laporan 2004 UNDP (United Nations Development Program) menyebut bahawa 10 peratus kumpulan rakyat terkaya di Malaysia menguasai kira-kira 38.4 peratus ekonomi negara manakala 10 peratus kumpulan rakyat termiskin menguasai hanya kira-kira 1.7 peratus.

Sementara itu, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 1999 menunjukkan kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan Bidayah di Sarawak dan Kadazandusun, Bajau dan Murut di Sabah.

HIS khas pada tahun 2002 mengenai minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak pula menunjukkan kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Bidayah, Kenyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lun Bawang di Sarawak.

Ketidakseimbangan dari segi penyertaan kumpulan etnik dalam perkhidmatan awam di pelbagai sektor tertentu seperti perkhidmatan polis dan tentera juga masih ketara.

Sehingga Jun 2005, daripada seramai 899,250 kakitangan awam di negara ini, seramai 77.04 peratus adalah Melayu, 9.37 peratus kaum Cina, 5.12 peratus kaum India, 37.7 peratus Bumiputera dan 0.7 peratus kaum-kaum lain.

Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif diambil kerajaan, kadar kemasukan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam, khususnya dua sektor perkhidmatan tersebut belum mencapai tahap yang diinginkan.

Sehubungan itu, kerajaan memberi penekanan semula kepada usaha menangani keadaan ketidaksamaan sosioekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) melalui pelbagai strategi yang berlandaskan kepada tiga prinsip berikut:

## Pertama -

1 membasmi kemiskinan supaya tidak ada rakyat yang ditinggalkan dari arus pembangunan, dan dengan itu memperkukuh landasan sosioekonomi negara agar ekonomi nasional dapat terus dibangunkan secara mapan;

**Kedua -** menjana arus pembangunan yang lebih seimbang, terutamanya di kawasan yang kurang mengalami pembangunan, dan seterusnya membuka lebih banyak peluang penyertaan dalam ekonomi negara; dan

**Ketiga -** memastikan bahawa manfaat daripada pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat secara adil dan saksama.

## Membasmi Kemiskinan

Semenjak Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) diperkenalkan pada tahun 1977, banyak perubahan telah berlaku dari segi struktur harga, corak perbelanjaan dan taraf hidup rakyat. Justeru, kerajaan telah mengkaji semula ukuran PGK untuk disesuaikan dengan keadaan berkenaan.

Berdasarkan PGK<sup>1</sup> baru, kadar kemiskinan dalam negara berada pada tahap 5.7 peratus dan kemiskinan tegar pada tahap 1.2 peratus pada tahun 2004.

Menjelang tahun 2010, kerajaan menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus dan membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar.

Bagi mencapai sasaran itu, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha bina upaya di kalangan golongan miskin dengan menambah baik akses kepada

pendapatan isi rumah bagi kumpulan penduduk 40 peratus terendah.

## Memacu Pembangunan Wilayah

Walaupun pelbagai projek dan program pembangunan dibawa ke kawasan luar bandar, kualiti dan gaya hidup penduduknya masih ketinggalan daripada apa yang dinikmati oleh mereka yang tinggal di bandar.

Sehubungan itu, lebih banyak kawasan pertumbuhan baru akan dibangunkan, termasuk mengambil pendekatan merentasi sempadan negeri untuk membolehkan sesuatu projek memberi manfaat kepada beberapa negeri secara serentak.

Ia termasuk membangunkan Koridor Utara Semenanjung (Perlis, Kedah, Perak Utara dan Seberang Perai), Koridor Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur) serta Sabah dan Sarawak.

Pembangunan kawasan secara bersepadu juga akan dilaksanakan bagi menyatukan kampung serta mewujudkan pusat pertumbuhan baru.

Di samping itu, kemudahan prasarana akan ditambah baik dan pertumbuhan peluang baru ekonomi digalakkan untuk menjana pendapatan dan pekerjaan terutamanya berkaitan pertanian baru, industri asas tani dan sektor perkhidmatan.

Bagi tujuan itu, sejumlah RM1.2



Pembangunan tanah pertanian dalam skala besar seperti dengan tanaman kelapa sawit akan terus diberi perhatian



Jalan perhubungan ke kawasan luar bandar masih perlu dipertingkatkan demi keselesaan bersama

pendidikan dan kemahiran, memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri.

Usaha itu akan meningkatkan penyertaan golongan berpendapatan rendah secara aktif dalam aktiviti ekonomi.

## Mencapai Pariti Pendapatan

Walaupun pendapatan isi rumah purata meningkat, jurang pendapatan keseluruhan dan antara kawasan bandar dengan luar bandar semakin melebar. Nisbah antara isi rumah bandar dengan isi rumah luar bandar meningkat dari 1:1.81 pada tahun 1999 kepada 1:2.11 pada 2004.

Sehubungan itu, usaha bersepadu akan dilaksanakan ke arah mencapai pariti pendapatan dan merapatkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar serta di antara etnik di negara ini.

Jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar akan dikurangkan dari 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:2 pada tahun 2010. Kerajaan juga mensasarkan untuk meningkatkan peratusan

bilion akan dibelanjakan bagi menambah baik bekalan air ke kawasan luar bandar, RM1.0 bilion bagi bekalan elektrik luar bandar, RM2.7 bilion bagi pembinaan jalan raya luar bandar dan RM900 juta bagi jalan kampung.

Lembaga Kemajuan Wilayah juga akan ditubuhkan di Sabah dan Sarawak yang akan menumpukan kepada pembangunan kawasan pedalaman dan pusat pertumbuhan desa di dua negeri itu.



Kegiatan ekonomi wanita tidak ketinggalan



Kegiatan ekonomi 'sekadar cukup makan' masih berleluasa di kawasan luar bandar

## Mengurangkan Jurang Kekayaan

Usaha akan diteruskan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2020 daripada kira-kira 18.9 peratus pada ketika ini.

Untuk itu, program penswastan akan terus berperanan sebagai landasan bagi membantu Bumiputera berkelayakan untuk menyertai perniagaan. Selain itu, kerajaan juga akan membangunkan sumber modal Bumiputera seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri, meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera ke atas harta kediaman dan perniagaan di kawasan bandar serta menggalakkan lebih banyak pemilikan harta intelektual.

Bantuan pembangunan bagi tanah adat dan tanah pribumi di Sabah dan Sarawak juga akan ditingkatkan.

Masyarakat Orang Asli turut tidak ketinggalan apabila satu

pelan pembangunan komprehensif akan dilaksanakan. Usaha itu termasuk mewujudkan peluang penajaan pendapatan menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan skim penempatan semula serta memperkenalkan program keusahawanan luar bandar di kalangan mereka.

Langkah sewajarnya juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India kepada 3 peratus menjelang tahun 2020 di samping menggalakkan keusahawanan, peluang latihan kemahiran untuk belia India melalui penambahan tempat di Pusat Giat MARA dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) serta penubuhan Pusat Putra.

## Menstruktur Semula Pola Pekerjaan

Seperti yang telah ditunjukkan pada bahagian awal teras ketiga ini, pola pekerjaan di negara ini belum menggambarkan komposisi semua kaum dalam semua sektor pekerjaan.

Sehubungan itu, kerajaan akan meningkatkan usaha memastikan bahawa pola pekerjaan benar-benar mencerminkan komposisi kaum masyarakat Malaysia terutama melalui peranan sektor swasta supaya turut sama memacu penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor yang masih kurang disertai oleh Bumiputera.

Usaha juga perlu diperhebat untuk meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan sektor-sektor yang lain.



Kegiatan ekonomi luar bandar akan dipelbagai untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk

## Nota

<sup>1</sup> Kajian semula PGK pada tahun 2005 bertujuan untuk menghasilkan pengukuran kemiskinan yang menggambarkan perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar, antara negeri serta pola demografi setiap isi rumah, bagi memberi pengukuran yang lebih tepat mengenai keadaan dan tahap kemiskinan di Malaysia.

PGK terdiri daripada dua komponen iaitu PGK makanan dan bukan makanan. PGK makanan mengambilkira keperluan harian kilokalori setiap individu apabila mengambil makanan seimbang. Sementara itu, PGK bukan makanan terdiri daripada pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain yang dikira berasaskan kepada penyiasatan perbelanjaan isi rumah.

PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS) mengikut saiz, komposisi demografi dan lokasi (negeri dan strata). Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya, bermakna isi rumah itu kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Sementara itu, sesebuah isi rumah dianggap sebagai miskin tegar jika pendapatan bulanan isi rumah itu kurang daripada PGK makanannya.

Maklumat disediakan oleh Kementerian Pembangunan Industri, Sarawak

**R**MK9 merupakan usaha kesinambungan dan perancangan pihak Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. RMK9 akan memacu Misi Nasional ke arah Wawasan 2020.

Dalam RMK9, secara umum terdapat perancangan, janji usaha gigih, komitmen dan perubahan untuk memantapkan lagi sektor perindustrian.

Secara am, selama ini Sarawak amat bertuah kerana mempunyai keupayaan, kekuatan dan juga sumber yang mencukupi untuk melaksanakan segala projek dengan dengan jaya dan cemerlang.

**Kestabilan Politik serta  
Keharmonian Kaum**

Sarawak mempunyai sebuah kerajaan yang kuat, di mana terdapat kestabilan politik yang berterusan serta keharmonian kaum yang baik.

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB Ketua Menteri adalah dinamik, proaktif, berfokus pelanggan dan yang lebih mestahak ialah pihak kerajaan amat menyokong serta komited terhadap pembangunan perniagaan dan perindustrian.

Di samping itu terdapat usaha gigih untuk bekerjasama dengan kerajaan, rakyat dan masyarakat perniagaan.

Kesemua ini adalah pra syarat dan hala tuju yang betul untuk pertumbuhan dan kejayaan ekonomi Negeri Sarawak.

Dalam suasana dan iklim yang baik dan teratur ini, pihak kerajaan boleh meneruskan agenda untuk menggubal dasar dan polisi yang lebih menguntungkan. Iklim yang baik dan stabil ini juga adalah satu aset dan kekuatan untuk membolehkan segala program pembangunan di bawah RMK9 dapat dilaksanakan.

Ini secara tak langsung akan menjadi teras yang kukuh untuk menarik lebih pelaburan dan untuk perkembangan ekonomi negeri.

**Tahap Keupayaan,  
Kekuatan dan Kesediaan  
Dalam Melaksanakan  
Projek dan Program  
Pembangunan RMK9  
Serta Menangani Cabaran  
Pelaksanaan**

Secara umumnya di peringkat pelaksanaan projek di Kementerian, Kementerian Pembangunan Perindustrian mempunyai mekanisme dan struktur pelaksanaan yang baik dan tersendiri untuk terus melaksanakan segala projek dan program di bawah RMK9.

Dalam RMK8, projek-projek bernilai RM310 juta telah dilaksanakan dengan jayanya daripada RM348 juta yang telah diperuntukkan. Pencapaian yang agak baik dengan peratusan 89% telah menjadi satu rujukan dan galakan bagi Kementerian Pembangunan Perindustrian untuk terus mengkaji, memantau dan menambahbaik pendekatan pelaksanaan supaya tahap pencapaian pelaksanaan dalam RMK9 dapat dipertingkatkan lagi.

Secara kesimpulan, dengan bergantung kepada pengalaman dan pencapaian dalam RMK8, Kementerian Pembangunan Perindustrian kini lebih bersedia dan berazam untuk melaksanakan semua projek di bawah RMK9 dengan lebih berjaya serta dapat menangani segala cabaran yang mungkin timbul.

**RMK9: Landasan  
Pembangunan Perindustrian  
Ke Arah Sebuah Negeri  
Perindustrian**

Sebelum pelancaran RMK9, dari segi pembangunan perindustrian, pihak Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk memastikan Sarawak menjadi sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2020.

Penekanan khas diberikan ke atas pembangunan yang mampan demi untuk menjamin kualiti hidup yang baik dan selesa.

Bagi merealisasikan sasaran Kerajaan Negeri ini, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian telah membuat komitmen untuk berusaha gigih ke arah visi tersebut.

Di bawah tempoh RMK9, usaha akan diteruskan untuk melaksanakan segala program dan aktiviti transformasi bagi menstruktur semula dan membangunkan sektor perindustrian supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dengan lebih pesat lagi.

**Meneruskan Penyediaan  
Iklim Pelaburan Yang  
Kondusif Dalam RMK9**

Dalam melaksanakan RMK9, penekanan akan terus ditumpukan ke arah menyediakan iklim pelaburan yang lebih kondusif demi untuk menarik lebih banyak pelaburan serta meletakkan dan mendalamkan lagi sektor perindustrian (*widening and deepening of manufacturing bases*) demi untuk merealisasikan agenda

transformasi perindustrian serta untuk mengukuhkan lagi sumbangan sektor perkilangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**Meneruskan Proses  
Transformasi Perindustrian  
& Menggalakkan Industri  
Berintensif Modal &  
Teknologi Tinggi**

Setakat ini, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian dengan kerjasama yang erat daripada lain-lain agensi kerajaan telah berjaya melaksanakan transformasi ekonomi negeri Sarawak dari cuma bergantung kuat kepada industri-industri yang mengeksploitasi sumber perusahaan utama (*exploitation of primary resources*) seperti dalam industri kayu balak ke industri yang lebih menghasilkan tambah nilai (*value-added industries*).

laitu, dari industri pemprosesan sumber utama ke sektor perkilangan yang lebih berfokus kepada industri berintensif modal serta berteknologi tinggi (*high-tech and capital intensive industries*) seperti industri Elektrikal dan Elektronik (E & E), industri pembinaan kapal serta lain-lain lagi industri berat.

Kesemua ini adalah perubahan yang besar dalam menjalankan proses dan misi pembangunan perindustrian di Sarawak.

**Peningkatan Peratusan  
& Sumbangan Sektor  
Perkilangan Kepada KDNK**

Perubahan yang nyata juga terdapat dalam meningkatkan peratusan dan sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK.

Dari segi sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK, sektor perkilangan telah meningkatkan peratusan sumbangannya dari 7.7% di tahun 1980 ke 8.6% pada tahun 1987 dan dalam tempoh RMK8 sektor perkilangan telah mencapai 21.4% dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.3%.

Adalah dijangkakan dalam tempoh RMK9, sektor perkilangan akan terus berkembang dengan kadar 5.5% dan ianya akan menyumbang lebih daripada 21% kepada KDNK.

Usaha agenda pembangunan perindustrian seperti yang dirancangkan dalam RMK9 serta melalui Pelan Induk Perindustrian Ketiga (*Industrial Master Plan 3-IMP3*)

akan menjadi teras utama yang perlu dilaksanakan demi untuk memastikan sektor perkilangan terus berkembang dan menjadi salah satu daripada enjin perkembangan utama (*main engine of growth*).

**Mengamalkan Pendekatan  
Pembangunan Industri  
Wilayah & Berkelompok  
(Corridor &  
Cluster Approach)**

Dalam RMK9, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus berusaha dengan gigih untuk melaksanakan segala projek pembangunan yang telah dirancangkan supaya ia dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus bekerjasama dengan lebih erat, rapat dan bersinergi (*synergy*) dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri supaya segala teras, objektif dan sasaran akan dicapai dengan kadar pelaksanaan yang lebih memuaskan serta dapat membawa manfaat yang lebih lumayan kepada golongan usahawan dan pekilang.

Dalam melaksanakan RMK9, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian akan memperkukuhkan segala kekuatan dan mekanisme pelaksanaan yang sedia ada.

Tumpuan akan diambil untuk menggalakkan pembangunan perindustrian melalui kaedah pembangunan yang baru, teratur, sistematik dan lebih menyeluruh, misalnya melalui Pendekatan Pembangunan Industri Secara Wilayah dan Berkelompok (*Corridor and Cluster Approach*).

Melalui Pendekatan Pembangunan Industri Secara Wilayah dan Berkelompok ini, perubahan besar dijangka berlaku dengan lebih cepat, khususnya untuk industri utama di mana Sarawak mempunyai potensi besar seperti sektor industri minyak kelapa sawit, industri yang berintensif tenaga dan petrokimia.

Industri minyak kelapa sawit akan dibangunkan dengan secara besar-besaran di bawah Pendekatan Pembangunan Industri Secara Berkelompok iaitu 'Palm Oil Industrial Cluster' (POIC) di Bahagian Miri-Bintulu dan di Tanjung Manis, Bahagian Mukah. Dana sejumlah RM100 juta dijangka akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan POIC di Sarawak.

Industri-industri yang berdasarkan Pendekatan Kelompok adalah arahlaran baru yang akan menandakan dan membawa lebih perubahan yang besar, nyata dan dengan kadar yang lebih cepat demi untuk merealisasikan Wawasan 2020.

**Mempelbagaikan Produk  
Khusus dan Buatan  
Tempatan Tersendiri Melalui  
Pendekatan Perkilangan  
Jenama Asli (Original Brand  
Manufacturing - OBM) &  
Perkilangan Rekabentuk  
Asli (Original Design  
Manufacturing - ODM)**

Sebenarnya, kegiatan ekonomi di Sarawak telah mula menandakan pembangunan yang amat pesat dalam tempoh dua dekat kebelakangan ini.

Barangan yang lebih berintensif nilai tambah telah dibuat di Sarawak. Statistik pelaburan perindustrian telah menunjukkan pertambahan yang nyata.

Setakat ini, Kementerian Pembangunan Perindustrian dengan bantuan lain-lain agensi kerajaan telah berjaya melaksanakan proses transformasi perindustrian.

Sebagai contoh, dalam industri perikanan, industri ini telah berkembang dari cuma mengeksport balak ke industri hilangan yang lebih berkekalan (*sustainable*) dan mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi (*higher value-added*).

Selaras dengan polisi untuk melebarkan lagi asas perkilangan ke industri yang tidak berasaskan sumber (*non-resource based industries*), pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus melipatgandakan usaha untuk menggalakkan pihak swasta untuk berkecimpung dengan lebih menyeluruh dalam mempelbagaikan produk khusus (*niche products*).

Konsep perkilangan berdasarkan Pendekatan Perkilangan Jenama Asli (*Original Brand Manufacturing - OBM*) dan Perkilangan Rekabentuk Asli (*Original Design Manufacturing - ODM*) akan dititikberatkan demi untuk membawa perubahan yang lebih bermanfaat.

Usaha perubahan ini akan terus menyumbang ke arah mempelbagaikan produk khusus dan barang buatan tempatan yang lebih unik dan tersendiri untuk pasaran luaran.

Ini adalah satu cabaran dan perubahan yang besar untuk para pekilang. Selama ini, para pekilang di Sarawak cuma bergantung kepada konsep perkilangan yang lebih tradisi yang hanya berasaskan kepada konsep Perkilangan Peralatan Asli (*Original Equipment Manufacturing OEM*).

**Menggalakkan  
Perkembangan Industri  
Berteknologi Tinggi**

Bagi menggalakkan pembangunan industri yang berasaskan ilmu pengetahuan (*Knowledge-based industries*), Kerajaan Negeri telah



memulakan inisiatif untuk menerajori serta berkecimpung dalam industri yang canggih, strategik dan berteknologi tinggi (*Sophisticated, Strategic and Hi-Tech Industries*) seperti Loji Pemasangan Kepingan Wafer (Wafer Fabrication Plant). Industri terkini ini akan menganjakkan pembangunan perindustrian di Sarawak.

Penglibatan kerajaan dalam industri strategik ini adalah satu komitmen dan perubahan yang nyata untuk terus memajukan lagi pembangunan perindustrian di Sarawak supaya Negeri Sarawak tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara ke arah mencapai Visi 2020.

### **Pembinaan Taman Teknologi Sarawak**

Dalam RMK9, seiring dengan pembangunan industri canggih, strategik dan berteknologi tinggi, pihak Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan dana untuk membina sebuah Taman Teknologi di Sarawak.

Usaha ini akan membolehkan pihak swasta bekerjasama dengan institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi dalam mengkomersialkan hasil kajian masing-masing.

Sehubung dengan ini, pihak Kerajaan Negeri juga akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melatih serta menarik lebih ramai ahli profesional yang mahir untuk berkhidmat di

Sarawak dan melatih generasi muda dalam pelbagai bidang bagi memastikan modal insan yang cekap, berpengetahuan dan terlatih supaya industri-industri canggih, strategik dan berteknologi tinggi dapat bertapak, beroperasi dengan lancar dan seterusnya menjanakan lebih banyak lagi pelaburan di Sarawak.

### **Mengalakkan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (Knowledge-based Economy) Dan Permohonan Sama Jaya Sebagai Sebuah Cybercity di Sarawak**

Dalam era, globalisasi, liberalisasi serta penggunaan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (*Information, Communication & Technology - ICT*) yang berleluasa ini, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian mengambil perhatian berat bahawa ekonomi yang berasaskan pengetahuan (*Knowledge-driven economy*) adalah mustahak untuk meningkatkan pencapaian pertumbuhan ekonomi.

Dalam RMK9, Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus berusaha gigih untuk menyokong usaha untuk meningkatkan lagi pembangunan kemahiran serta pembangunan sumber manusia yang berasaskan pengetahuan. Pihak Kementerian Pembangunan

Perindustrian akan berusaha dengan pihak swasta serta agensi kerajaan bagi memastikan permohonan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya sebagai sebuah Cybercity menjadi kenyataan supaya iklim untuk menyokong ekonomi yang berasaskan pengetahuan akan menjadi lebih menarik.

### **Mengkordinasikan Usaha Dalam Pembangunan Modal Insan**

Dalam era globalisasi, menyediakan tenaga kerja yang terlatih dan mahir untuk menggunakan aplikasi teknologi tinggi adalah faktor mustahak untuk memastikan kejayaan.

Kementerian Pembangunan Perindustrian sebagai agensi utama pembangunan perindustrian akan terus bertindak dengan lebih proaktif bagi memastikan terdapat modal insan yang terlatih bagi menampung permintaan ini.

Dalam tempoh RMK9, Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus menyokong usaha yang berterusan untuk mengkordinasikan dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan industri-industri strategik yang beroperasi di Sama Jaya supaya lebih ramai tenaga kerja dan ahli-ahli profesional tempatan dapat dilatih untuk memenuhi segala permintaan industri-industri canggih, strategik dan berteknologi tinggi ini.

Institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi tempatan akan digalakkan untuk membekalkan lebih banyak kursus dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik, sains bahan serta lain-lain disiplin teknikal yang berkaitan dengan ilmu berteknologi tinggi seperti kemahiran dalam industri semikonduktor.

### **Kelemahan Dari Segi Pasaran Domestik Yang Kecil Untuk Produk Tempatan**

Dari segi kelemahan atau kekurangan dalam sektor perkilangan dan perdagangan, Negeri Sarawak tidak mempunyai bilangan penduduk yang mencukupi untuk menampung segala aktiviti perniagaan tempatan, khususnya untuk menjana permintaan domestik yang mencukupi terhadap produk yang dihasilkan.

Ini adalah merupakan satu cabaran besar untuk membantu para pekilang memasarkan produk di luar negeri.

Dalam keadaan pasaran yang kecil untuk produk tempatan, usaha untuk meningkatkan bilangan pelaburan juga akan menjadi lebih mencabar.

Untuk terus menarik lebih banyak pelaburan, khususnya industri berteknologi tinggi ke Sarawak, pihak Kementerian Pembangunan Perindustrian akan lebih komited untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya pakej insentif yang lebih baik dapat diperuntukkan untuk Sarawak.

### **Usaha Untuk Mengurangkan Kos Perniagaan, Menyediakan Iklim Yang Lebih Kompetitif Serta Mengalakkan Penglibatan Pihak Swasta**

Sebagai langkah untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan, Negeri Sarawak perlu membantu pekilang dalam mengurangkan kos perniagaan supaya pekilang akan menjadi lebih kompetitif. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan persekitaran yang baik

atau "*favourable milieu*" untuk para usahawan dan pekilang.

Inisiatif untuk menyediakan segala prasarana seperti pembangunan estet-estet perindustrian perlu diteruskan untuk membantu para pekilang.

Sehubung dengan ini, usaha akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian untuk melibatkan sektor swasta dalam pembinaan infrastruktur perindustrian supaya ianya menjadi lebih viable.

### **Melaksanakan Projek RMK9 Dengan Cepat & Mengikut Sasaran**

Bagi memastikan pulangan yang lebih lumayan serta untuk memastikan para usahawan yang beroperasi di Sarawak dapat menikmati faedah daripada projek-projek yang telah dirancang serta pada tahap yang lebih kompetitif, segala projek dan program di bawah RMK9 perlu dilaksanakan dengan cepat dan menepati jadual. Negeri Sarawak perlu memaksimumkan segala rancangan yang telah disediakan supaya Sarawak lebih bersedia untuk menjanakan kegiatan ekonomi demi untuk menyumbang ke arah Wawasan 2020.

### **Meningkatkan Produktiviti & Menyediakan Modal Insan Yang Mahir**

Tindakan perlu diambil untuk meningkatkan produktiviti. Negeri Sarawak perlu membekalkan modal insan yang lebih mahir dan berkualiti serta merangsangkan inovasi melalui Penyelidikan & Pembangunan (*R & D*) supaya dapat bersaing dalam era globalisasi dan liberalisasi.

Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus bertindak sebagai titik fokus (*focal point*) untuk mengkordinasikan usaha untuk melatih tenaga kerja secara menyeluruh bagi menampung permintaan sektor perkilangan.

### **Mempromosikan Sarawak Sebagai Destinasi Pelaburan**

Kementerian Pembangunan Perindustrian perlu teruskan usaha untuk mempromosikan Sarawak sebagai destinasi pelaburan yang menarik dalam Malaysia dan di rantau ini supaya lebih ramai pelabur akan melabur di Sarawak.

### **Komitment Penuh Serta Sensitif Terhadap Keperluan Pelanggan**

Sebagai langkah penyediaan untuk menangani segala cabaran serta menenuhi keperluan tugas di bawah RMK9, komitment penuh oleh semua kakitangan sangat diperlukan.

Sebagai pelaksana projek, kakitangan kerajaan perlu lebih sensitif dan memahami suasana dan permintaan dan sedia berusaha dengan lebih gigih supaya segala projek dilaksanakan demi untuk menenuhi citarasa pelanggan.

### **Perhubungan Yang Erat & Baik Penting Untuk Meningkatkan Taraf Pelaksanaan Projek - Semangat 'Fungsi Bersepadu'**

Kementerian Pembangunan Perindustrian memahami bahawa jaringan perhubungan yang erat dan baik dalam sektor awam adalah penting untuk meningkatkan taraf pelaksanaan projek.

Semua jentera kerajaan perlu bertindak serentak demi untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan.

Antara langkah yang boleh diambil untuk menangani segelintir kelemahan yang mungkin wujud dalam melaksanakan projek ialah melalui mekanisma serta forum perbincangan dan semangat bekerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat.

Semangat 'Fungsi Bersepadu' atau '*Integrated Function*' dalam perkhidmatan awam adalah kunci utama demi untuk menyelesaikan sebarang kekurangan dengan lebih berkesan dan teratur.

Dengan lebih kordinasi dan pemantauan, segala masalah yang timbul boleh diselesaikan dengan lebih cepat dan sempurna.

Untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan ini, pihak Kerajaan Negeri sangat komited terhadap pembangunan negeri secara menyeluruh.

Di bawah kebijaksanaan pimpinan YAB Ketua Menteri, Kerajaan Negeri telah menetapkan matlamat-matlamat pembangunan yang menyeluruh untuk memastikan Negeri Sarawak akan terus mencapai pertumbuhan ekonomi berterusan dengan kadar yang tinggi, pembahagian kekayaan sama rata di antara rakyat Sarawak serta memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati kualiti hidup yang baik.

### **Politik Pembangunan Teras Untuk Pembangunan & Transformasi Perindustrian**

Pihak Kerajaan Negeri telah mencartakan falsafah pembangunan negeri berdasarkan Politik Pembangunan. Politik Pembangunan adalah satu pendekatan yang dinamik dan praktikal terhadap mencapai kestabilan dan kemakmuran yang boleh menyokong segala pembangunan dan proses transformasi perindustrian.

### **Teras Politik Pembangunan : Mempelbagaikan Ekonomi**

Satu daripada teras utama pembangunan negeri di bawah Politik Pembangunan adalah untuk mempelbagaikan ekonomi.

Sektor-sektor perkilangan baru diberi keutamaan demi untuk menganjak ekonomi Sarawak. Misalnya, penekanan yang lebih telah difokuskan terhadap pembangunan industri berintensif modal dan tenaga (*capital and energy intensive industries*) untuk mempercepatkan proses transformasi perindustrian.

Kementerian Pembangunan Perindustrian akan terus memberi fokus ke atas strategi untuk mempromosikan lebih banyak aktiviti perkilangan yang berteknologi tinggi terutamanya pengeluaran yang mempunyai lebih nilai tambah (*higher value-added production*).

Sehubung dengan ini, estet perindustrian akan dibinakan di bawah RMK9 untuk menambahkan lagi bilangan tanah perindustrian, selain daripada estet perindustrian yang disediakan oleh pihak sektor swasta.

Sebenarnya, penambahbaikan yang berterusan (*continuous improvement*) khasnya peningkatan efisien dan kualiti prasarana serta perkhidmatan adalah mustahak untuk menyediakan para usahawan, pekilang dan ahli perniagaan untuk menghadapi cabaran global serta untuk mencapai Wawasan 2020.

### **Pelan Induk Pembangunan Perindustrian Sarawak (Sarawak Industrial Development Plan - SIDP)**

Pihak Kerajaan telah merumuskan Pelan Induk Pembangunan Perindustrian Sarawak atau "*Sarawak Industrial Development Plan (SIDP)*" sebagai Pelan Induk atau "*blue print*" bagi hala tuju yang baru serta untuk memastikan pembangunan yang lebih dinamik.

Teras pembangunan perindustrian baru di bawah SIDP untuk menjanakan perkembangan perindustrian merangkumi industri pemrosesan makanan, industri minyak kelapa sawit, industri petrokimia, industri perhutanan dan perikanan, industri seramik, industri bioteknologi, industri pembinaan kapal, industri elektrik & elektronik dan industri berat.

### **Aktiviti Ekonomi Utama Mengikut Bahagian Pentadbiran (Niche Economic Activities By Administrative Division)**

Untuk menyokong teras pembangunan perindustrian yang lebih terjamin serta mempromosikan lagi sektor perkilangan, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti aktiviti ekonomi khusus mengikut Bahagian (*niche economic activities by Division*) di semua Bahagian di Sarawak.

Dengan cara ini tahap kompetitif berdasarkan kelebihan geografi (*competitiveness based on geographical advantage*) serta kelebihan produk khusus (*niche product advantage*) akan memastikan Sarawak dapat bergerak dengan lebih cepat dan teratur untuk mencapai Wawasan 2020.

Secara kesimpulan, dengan adanya sumber asli yang banyak, infrastruktur yang baik, kestabilan politik yang berterusan serta tenaga kerja yang muda, terlatih dan bertenaga, Sarawak akan dapat bergerak ke hadapan dalam merealisasikan Visi Pembangunan Negeri Sarawak serta menjadi sebagai sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2010 dengan setiap rakyat memainkan bahagian dalam perkembangan ekonomi negeri.

Dengan agenda pembangunan yang terancang (*well-planned development*) dan tindakan positif yang padu (*cohesive positive action*), sasaran Wawasan 2020 akan tercapai seperti yang terjadual.



# HALATUJU DAN PENDEKATAN JABATAN PERTANIAN SARAWAK

Maklumat disediakan oleh IbuPejabat, Jabatan Pertanian Sarawak

Sektor pertanian adalah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Sarawak, selain daripada sektor galian (petroleum), pembuatan dan perkhidmatan.

Dari segi KDNK, pertanian merupakan penyumbang keempat terbesar kepada KDNK Sarawak, iaitu bernilai RM1.6 billion atau 7% pada tahun 2005.

Selain daripada itu, sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan dari segi pemberi peluang perkerjaan, meningkatkan pendapatan dan pembangunan luar bandar yang seimbang dan mapan.

Pada pertengahan tahun 90an, perubahan yang berlaku dalam ekonomi seperti krisis kewangan menyedarkan kita terhadap kepentingan sekuriti makanan.

Sekuriti makanan negara boleh dijamin melalui pembangunan pertanian khususnya peningkatan pengeluaran makanan.

Di samping itu, kewujudan liberalisasi perdagangan antarabangsa memerlukan kita meningkatkan produktiviti pertanian di tahap pengeluaran dan daya saing di peringkat global.

Di Sarawak cabaran yang perlu dihadapi ialah untuk memodenkan pertanian terutamanya sub-sektor pengeluaran makanan, dimana nilai bil import makanan adalah dianggarkan pada tahap RM1 billion setiap tahun.

Oleh yang demikian, pada masa sekarang strategi-strategi pembangunan pertanian sedang ditumpukan kepada pembangunan pertanian komersial yang berproduktif tinggi serta lebih berdaya saing.

## Dasar Pembangunan Pertanian

Pembangunan pertanian di Sarawak adalah berpandukan kepada dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada khususnya, Dasar Pertanian Negara (DPN3) 1998-2010, Tujuan utama DPN3 ialah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian.

Ini termasuk memaksimumkan sumbangan pertanian kepada pendapatan Negara dan pendapatan pengeluar.

Secara khususnya, DPN3 mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

1. untuk meningkatkan sekuriti makanan
2. untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing
3. untuk mengeratkan lagi rantaian dengan sector lain
4. untuk mewujudkan sumber pertumbuhan baru bagi sektor pertanian, dan
5. untuk memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mapan.

Di negeri Sarawak, untuk memastikan peranan sektor pertanian akan terus dikekalkan dan ditingkatkan, halatuju dan pendekatan strategik yang diambil di dalam pembangunan sektor pertanian adalah seperti yang diuraikan dibawah.

## Halatuju Dan Pendekatan Pembangunan

Pada amnya, matlamat pembangunan sektor pertanian adalah untuk mempercepatkan transformasi dan pemodenan sektor pertanian di Sarawak.

Usaha untuk memodenkan pertanian di Sarawak bukan mudah oleh kerana menghadapi berbagai cabaran dalaman dan luaran, iaitu meningkatkan pendapatan petani, memperbaiki imbalan dagangan makanan, menjadikan pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga, dan pembangunan pertanian mampan.

Untuk menangani perubahan persekitaran dan cabaran-cabaran tersebut, Jabatan Pertanian telah mengubal visi, misi dan objektif-objektif pembangunan baru di dalam RMke-9 sebagai panduannya seperti berikut:

### Visi

Jabatan Pertanian Sarawak sebagai agensi utama dalam transformasi sektor pertanian ke arah industri pertanian yang moden, berdaya saing dan mampan.

### Misi

Jabatan Pertanian Sarawak komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggannya serta memenuhi aspirasi 'stakeholder' dalam transformasi sektor pertanian, terutama dalam:

- memastikan sekuriti makanan di Negeri Sarawak
- meningkatkan imbalan dagangan bagi makanan
- meningkatkan pendapatan serta berdaya saing, dan
- menggalakkan pertanian yang mampan

## Ojektif-Objektif & Strategi-Strategi

1. Membangunkan sektor pekebun kecil ke arah sektor yang moden, berdaya saing dan berupaya menjana pendapatan yang tinggi.
  - Mengiatkan program latihan, pengembangan dan motivasi
  - Pembangunan usahawan asas tani dan Pusat Pembangunan Usahawan
  - Menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas serta khidmat sokongan teknikal
  - Aktiviti mempelbagaikan ekonomi
2. Menambah pengeluaran makanan untuk sekuriti makanan serta mengurangkan



defisit dagangan makanan

- Mengiatkan pelaksanaan projek yang komersial dan berdaya saing yang memberi fokus kepada komoditi seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang dan tanaman industri)
  - Pengezonan kawasan pengeluaran - Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), kawasan pengeluaran ternakan dan pembangunan berkelompok (cluster).
  - Meningkatkan produktiviti melalui mekanisasi dan automasi
  - Menggalakkan aktiviti-aktiviti pemprosesan, pemasaran, nilai ditambah dan rangkaian bekalan
3. Mempertingkatkan daya saing dalam pengeluaran dan menambah pertumbuhan ekonomi
    - Pembangunan ladang bersepadu dan projek berkelompok ke arah ladang berskala komersial (estet mini)
    - Meningkatkan produktiviti melalui adaptasi teknologi baru (mekanisasi dan automasi, fertigasi dan bioteknologi)
    - Menggalakkan amalan pertanian moden dan program kepastian kualiti (pelan perniagaan, pengurusan berpusat, pakej teknologi, GAP seperti SALM, SALT & SPLAM)
  4. Menyediakan sistem penyampaian yang berkesan dan bersepadu kepada komuniti tani
    - Penyampaian perkhidmatan yang berfokus kepada kumpulan sasaran (petani dan usahawan asas tani)
    - Mempertingkatkan kerjasama antara agensi dalam menyediakan perkhidmatan
    - Mengiatkan perkhidmatan bersepadu dan bantuan dalam rangkaian bekalan (supply chain) - (R&D, pemberian input, kemudahan lepas tuai, kredit dan insentif, peralatan dan logistik serta pasaran)
    - Mengamalkan inisiatif peningkatan kualiti dalam proses kerja
  5. Memudahkan penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran pertanian dan makanan melalui inisiatif Agropolis.
    - Menyediakan infrastruktur
- dan kemudahan asas di zon atau kawasan pengeluaran (cth:- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), dll) bagi menarik sektor swasta
- Menyediakan khidmat sokongan teknikal dan nasihat
  - Memudahcara usahasama di antara sektor swasta sebagai 'anchor company' dan usahawan tani dalam projek berkelompok
6. Membangun kemahiran dan pengetahuan sumber manusia
    - Mengiatkan pembangunan sumber manusia bagi para petani
    - Mempertingkatkan kemahiran melalui latihan dan program motivasi
    - Mengiatkan promosi dan pemindahan teknologi kepada para petani
    - Membangunkan keupayaan staf dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan
  7. Memulihara dan menggunakan sumber-sumber pertanian secara mapan
    - Mengiatkan perkhidmatan undang-undang dan penguatkuasaan melalui perkhidmatan kuarantin dan regulatori seperti pelesenan akuakultur dan penternakan
    - Menggalak skim akreditasi dan pensijilan berdasarkan standard antarabangsa seperti GAP, phytosanitary certification, GAHP, GMP, HACCP, dll.
    - Melindungi dan memelihara sumber-sumber genetiktempatan (asli) dan kawasan perlindungan tertentu seperti kawasan perairan perlindungan ikan.
- Di dalam RMK9 Jabatan Pertanian akan memberi tumpuan dalam pelaksanaan pendekatan-pendekatan berikut:
1. Meningkatkan pengeluaran makanan.
  2. Pembangunan prasarana pertanian dan pemasaran.
  3. Pembangunan usahawan
  4. Meningkatkan penyelidikan dan pemindahan teknologi
  5. Meningkatkan pembangunan sumber manusia
  6. Mengalakkan amalan kepastian kualiti dan keselamatan makanan
  7. Meningkatkan perkhidmatan regulatori dan penguatkuasaan
- Melalui pendekatan strategik tersebut pertumbuhan sektor pertanian diharap dapat ditingkatkan dan dengan itu dapat mencapai tujuan untuk menjadikan pertanian sebagai jentera pertumbuhan ekonomi ketiga, selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.
- Di samping itu, sektor pertanian akan tetap menjadi penggerak

utama di dalam pembangunan ekonomi luar bandar, mewujudkan peluang pekerjaan, menarik pelaburan dan meningkatkan pengeluaran makanan.

Untuk mencapai objektif pemodenan pertanian, kita perlukan anjakan paradigma dari segi polisi, perancangan dan pelaksanaan program atau projek yang digubalkan. Ia juga memerlukan perubahan sikap dikalangan para petani, pentemak dan nelayan.

Selain daripada itu, pihak swasta, terutama usahawan-usahawan, perlu mengubah persepsi mereka terhadap pelaburan dan perniagaan pertanian kerana kegiatan pertanian boleh menguntungkan sekiranya penekanan diberi kepada penggunaan teknologi jimat buruh, inovasi dan amalan perladangan yang lebih cekap.

## Program-Program Pembangunan

Di dalam RMKe-9 Jabatan Pertanian akan melaksanakan 43 program pembangunan pertanian yang terdiri daripada kategori :

1. Program Pembangunan Tanaman Makanan;
2. Pembangunan Tanaman Industri;
3. Program Pembangunan Ternakan;
4. Program Pembangunan Perikanan Darat; dan
5. Program-Program Sokongan

## Program Tanaman Makanan

Pembangunan tanaman makanan bagi komoditi seperti sayur-sayuran dan buah-buahan terutamanya buah-buahan terpilih seperti pisang, betik, nanas, tembikai, mangga, durian, nangka, limau dan rambutan adalah untuk meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi keperluan domestik dan juga untuk eksport.

Pendekatan yang digunakan ialah melalui ladang kelompok (Cluster), penyediaan pusat pengumpulan dan pelaksanaan Taman Kekal

Pengeluaran Makanan (TKPM). Sebagai projek perintis satu TKPM di Ensengei, Bahagian Samarahan (40 hektar) telah dilaksanakan khas untuk pengeluaran nanas

Pembangunan tanaman padi adalah bertujuan untuk mencapai tahap saradiri 70% pada tahun 2010, melalui program penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur sawah dan pelaksanaan estet mini.

## Program Tanaman Industri

Pembangunan tanaman industri seperti sagu, kelapa, lada hitam dan getah adalah bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran.

Pendekatan pembangunan yang digunakan ialah pelaksanaan secara kelompok (cluster) bagi lada hitam dan secara estet mini bagi komoditi lain.

## Program Pembangunan Perikanan Darat

Pembangunan perikanan darat dan akuakultur ditumpukan kepada pembangunan akuakultur secara komersil. Pembangunan akuakultur di kawasan AIZ (Aquaculture industry zone) akan digalakkan.

### Program Pembangunan Ternakan

Pembangunan ternakan ditumpukan kepada pembangunan projek ternakan secara komersial di kawasan-kawasan pembangunan ternakan yang dikenalpasti.

Program integrasi ternakan lembu dengan kelapa sawit akan dipertingkatkan di kawasan estet-estet kelapa sawit.

### Program-Program Sokongan

Di samping program-program pembangunan komoditi-komoditi di atas, strategi pembangunan pertanian

di Sarawak di dalam RMKe-9 juga akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program-program pembangunan sokongan yang lain.

Di antara program-program sokongan penting yang akan dilaksanakan termasuk:

- Pengembangan pertanian
- Pembangunan usahawan
- Pembangunan ekonomi wanita
- Pembangunan pertubuhan peladang
- Pemasaran dan pelaburan
- Pembangunan industri makanan
- Pembangunan sumber manusia
- Bahan tanaman

- Perlindungan tanaman
- Kuarantin tumbuhan
- Pengurusan tanah
- Penyelidikan dan pembangunan
- Kuarantin Haiwan
- Kesihatan awam veterinar
- Makmal diagnosa penyakit haiwan
- Pusat pengeluaran penyelidikan dan latihan ternakan
- Kawalan dan penghapusan penyakit haiwan.

### Kesimpulan

Sektor pertanian akan pasti dapat mengekalkan peranannya

sebagai penyumbang utama di dalam pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, di dalam RMK9, kerajaan telah mengambil berat tentang pembangunan sektor ini dengan merangka dan akan melaksana berbagai program yang telah dirancang.

Selain daripada Jabatan Pertanian pelaksanaan program pembangunan bagi sektor pertanian juga dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Perikanan, LKIM, MARDI, LGM, JPLH, LKM, IADP dan sebagainya.

Bagi merealisasikan objektif yang ditetapkan, iaitu untuk menjadikannya pertanian sebagai

sektor yang moden dan progresif, kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk petani, penternak dan nelayan serta pihak swasta adalah diperlukan.



Penghargaan : En. Dominic Dares Munoi



## Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan merupakan satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara serta menggalakkan penglibatan pihak swasta untuk berkecimpung di dalam bidang pertanian.

Projek ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2000 dan sehingga tahun 2005, sebanyak 32 TKPM yang merangkumi kawasan seluas 4,085 hektar telah diwujudkan dan beroperasi di seluruh negara. Anggaran pengusaha yang terlibat adalah seramai 338 orang dengan kuantiti pengeluaran tanaman pada tahun 2005 mencapai 16 juta tan metrik yang bernilai RM18.49 juta.

Antara objektif projek TKPM adalah:

- mewujudkan zon pengeluaran makanan yang kekal;
- menggalakkan penyertaan usahawan tani dan swasta dalam pengeluaran makanan dan;
- penanaman berterusan dan pengeluaran tanaman makanan yang berkualiti.

Konsep dan ciri-ciri projek TKPM yang telah dirancang adalah:

- Melibatkan MoU antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan akan menyediakan kemudahan asas/ infrastruktur ladang
- Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah yang perlu digazet sebagai TKPM
- Lokasi projek hendaklah sesuai dari segi tanah dan tapak
- Lot tanah disewakan kepada pihak swasta untuk satu jangka masa panjang dengan bayaran yang rendah
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyelaras perkhidmatan MoA. Inc
- Keluasan komersial untuk tanaman sayur adalah seluas 30 hektar
- Keluasan komersial untuk tanaman buah adalah seluas 50 hektar
- Mengguna pakai amalan teknologi terkini
- Penanaman dan pengeluaran berterusan dan berkualiti (GAP/SALM)
- Sasaran pendapatan peserta adalah melebihi RM3000 sebulan
- Keutamaan akan diberikan kepada peserta yang berpengalaman
- Peserta perlu menyediakan pelan bisnes yang lengkap termasuk kesesuaian tanah dan cuaca serta mengambil kira BOT dan Kluster.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian projek TKPM dalam tahun 2005 mengikut negeri

Negeri	Lokasi Projek	Keluasan (ha)	Bil Peserta	Kuantiti Pegeluaran (mt)	Nilai Pengeluaran (RM)
Johor	Sekijang, Sri Pantai, Ulu Tiram, Ayer Hitam, Kg. lepau	221	18	1,009,456	1,020,554
Kedah	Bukit Perak	49	5	142,909	125,912
Kelantan	Lojing, Telong, Alor Pulai	196	15	659,368	125,912
Melaka	Selandar	144	38	446,924	622,354
Pahang	Charuk Putting, Janglau, Pulau Manis, Rengat, Salong, Sg. Atong, Sepayang dan Lancang	986	52	1,379,974	1,450,268
Perak	Lekir, Sungkai, PPK Titi Gantung, SKC K.Slim	816	58	3,204,702	2,524,861
Selangor	Sg. Blankan, Ulu Chuchuh, Berjantai Bistari, Bukit Changgang, Semenyih, Sg. Kelambu, Batang Si, PKF Serdang	835	118	4,997,846	7,099,385
Terengganu	Rhu Tapai dan Serating	837	34	4,203,858	4,724,366
<b>JUMLAH</b>		<b>4,084</b>	<b>338</b>	<b>16,045,037</b>	<b>18,498,903</b>

### Sumbangan Sektor Pertanian Kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Ketiga 2006

Pertumbuhan dalam sektor Pertanian mengukuh kepada 6.2% pada suku ini berbanding 5.6% pada suku sebelumnya.

Pertumbuhan ini disumbangkan oleh pengeluaran Kelapa Sawit, Getah dan Pertanian Lain yang lebih tinggi.

Industri Kelapa Sawit telah mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 10.0% sementara Getah pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.0%.

Pertanian lain, Ternakan, Perhutanan dan Perikanan meningkat sederhana kepada 3.1% pada suku ini berbanding pertumbuhan 4.0% pada suku kedua tahun ini.

Pada harga semasa, sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.8%. Getah dan Kelapa Sawit meningkat dengan pertumbuhan dua digit masing-masing sebanyak 57.0% dan 20.2%.

Sumber : Jabatan perangkaan Malaysia

## Terokai Semua Peluang... Misi Usahawan Tani Kampung Nyalau

Semua peluang yang ada perlu direbut dan diterokai. Hanya dengan cara itu kita akan dapat maju seperti orang lain yang berpendidikan dan berjaya dalam hidup.

Demikian tegas En. Calun bin Ahat, 40 tahun, salah seorang usahawan tani di Kampung Nyalau Ulu yang mengusahakan pelbagai cabang aktiviti pertanian dalam masa yang sama.

Kegigihannya itu terserlah melalui usaha dan baktinya kepada tanah. Kini tanah itu pula telah mula mengembalikan penat lelah yang telah dicurakkannya selama ini.

Malah dia kini amat bangga kerana menjadi penduduk kampung pertama memiliki kenderaan baru pacuan empat roda di kampungnya.

Sebelum ini, tidak sesiapa penduduk kampung yang pernah terfikir akan ada penduduk kampung memiliki kenderaan sedemikian hasil daripada aktiviti pertanian. Apatah lagi dengan kedudukan kampung yang jauh di ulu dan agak terpisah dari arus pembangunan.

Tapi kini ia bagaikan mimpi yang telah menjadi realiti bagi En. Calun dan seluruh penduduk kampung. Kini semakin ramai yang mempunyai kenderaan pacuan empat roda dan juga lori mengangkut sawit di kampung mereka.

Dahulu perjalanan dari Bandar Bintulu untuk sampai ke kampung terpaksa melalui jalan berbatu di ladang kelapa sawit yang memakan masa lebih kurang tiga jam. Itupun terpaksa menyewa kenderaan pacuan empat roda yang tinggi kosnya.

Hari ini perjalanan ke

Bintulu menggunakan Jalan Persisiran Pantai Tg. Kidurong – Bakam yang sejauh 86km, memakan masa tidak sampai sejam dengan tambang bas hanya RM9. Bas pula berulang-alik sebanyak tiga kali dalam sehari dan

pemerintahan Rajah Brooke lagi. Ia dipercayai diteroka pada sekitar tahun 1920-an oleh En. Talib bin Tuah yang berasal dari Bekenu.

Penempatan itu bermula dari hanya lima buah keluarga yang kemudiannya berkembang sehingga mewujudkan pula Kampung Nyalau Ulu, Nyalau Tengah dan Nyalau Kuala.

Hari ini Kampung Nyalau Ulu didiami oleh 66 keluarga dengan penduduk seramai kira-kira 300 orang.

Sungguhpun jauh dari bandar, pihak kerajaan tetap berusaha membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Sebuah program pembangunan

sosioekonomi kampung yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Kampung Bersepadu (VIDP) kemudiannya diperkenal oleh Unit Perancangan Negeri (SPU) di kampung itu.

Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian turut membantu dengan memperkenalkan pelbagai projek pertanian dan penganjuran kursus kemahiran pertanian moden.

Usaha itu telah memberi pengetahuan dan kemahiran kepada para penduduk kampung. Namun aspek terpenting ialah beberapa siri kursus itu telah berjaya membuka minda para penduduk kampung khususnya golongan muda ke arah usahawan petani moden termasuk En. Calun sendiri.

### Misi Seorang Usahawan

Sebelum bergiat dengan kegiatan pertanian, En. Calun pernah bekerja di syarikat pembalakan dan merantau ke bandar untuk bekerja di kilang selama 15 tahun.

Namun, pelbagai projek pembangunan yang mula dibawa masuk oleh pelbagai agensi kerajaan ke kampung mereka telah membuka matanya dan menarik minatnya



En. Calun menunjukkan cili dari jenis 'Bangi A1' yang ditanamnya

membuahkan hasil sementara pokok limau manisnya dijangka mula berbuah pada tahun hadapan.

Malah, dia juga aktif mengambil kontrak mengangkut buah kelapa sawit di ladang.

Tidak cukup dengan itu, En. Calun membina pula sebuah pusat riadah mini berhampiran kolam ikannya.

Pusat riadah mini itu dilengkapi kemudahan penginapan (chalet), kemudahan rekreasi, aktiviti memancing dan memanggag tangkapan ikan. Sekilogram ikan yang dipancing pelanggannya akan dikenakan harga RM8.

Di situ pengunjung juga berpeluang melihat nurseri biji benih tanam-tanaman yang diusahakan seperti cili dan limau.

Idea itu timbul setelah dia sering mendengar galakan kerajaan supaya aktiviti 'homestay' dikembangkan ke kawasan luar bandar.

Sungguhpun usahanya itu telah melayakkannya bergelar usahawan tani, baginya usaha itu masih belum mencukupi dan tidak akan memberikan kepuasan.

Nikmat kepuasan baginya kini ialah untuk melihat lebih ramai golongan muda kampung seperti dirinya yang kurang berpelajaran mampu berjaya meningkatkan taraf hidup setanding dengan mereka yang berpelajaran tinggi dengan hanya berbakti kepada tanah.

untuk turut serta.

Menurutnya, pembangunan tanah untuk ladang kelapa sawit dan pelaksanaan projek jalan pesisir yang melalui kampungnya merupakan tarikan terkuat untuknya kembali ke kampung halaman.

Semenjak itu, dia juga menghadirkan diri ke pelbagai kursus keusahawanan dan pertanian anjuran pelbagai agensi di sekitar Bintulu dan di kampung mereka.

Malah, dia juga sentiasa mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat daripada pihak Pejabat Residen dan Daerah serta Jabatan Pertanian tentang perancangannya bagi membangunkan tanah untuk pertanian.

Justeru, komitmen yang ditunjukkan di samping hubungan rapatnya dengan kakitangan dari pelbagai agensi telah banyak membantunya mencapai misinya. Jabatan Pertanian misalnya banyak membantu dengan pemberian skim baja, anak ikan, benih buah-buahan dan sebagainya.

Kini dia mempunyai ladang sawit seluas 40 ekar, tanaman sayur dan cili (10,000 pokok cili) dari jenis 'Bangi A1' di kawasan seluas 10 ekar, pokok limau manis (2,000 pokok) di kawasan seluas 17 ekar serta enam kolam ikan yang menempatkan ikan jelawat dan patin (2 ekar).

Menurutnya, pokok cili yang ditanam telah



Hasil kolamnya cukup lumayan

berhenti di jalan raya berhadapan pintu gerbang kampung.

### Pembangunan Masuk Kampung

Kedudukan Kampung Nyalau Ulu yang jauh dari bandar sementara aktiviti pertanian yang hanya untuk sara hidup menyebabkan penduduk kampung itu agak ketinggalan dari menikmati kemudahan sempurna dan merasai arus pembangunan.

Penempatan penduduk dari suku Kadayan di Kampung Nyalau Ulu telah bermula pada era



Rumah rehat dibina bersebelahan dengan kolam menjadi tempat riadah bagi penggemar aktiviti memancing memanggag hasil tangkapan



Kolam ikannya terbuka untuk penggemar aktiviti memancing

▶ dari mukasurat 3

## Setiausaha Persekutuan Sarawak Lawat Perkampungan Nyalau, Bintulu

kolam ini, YBhg. Tuan Haji SUP telah dihadihkan cenderahati berupa satu Tongkat Hujan Panas dan satu anak pokok Tongkat Ali sebagai kenang-kenangan oleh saudara Calon Bin Ahat selaku usahawan muda kampung yang mengusahakan Taman Riadah Mini Nyalau yang berkenaan.

Semasa mengadakan kunjungan ke tapak kolam ini, kesemua ahli rombongan yang hadir juga telah dihidangkan dengan juadah Ikan Patin Panggang dengan gulai sambal Cili Padi A1.

Selesai berehat sambil menikmati juadah ikan patin panggang di kolam ikan Calon, ahli rombongan seterusnya meneruskan perjalan untuk melawat dan meninjau kawasan persekitaran kampung di Kampung Kuala Nyalau. Perjalanan dari Kampung Nyalau Ulu mengambil masa lebih kurang 25 minit menggunakan pacuan empat roda melalui jalan berbatu sejauh lebih kurang 10 kilometer.

Kampung Nyalau Kuala dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti sebuah Dewan Serbaguna, Bangunan Koperasi Kampung, Bangunan Bilik Gerakkan dan ICT JKKK, Bangunan Tadika dan Perpustakaan serta Pusat sumber Kampung. Kampung Nyalau Kuala



YBhg. Tuan Haji SUP seterusnya dibawa oleh penduduk kampung untuk berkunjung ke lokasi air terjun Begiam yang terletak lebih kurang 1 kilo meter dari Dewan Pudayan, Kampung Nyalau Ulu

juga dilengkapi dengan beberapa jenis kemudahan infrastruktur seperti jeti, jambatan serta jalan simen dalam kampung.

Memandangkan lokasi kedudukan kampung ini masih agak jauh dari pusat bandar dan Grid SESCo iaitu kira-kira 90

Setelah penat berjalan melihat hasil projek jalan serta meninjau keadaan sekitar di lokasi air terjun Sungai Begiam, ahli rombongan seterusnya dijemput untuk menikmati jamuan tengahari di Dewan Pudayan, Kampung Nyalau Ulu



kilometer dari bandar Bintulu, maka penduduk kampung masih bergantung dengan bantuan janakuasa generator elektrik untuk mendapatkan bekalan elektrik. Turut disediakan ialah dua unit telefon satelit untuk kegunaan penduduk kampung.

Manakala bagi kemudahan air luar bandar, penduduk masih sehingga kini bergantung dengan bekalan air hujan. Kampung Nyalau Kuala mempunyai daya tarikan pelancongan yang menarik. Selain daripada pemandangan pantai yang menarik, Tanjung Bergam juga menjadi tapak bersantai yang baik di Nyalau Kuala.

Bagi memampung kemasukan

pengunjung yang ingin bermalam di kampung ini, JKKK dengan bantuan pihak Pejabat Residen & Daerah Bintulu telah menyiapkan sebuah bangunan rumah rehat bernilai



YBhg. Tuan Haji SUP telah dihadihkan cenderahati berupa satu Tongkat Hujan Panas dan satu anak pokok Tongkat Ali sebagai kenang-kenangan oleh saudara Calon Bin Ahat yang telah disampaikan oleh TK Haji Sabtu Bin Bunut

RM40 ribu pada tahun 2003.

Projek "Home Stay" juga ada disediakan di kampung ini dan antara aktiviti yang menarik dalam program ini ialah bersama-sama dengan penduduk kampung memukat ikan di laut, memanjat pokok kelapa, menanam pokok Tongkat Ali, bekerja di kebun sayur dan lada penduduk, menangkap bubuk (anak udang) pada musim bubuk dan banyak lagi.

Bagi penduduk kampung kunjungan oleh rombongan ini adalah sangat bermakna dan bersejarah dalam hidup mereka. Pastinya banyak kenangan manis yang diperolehi oleh semua ahli rombongan yang turut serta dalam sesi lawatan tersebut.

Artikel disumbangkan Jeffrey Jalong, Pejabat Daerah Bintulu

## Sangkar Ikan Sumbang Pendapatan Kepada Peserta Projek Kampung Suyong

Sejak tahun 2002, seramai 10 orang peserta yang terlibat dengan Projek Sangkar Ikan di Kampung Suyong Balingian tidak menyangka akan mampu meraih pendapatan yang agak lumayan dengan hanya mengusahakan ikan tilapia merah dalam sangkar.

Sebelum ini, para peserta berkenaan yang terdiri daripada penduduk kampung perlu bekerja sekerat hari turun ke laut, menebang batang rumbia untuk dijual ataupun bekerja dengan pihak swasta.

Namun, hasil yang diperoleh mereka tidak menentu terutamanya bagi mereka yang turun ke laut.

Tetapi, semenjak tahun 2002 gaya hidup mereka telah berubah setelah Jabatan Pertanian menyalurkan bantuan bagi memulakan projek ternakan ikan tilapia dalam sangkar.

Sejumlah kira-kira RM125 ribu telah disalurkan bagi projek ini yang merangkumi struktur sangkar, jejaring, stor makanan, makanan ikan serta benih ikan untuk pusingan pertama.

Projek Sangkar Ikan Air Tawar Kampung Suyong merupakan projek

pertama seumpamanya di Bahagian Mukah yang terletak dalam kawasan Pusat Pertumbuhan Desa (RGC) Balingian.

Kumpulan itu mengusahakan 40 unit sangkar (saiz 3m x 3m x 3m seunit) yang terletak di kawasan tebingan Batang Balingian yang terkenal dengan keenakan udang galahnya.

Kawasan itu dipilih kerana kedudukannya yang strategik dari segi kedalaman dan aliran pasang surut sungai.

Menurut En. Lim Choon Huat, ketua kumpulan bagi projek berkenaan, projek sangkar ikan tilapia merah mereka telah menjana pendapatan mencecah RM62 ribu yang membabitkan hasil tuaian berjumlah kira-kira 10 tan metrik pada tahun lalu.

Permintaan pasaran juga tinggi dengan harga borong kira-kira RM6.50 sekilogram dan RM10.00 sekilogram



En. Lim Choon Huat

untuk harga runcit.

Katanya, setiap sangkar ikan memuatkan sejumlah antara 300 hingga 500 ekor ikan tilapia. Ikan-ikan berkenaan akan dapat dijual selepas enam bulan.

Jelas En. Lim, mereka tidak mempunyai sebarang masalah dalam soal

penjagaan ikan. Ini kerana setiap ahli kumpulan mempunyai tanggungjawab masing-masing, dari pembelian bekalan makanan sehingga kepada perkara pengurusan stor dan stok.

Malah, mereka juga mempunyai jadual penjagaan harian yang membolehkan ahli yang tidak mempunyai tugas pada hari berkenaan melakukan kerja lain seperti menebang rumbia dan bercucuk tanam untuk menambah pendapatan keluarga.

Ketika ini, kawasan pasaran bagi ikan tilapia mereka ialah di sekitar pekan Balingian, Mukah, Selangau

serta Bandar Bintulu dan Sibul.

Katanya, minat untuk melibatkan diri dalam usaha itu timbul setelah ahli kumpulan melihat kejayaan projek yang sama di Batang Ai, Sri Aman. Di samping itu, kesungguhan pihak Jabatan Pertanian untuk membantu turut menjadikan minat mereka menjadi kenyataan.

Namun menurutnya, masalah yang paling ketara ketika ini ialah untuk mendapatkan bekalan benih atau anak ikan tilapia secara berterusan. Ia memandangkan bekalan benih yang terhad di samping kos pengangkutan yang agak tinggi dan berisiko bagi kematian anak ikan yang dibawa dari Kuching.

Walau bagaimanapun, masalah itu akan dapat ditangani dalam tahun ini kerana Jabatan Pertanian telah merancang untuk memberi latihan komprehensif tentang pembiakan ikan tilapia kerana para peserta projek berkenaan.

Menurut En. Kairulnieza Waynie, Pen. Pegawai Perikanan Bahagian Mukah, usaha itu amat perlu memandangkan ia mampu mengurangkan kos dan seterusnya mampu meningkatkan pendapatan para penguasa.

Malah usaha itu juga akan membantu mengelakkan masalah sangkar dalam keadaan kosong untuk jangkamasa yang lama.

En. Kairulnieza juga menjelaskan keunikan tilapia merah yang ditenak di Batang Balingian ialah dari segi tekstur isinya yang pejal serta rasanya yang manis.

Ia berikutan perubahan air pasang surut yang berlaku setiap hari di Batang Balingian. Air pasang surut itu telah membawa masuk air laut ke Batang Balingian yang kemudiannya bertemu dengan air tawar dari ulu sungai.

Sementara itu, pihaknya juga mengunjurkan projek itu mempunyai potensi yang amat baik untuk terus maju



Hasil tuaian berjumlah kira-kira 10 tan metrik pada tahun 2005

dan dapat menjana pendapatan antara RM50 ribu dan RM70 ribu setahun pada tahun-tahun akan datang.

Bersandar kepada perkembangan pesat di Bahagian Mukah serta jalinan jalan raya pesisir yang akan menghubungkan Bahagian Mukah ke Bintulu, En. Kairulnieza yakin unjuran itu akan mampu dicapai oleh para peserta projek berkenaan.

Sementara itu, menurut En. Frederick Uloh, Pem. Pertanian Menguasa Jabatan Pertanian Balingian, keyakinan serta komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta selama ini telah banyak membantu kumpulan itu menjadi Johan Penguasa Jaya Ternakan Ikan (Sangkar) bagi Kategori Penternak Ikan/ Udang pada Pertandingan Peladang, Penternak dan Nelayan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sarawak 2006.

Ia merupakan pencapaian terbaik kumpulan berkenaan setelah berjaya merangkul Naib Johan pada tahun sebelumnya atas daya usaha dan komitmen cemerlang yang telah ditunjukkan mereka.



Ahli kumpulan Projek Sangkar Ikan Kampung Suyong Balingian bersama-sama dua trofi yang dimenangi pada HPPN tahun 2006 dan 2005



Ikan tilapia yang ditenak kumpulan itu mempunyai tekstur isi yang pejal dan rasa yang manis

## Mengembangkan Bakat Kepada Sumber Rezeki

Kadangkala bakat ataupun kemahiran boleh dijadikan asas kepada pengembangan cabang rezeki.

Bak kata pepatah "hendak seribu daya dan tak nak seribu dalih", sekiranya seseorang itu berani mencuba, ganjaran kejayaan sentiasa menanti mereka.

Begitulah kisah Puan Salamah Bte Madong, 49, yang berasal dari daerah Daro, Mukah walaupun tidak mempunyai pendidikan khusus mengenai jahitan namun dia cuba memberanikan diri secara serius menerima tempahan pakaian sehinggalah kini dia berasa yakin memenuhi lebih banyak tempahan pakaian.

Kekurangan tersebut tidak pernah mematikan semangatnya untuk berusaha mengembangkan bakatnya. Berbekalkan minatnya



Puan Salamah Bte Madong

yang mendalam, Salamah yang mempunyai 10 tahun pengalaman dalam bidang tersebut juga tidak jemu menimba seberapa banyak mungkin pengalaman mengenai selok-belok bidang jahitan daripada rakan-rakannya.

Jelas Salamah lagi, sekurangnya usaha mereka (menjahit pakaian) ini boleh meringankan beban tanggungan keluarga.

"Lebih-lebih lagi, inilah kemahiran yang kami ada dan kami akan pastikannya diguna sebaik mungkin untuk meningkatkan hasil pendapatan keluarga", jelas Salamah.

Mungkin melihat kepada kegigihan mereka, pihak Sarawak Development Institute (SDI) sudi membantu mereka dengan menyediakan bantuan mesin jahit di bawah program mikro-kredit pada penghujung tahun lepas. Bantuan ini sedikit sebanyak meningkatkan produktiviti mereka.

"Kalau dahulu mungkin untuk menyiapkan sepasang baju memakan masa yang lama, kini kami boleh menyiapkan antara 2 ke 4 pasang dalam sehari", jelasnya.



Salamah menunjukkan koleksi pakaian yang telah disiapkan untuk pelanggan

Setiap baju yang disiapkannya berharga dalam lingkungan RM17 hingga RM20.

Cuma pada musim perayaan sahaja, dia dapat meraih pendapatan yang agak lumayan kerana pada waktu tersebut tempahan boleh mencecah sehingga ke 70 pasang baju.

Jelas Salamah, mereka cuba untuk memenuhi permintaan dari sekolah berhampiran terutamanya membuat pakaian seragam sekolah, selain tempahan individu yang lain.



Kini semakin mudah, mesin jahit yang baru berjaya mempercepatkan tempoh menyiapkan pakaian

"Kami juga tidak perlu risau untuk menerima tempahan, kerana mesin jahit baru dapat menampung keperluan tersebut, jelas Salamah.

Dia juga tidak memandang ke belakang, sebaliknya merancang untuk memperluaskan serta mempelbagai produk jahitannya

termasuklah perhiasan rumah.

Salamah turut menjadikan rumahnya sebagai kelas untuk belajar jahitan, di situlah dijadikan pusat bagi semua ahli kumpulannya berkumpul dan bertukar-tukar maklumat mengenai teknik-teknik jahitan terkini.

Kesungguhan Salamah bersama-sama dengan enam (6) orang lagi rakan-rakannya turut diakui Hamsiah Bte Jokin, pembantu masyarakat (Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan) KEMAS yang menyelia mereka. Bagi beliau bantuan seumpamanya mampu menjadi pencetus kepada golongan ini bergiat aktif dalam

mengurus rekod tempahan dan jualan dengan berkesan.

Selain Salamah Madong, antara yang mendapat manfaat daripada skim mikro-kredit SDI ialah Anita Bujang; 35, Jamilah Bte Gasa; 52, Hayati Shamsuddin; 36, Masniah Madong; 39, Widyanti Jerajak; 32 dan Jamaiah Jaafar, 33.

Skim Mikro-Kredit tersebut dilancarkan di bawah Program Geran Kecil untuk Projek Penyertaan Masyarakat Dalam Pengurusan Mapan dan Penangkapan Ikan Terbuk di yang dibiayai Global Environment Facilities (GEF), Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). Projek tersebut telah diselia oleh Sarawak Development Institute (SDI).

Seramai 7 orang peserta Kampung Tebaang menerima 7 mesin jahit yang bernilai kira-kira RM10,575.

Program tersebut menyediakan peluang untuk menambah pendapatan kepada golongan wanita khususnya bagi mereka bergerak aktif dalam kegiatan ekonomi berasaskan kemahiran yang mereka miliki.

Ia sedikit sebanyak membantu Salamah dan rakan-rakannya untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran hasil jahitan mereka

Bantuan ini amat penting bagi mereka, yang turut menerima kesan daripada berkurangnya tanggapan hasil ikan. Bantuan mesin ini sekurangnya menjadi persediaan kepada mereka beralih kepada sumber pendapatan yang lebih terjamin.

# Menyusuri Rumah Panjang di Bintulu

oleh Sharifah Nor Aini Shariff Hussain

Kali terakhir kami di Bintulu adalah tujuh tahun yang lalu. Ketika itu Bintulu rancak melaksanakan fasa pembangunannya. Sungguhpun demikian, berbanding tujuh tahun yang lalu, kini nampaknya telah banyak projek yang telah disiapkan.

Kedatangan pihak kami ke Bintulu kali ini membawa banyak pengertian besar. Banyak perubahan yang berlaku di Bintulu. Walaupun dalam tujuh tahun ini kami ada melawat Bintulu, namun lawatan kali ini berbeza. Satu minggu telah dikhususkan hanya untuk Bintulu. Beberapa agensi kerajaan telah kami lawati dan kemajuan adalah memberangsangkan.

Kami diiringi oleh Penolong Pegawai Pertanian Encik Ahkaw Nyien dari Jabatan Pertanian Bintulu dan Pn. Norlilia Hj. Ulis (Pejabat Daerah Kecil Sebauh).

Antara lawatan yang menarik adalah berkunjung ke beberapa buah rumah panjang yang terpilih sebagai rumah panjang contoh. Satu hari telah dikhususkan untuk melawat rumah panjang ini.

Pada paginya kami ke Pekan Sebauh yang terletak kira-kira 46 km dari bandar Bintulu. Kami singgah di Pejabat Daerah Kecil Sebauh. Perjalanan ini mengambil masa selama kira-kira 90 minit. Jalan raya elok sekali - berturap tar. Bas awam yang melalui jalan ini mempunyai penghawa dingin dan tetap jadual perjalanannya.

Dulu, pada tahun 1999. Jalan raya Bintulu - Sebauh masih belum siap sepenuhnya. Kami menggunakan bas awam yang melalui jalan yang masih berbatu dan berlubang-lubang.

Ini diserikan pula dengan kejadian bankrusian pos dalam bus berkenaan tercampak keluar melalui pintu bus tanpa disedari kerana dialun oleh deruman enjin bus dan pemandu bus terlalu menumpukan perhatian di hadapan dalam memilih laluan terbaik.

Bas seolah-olah dilambung ombak besar dan teroleng-oleng apabila bergerak. Kami di dalam bus pula sakit punggung menahan hentakan apabila tayar bus melalui lubang-lubang besar di jalan. Difahamkan keadaan jalan pada waktu itu amat teruk kerana lori balak masih aktif beroperasi. Bas yang dinaiki pula sangatlah buruk dan tidak ada cermin tingkap kecuali cermin untuk pemandu.

Dengan keadaan jalan sebegini, mungkin kenderaan yang digunakan memanglah amat sesuai.

Bungkusan pos yang tercampak keluar itu hanya disedari oleh penumpang (kalau tidak silap seorang budak lelaki) yang duduk di hadapan yang segera memaklumkan kepada pemandu bus agar berhenti kerana ada benda yang terletak di sisi pemandu telah tercampak keluar. Lucu sungguh rasanya.

Setelah menemuramah pegawai tabdir yang menguasai di Sebauh kami dibawa ke Rumah Panjang Dana, Sungai Nangka yang terletak kira-kira 6 km dari Sebauh. Rumah panjang ini terkenal dan menjadi contoh kerana komitmen padu penghuninya dan Ahli JKJK terhadap segala kegiatan kerajaan yang diperkenalkan. Contoh program yang diperkenalkan adalah Program 4K, K3P, Desa Wawasan dan sebagainya. Rumah ini diasaskan pada tahun 1994 apabila mereka berpecah dari Rumah Ningkan. Ia mempunyai 23 bilik dengan jumlah penghuninya seramai 138 orang.

Bagi rumah panjang lain mungkin boleh diperumpamakan bagai sekali air bah, sekali pasir berubah. Sekali program



Persekitaran Rumah Dana indah serta bersih bukan sekadar di luaran sahaja malah setiap bilik turut berusaha mengekalkan kebersihan dan dihias dengan cantik



JKKK Rumah Bana aktif dan bersatu ... memudahkan pelbagai aktiviti dan program kemasyarakatan serta pembangunan dilaksanakan

diperkenalkan sekali itulah diamalkan. Tidak ada program yang berterusan. Sedangkan program pembangunan yang diperkenalkan bukanlah setakat sekali saja hayatnya. Hakikatnya banyak program kerajaan adalah perintis untuk kemajuan. Program ini seharusnya diamalkan selalu. Bukannya hanya pada waktu pelancarannya sahaja. Namun kesungguhan yang ditunjukkan oleh penghuni rumah panjang ini menjadikan ramai pegawai kerajaan yang suka untuk menjadikan rumah panjang ini sebagai projek perintis. Keberkesanan aktiviti atau program dapat diukur jika program ini diamalkan oleh Rumah Dana.

Keadaan fizikal Rumah Dana adalah sederhana. Diperbuat daripada kayu dan buluh, halaman rumah panjangnya amat bersih. Lanskap hadapannya cantik dihiasi pokok renek tempatan. Usia rumah panjang ini baru 12 tahun. Mereka berpecah dari Rumah Panjang Ningkan kerana rumah sebelumnya itu terlalu panjang dan besar.

Permuafakatan yang ditunjukkan amat mengagumkan. Biar pun baru beberapa tahun usianya penghuninya sedaya upaya menjadikan rumah panjang mereka sebagai kediaman dalam taman, bersih dan indah. Keseragaman hiasan dalaman terserlah. Bersungguh-sungguh mereka mencari persetujuan bersama atas segala aktiviti yang dijalankan. Akaun bersama Rumah Panjang diselenggara baik. Segala perbelanjaan adalah telus dan semua orang mendapat manfaatnya. Segala aktiviti di rumah ini dijalankan bersama-sama. Sekurang-kurangnya setiap minggu ada saja aktiviti yang dijalankan oleh penghuni Rumah Dana.

Tuai rumah Encik Dana juga mempunyai koleksi pakaian Iban yang disulam halus oleh isterinya. Pakaian ini hanya dipakai untuk upacara rasmi dan perayaan. Kemahiran klasik ini masih terpelihara. Namun mereka tidak pula terfikir untuk menengahnkannya ke peringkat komersial. Namun kemahiran ini cuba diturunkan kepada ahli keluarga yang lain.

Memandangkan kami datang ketika musim kering, masalah air diajukan kepada kami. Nampaknya Rumah Dana masih menggunakan air hujan sebagai sumber airnya. Namun

kekurangan ini tidak pula mematahkan semangat mereka untuk meneruskan kehidupan.

Setelah itu kami ke Rumah Michael Lanyau, Sungai Gelam, Sebauh. Asalnya kami perlu ke kembali ke pekan Sebauh dan menaiki bot menyusuri Batang Kemena dan Sungai Sebauh.

Namun kami difahamkan Kerajaan telah pun membina sebatang jalan untuk ke Sebauh iaitu Jalan Ulu Sebauh.

Jalan ini bagaimanapun masih di peringkat pemampatan. Hanya pasir dan batu yang terhampar sepanjang jalan. Sungguhpun demikian kami mengambil keputusan untuk mencuba menggunakan jalan darat ini dari Bintulu ke Sebauh.

Dapat juga melihat pembangunan.

Perjalanan ke Rumah Michael Lanyau melalui Jalan Ulu Sebauh lurus sahaja. Sekali sekala semakin hampir ke Sebauh barulah ada beberapa buah bukit yang telah diteroka dengan tanaman kelapa sawit.

Di kiri kanan terdapat kebun-kebun kecil milik perseorangan. Antaranya kebun limau, kelapa sawit, pisang, buah-buahan dan sebagainya.

Semakin hampir ke Sebauh, jalan raya makin elok, banyak rumah panjang yang kelihatan di kiri kanan. Semuanya tersusun cantik. Sehingga kami sampai ke sebuah jalan mati.

Di situ kelihatan Rumah Michael Lanyau. Betul-betul berhadapan Sungai Sebauh yang tenang airnya.

Menurut Encik Michael dari rumah mereka untuk ke Pekan Sebauh hanya mengambil masa lima minit dengan menaiki bot. Tapi dengan menggunakan jalan Ulu Sebauh kami mengambil masa kira-kira 55 minit dari Bintulu.

Rumah Michael diperbuat daripada kayu belian dan sudah berusia hampir 50 tahun. Walaupun diperbuat daripada kayu, hiasan dalamannya sungguh moden.

Panjangnya ke belakang hampir



Tuai Rumah, En. Dana



Salah seorang ahli Biro JKJK Rumah Dana menunjukkan kehalusan dan ketelitian tenunan tradisi masyarakat Iban yang masih utuh dipertahankan oleh penduduk rumah ini

100 kaki. Berbeza dengan rumah panjang lain yang biasanya antara 60 hingga 90 kaki sahaja.

Sebolehnya Rumah Michael cuba mengekalkan ciri-ciri klasik dan keunikan rumah panjang dan mengaplikasikan kemudahan asas dan moden pada rumah ini.

Dengan itu mereka masih dapat mengekalkan warisan dan dapat pula mendapat kemudahan asas yang lengkap seperti air, elektrik, telefon dan sebagainya.

Namun kebanyakannya penghuninya adalah generasi tua, kerana kebanyakan generasi muda sudah pun berpindah dan memiliki rumah sendiri di tempat lain.

Mereka tidak berniat langsung untuk merobohkan rumah ini, kerana generasi muda ini masih mahu pulang ke Rumah Panjang apabila menyambut perayaan.

Budaya tinggal di luar ini wujud kerana kebanyakan penghuni rumah ini tidak mencari rezeki di sekitar kediaman mereka.

Ini kerana kebanyakan penghuni di sini berpelajaran, dan memang sesuai mereka mencari rezeki di tempat lain kerana Sebauh sendiri masih jauh dari Bintulu disebabkan oleh sistem pengangkutan yang masih belum begitu sempurna.

Memandangkan kebanyakan generasi lama telah terdedah akan kepentingan pendidikan, amalan menuntut ilmu amat ditekankan kepada generasi muda.

Bagi memenuhi tuntutan keperluan hidup moden maka Rumah Michael telah membina sebuah pusat sumber.

Pusat ini akan menjadi pusat segala aktiviti sosial bagi Rumah Michael. Ia juga akan digunakan sebagai perpustakaan, pusat pembelajaran tarian, kelas komputer, pusat tuisyen dan berbagai lagi aktiviti.

Ia akan dilengkapi dengan bekalan air paip dan elektrik. Pada waktu lawatan kami, mereka

masih menunggu untuk proses penyambungan bekalan elektrik.

Pembinaannya dilaksanakan secara gotong royong. Pusat Sumber ini diberi nama Pusat Sumber Jalan, sempena nama bapa kepada mantan wakil rakyat Sebauh Datuk Celestine Ujang. Encik Michael sendiri merupakan sepupu kepada Datuk Celestine.

Seterusnya kami ke Bintulu untuk makan tengahari sebelum meneruskan perjalanan kami ke Rumah Bana.

Rumah Bana terletak di Jalan Bintulu - Sebauh iaitu di Sungai Selezu, Serakit. Rumah ini dipilih oleh Encik Ahkaw sebagai contoh yang perlu ditonjolkan kepada umum kerana pencapaian mereka dalam kegiatan ekonomi dan sosial.

Rumah Bana terletak kira-kira 300 meter dari jalan raya, namun pandangan dari jauh terhadap rumah ini amat mengagumkan.

Jalan kampung yang menyambungkan Rumah Bana difahamkan dibina sendiri dengan bantuan BDA oleh penghuni rumah dengan kos RM10,000 dan RM18,000.

Terdapat tandas awam dan taman mini yang dibina di hadapan rumah.

Ini kerana Rumah Bana selalu dikunjungi pelawat dari dalam dan luar Sarawak yang mahu melihat keunikan rumah panjang ini. Di samping itu ia juga sebahagian daripada program Desa Wawasan.

Rumah ini diperbuat daripada bata merah dan konkrit. Tidak seperti rumah panjang lain yang diperbuat dari kayu dan bertiang tinggi, Rumah Bana bolehlah disamakan seperti rumah teres dua tingkat.

Cuma elemen rumah panjang seperti ruai masih kekal. Lantainya diperbuat daripada jubin seramik yang berkilat, dindingnya daripada mortar yang halus dan dicat dengan warna ceria. Keluasan setiap bilik adalah 18 kaki x 100 kaki.

Dapurnya juga moden dengan mempunyai kabinet dapur seperti rumah moden sekarang. Rumah ini mendapat bekalan air paip yang dibekalkan oleh Jabatan Kerja Raya Bintulu.

Menjengah ke dalam rumah umpama berada di sebuah rumah di bandar. Buat seketika kami lupa bahawa kami masih di rumah panjang di Sebauh. Keadaannya amat bersih & selesa. Ini kerana ladang ternakan mereka terletak kira-kira 300m dari rumah.

Setiap rumah juga mempunyai ruang untuk meletakkan kenderaan mereka.

Purata kos untuk setiap bilik adalah antara RM50 ribu hingga RM75 ribu. Bergantung kepada kemahuan pemiliknya.

Perbezaan ini nyata apabila hiasan dalaman untuk setiap bilik berbeza, berbanding dengan ruang hadapan yang masih seragam.

Mereka dapat menjimatkan kos kerana pembelian barang secara pukal dan kadar buruh yang berpatutan kerana skala pembinaan yang besar.

Namun Tuai Rumah menekankan yang setiap perbelanjaan adalah tunai dengan ansuran hanya beberapa kali.

Tuai Rumah Encik Dana hanya berunding dengan kontraktor yang sanggup menerima syarat yang dikenakan. Prinsip beliau, jangan berhutang dengan sesiapa pun.

Sumber kewangan tidak menjadi masalah kerana perolehan dari hasil pertanian amat lumayan. Ini kerana Rumah Bana terlibat dengan projek Nancem (Nangka Cempedak) anjuran Jabatan Pertanian.

## Menyusuri Rumah Panjang di Bintulu



Tuai Rumah, En. Michael



Pusat Sumber JILAN yang menelan belanja kira-kira RM75,000



Ruai Rumah Michael



Rumah Micheal walaupun jauh di pedalaman, namun lengkap dengan kemudahan moden

Memandangkan harga getah semakin bagus, pendapatan juga meningkat. Mereka beruntung kerana mempunyai tanah yang luas untuk diusahakan bagi tanaman padi, sayuran, nancem, buah-buahan dan sebagainya.

Kebun getah mereka masih tetap mengeluarkan hasil biarpun pada ketika harga getah masih rendah.

Tidak ada satu inci tanah pun yang diabaikan. Kebanyakan penghuni Rumah Bana dididik untuk menyimpan wang untuk kegunaan pendidikan dan masa hadapan.

Tidak ada sesiapa pun yang membantah kerana mereka semua

tahu ini semua untuk kebaikan mereka sendiri.

Kaum ibu juga aktif dalam kegiatan ekonomi. Amanah Ikhtiar Malaysia juga membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi.

Sewaktu kunjungan kami terdapat sekumpulan wanita yang tekun mendengar taklimat pegawai dari Amanah Ikhtiar Malaysia. Mereka nampaknya bersungguh-sungguh dalam usaha memperbaiki keadaan ekonomi keluarga.

Setelah puas meninjau rumah panjang dia melawat kebun dan kawasan sekitar, beramah mesra dengan tuai rumah dan penghuninya, banyak yang dapat dirumuskan hasil dari lawatan ini.

Kebanyakan penghuni rumah panjang menanam padi, bercucuk tanam dan memelihara ayam dan khinzir untuk sumber bekalan makanan.

Sungguhpun begitu mereka masih memerlukan wang untuk keberterusan hidup. Walaupun makanan senang diperolehi, tetapi keperluan hidup moden amat sukar.

Tetapi memandangkan zaman sudah berubah, maka keperluan hidup juga berubah. Pendidikan kini amat diutamakan.

Memandangkan tidak ada sekolah yang berdekatan, kebanyakan kanak-kanak di rumah panjang bersekolah jauh di Bintulu.

Mereka tinggal di asrama kerana perjalanan berulang-alik amat memenatkan dan memerlukan belanja yang tinggi.

Setiap minggu mereka akan pulang ke rumah. Namun kos untuk pulang ini dianggarkan hampir RM150 pergi dan balik.

Mungkin ada lagi kos tambahan yang lain. Ibu bapa terpaksa meninggalkan kerja seharian untuk menjemput anak-anak mereka. Satu kerugian dan pertambahan dalam perbelanjaan.

Mereka memang perlukan wang kerana apabila tinggal di pedalaman, memang menjadi kesulitan apabila mahu ke bandar.

Mereka mungkin nampak senang apabila kita melihat lori pick-up berada di depan rumah. Namun hakikatnya kenderaan inilah yang sesuai digunakan bagi situasi kehidupan mereka.

Bukan semua rumah panjang mempunyai jalan raya yang baik. Ini ternyata dapat dilihat pada rumah panjang yang baru didirikan. Kemudahan asas masih kurang.

Pencapaian sesebuah rumah panjang bergantung kepada tuai dan penghuninya serta keadaan ekonomi mereka.

Semakin faham terhadap kepentingan pembangunan, makin tinggi peningkatan taraf hidup mereka.

Mereka perlukan pemimpin yang bagus dan pengikut yang baik serta mahu menerima perubahan ke arah kebaikan. Semua ini perlu seiring.

Biarpun keadaan fizikal rumah panjang ini berbeza tiap satunya, perlu difahamkan bahawa keperluan hidup dan cara hidup menentukan kesejahteraan penghuni rumah panjang.

Bagi mereka yang telah terdedah dengan kepentingan pendidikan memang dapat dilihat perbezaan cara

hidup dan pemikiran.

Semua ini bakal berubah walaupun mengambil masa yang lama. Telah terdapat usaha untuk meningkatkan taraf hidup di kalangan penghuni rumah panjang.

Mungkin mereka telah dapat melihat kesan positif terhadap kaum kerabat yang terlibat dengan projek-projek anjuran agensi kerajaan.

Mereka juga dapat membuka minda apabila telah terdedah dengan kunjungan orang luar ke tempat mereka di samping mereka juga melakukan lawatan sosial dan pendidikan ke tempat lain.

Pendidikan juga adalah jalan untuk keluar dari kemiskinan. Ada banyak cara untuk maju. Terpulunglah kepada kita sendiri untuk menentukannya.

Bak kata pepatah "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan".

Kami pulang dengan hati girang. Perut kenyang dijamu dengan nancem. Hati terhibur dan seronok dengan layanan semua penghuni rumah panjang yang dikunjungi.

Pelbagai masalah dapat diutarakan. Pelbagai kejayaan dapat dikongsi dan juga pengajaran yang diperolehi hasil daripada lawatan ini.

Perasaan kami bercampur baur. Rasa kagum, bangga, simpati, terkilan semuanya ada di dalam sanubari.

Namun ini adalah ragam kehidupan. Kami menerima dengan hati terbuka.

Setiap orang di dunia ini ada tanggungjawabnya masing-masing. Bagi kami sebagai penulis, mungkin inilah tugas kami, menengahkan isu-isu dan cerita yang ada dalam masyarakat kita.

Semuanya sebagai panduan dan pemahaman pembaca. Setiap antara kita mungkin menjalani kehidupan yang berbeza, namun kita semua mahukan kejayaan dalam hidup kita.



Tuai Rumah Bana



Pintu gerbang di Rumah Bana yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengunjung



Kesepakatan penduduk Rumah Bana membolehkan mereka membina rumah yang lengkap dan moden pada kos yang berpatutan



Salah satu bilik di Rumah Bana. Semua bilik di Rumah Bana dibina lengkap seperti sebuah rumah moden

## Kursus Keusahawanan Untuk Masyarakat Luar Bandar

oleh Jeffrey Jalong, Pejabat Daerah Bintulu

Pada 20 hingga 21 September 2006 yang lalu, seramai 31 orang peserta dari sekitar kampung dan rumah panjang dalam Daerah Bintulu telah berjaya menerima sijil penyertaan bagi kursus Keusahawanan 2006 yang dikelola oleh Pejabat Daerah Bintulu.

Kursus Keusahawanan ini



Pada kursus ini peserta telah diminta dan dibimbing untuk mengadakan perbincangan dan pembentangan kumpulan mengenai topik kerja-kerja keusahawanan dan bagaimana hendak menjadi usahawan berjaya dan berwibawa

telah dikendalikan di Auditorium Perpustakaan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA).

Residen Bahagian Bintulu, Dr. Razali Abon dalam ucapan penutupan rasminya, menasihatkan agar setiap peserta yang telah berjaya melalui tempoh singkat selama dua hari tersebut untuk menggunakan segala bentuk maklumat yang telah mereka pelajari.

Jika tidak beliau apa yang disampaikan itu sekadar tinggal "maklumat" sahaja. Justeru beliau menggesa agar kesemua peserta Kursus Keusahawanan ini mengambil langkah berani dan proaktif untuk memulakan perniagaan yang dapat membantu meringankan beban hidup



Kira-kira 31 orang peserta dari sekitar kampung dan rumah panjang dalam Daerah Bintulu yang telah mengikuti Kursus Keusahawanan 2006 kelolaan Pejabat Daerah Bintulu bergambar beramai-ramai bersama Residen Bahagian Bintulu, Dr. Razali Abon

dan dalam masa yang sama dapat menaikkan taraf hidup mereka.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan sepanjang perjalanan kursus keusahawanan pada kali ini yang disampaikan oleh pegawai-pegawai kerajaan, agensi dan jabatan yang berkenaan seperti dari SEDC, BDA, FAMA dan MARA

Kursus Keusahawanan merupakan salah satu daripada Program Latihan Kemahiran &

Kerjaya (PLKK), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah peruntukkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) Malaysia.

Objektif dan matlamat pengajaran ini adalah salah satu kaedah oleh pihak Kementerian bagi menghapuskan masalah miskin tegar di negara ini menjelang tahun 2010.

Justeru, program ini juga

telah disediakan khas bagi kumpulan peserta yang kurang mampu, miskin dan miskin tegar dengan harapan pendedahan kepada maklumat dan peluang perniagaan melalui penganjuran Kursus Keusahawanan kali ini akan mendorong mereka untuk berubah dan melakukan sesuatu yang dapat meningkatkan pendapatan keluarga ke tahap yang lebih baik dan mampu.



Ceramah yang sedang disampaikan oleh Pegawai MARA, Daerah Bintulu

## Kunjungan Balas Kelab RANDO Dalat ke Bintulu

Disediakan oleh Jeffrey Jalong, Pengerusi Kelab RANDO Bintulu

Dari 1 hingga 3 September 2006 yang lalu, ahli kelab RANDO Dalat telah mengadakan kunjungan balas ke Bintulu.

Rombongan ahli kelab RANDO Dalat yang diketuai SAO Ismail Kasah selamat tiba di Bangunan Persekutuan Wanita (W.I.) Bintulu kira-kira jam 6.45 petang. Mereka bertolak menggunakan bas Politeknik Mukah pada jam 2.00 petang.

Setibanya di Bangunan WI Bintulu, ahli rombongan dari Dalat bersama-sama RANDO Bintulu dijemput untuk menjamu jamuan malam bagi melegakan keletihan sepanjang dalam dalam perjalanan ke Bintulu. Ini juga sebenarnya menjadi medan untuk

tumbina, ahli rombongan cukup seronok namun kelihatan keletihan, maklumlah, melawat ke Taman Tumbina, kena naik turun bukit yang menjadikan rupa fizikal geografi taman ini unik, menarik, semulajadi dan sebenarnya dalam masa yang sama sambil kita berjalan-jalan menghayati keindahan alam, tumbuhan dan haiwan, kita juga sedang melakukan aktiviti senaman untuk kesihatan tubuh badan.

Selain daripada Taman kupu-kupu, Taman Burung Unta, Taman Paku-Pakis, Taman Harimau, Taman Buaya dan Ular Sawa, Taman Burung Kenyalang dan pelbagai jenis spesies burung hutan, antara lokasi yang cukup menarik perhatian para rombongan dari Dalat ialah tarikan dari seekor ikan sungai yang dibawa khas dari Sungai Amazon,

Selain daripada Taman kupu-kupu, Taman Burung Unta, Taman Paku-Pakis, Taman Harimau, Taman Buaya dan Ular Sawa, Taman Burung Kenyalang dan pelbagai jenis spesies burung hutan, antara lokasi yang cukup menarik perhatian para rombongan dari Dalat ialah tarikan dari seekor ikan sungai yang dibawa khas dari Sungai Amazon,



Ahli rombongan Kelab RANDO Dalat bergambar kenang-kenangan di hadapan Dewan Pudayan, Kampung Nyalau Ulu

sesi suai kenal yang sangat baik khususnya di kalangan ahli-ahli kelab yang tidak berkesempatan bersua semasa kunjungan Kelab RANDO Bintulu ke Dalat pada bulan Februari 2006 yang lalu.

Keesokan harinya, 2 September 2006, ahli rombongan berserta beberapa orang pengiring dari Kelab RANDO Bintulu tiba di Taman Tumbina Bintulu untuk memulakan lawatan pertama pada pagi tersebut.

Taman Tumbina Bintulu merupakan satu-satunya Mini Zoo yang ada di Bumi Kenyalang. Taman ini juga telah mencatatkan sejarah paling manis buat Negeri ini apabila menerima kelahiran seekor anak harimau belang pertama yang diberi nama "Manai" pada tarikh 7 Julai 2004.

Lokasi menarik pertama yang dikunjungi oleh ahli rombongan di Taman Tumbina ialah "Alam Kelebar - Butterfly World". Perkataan Kelebar adalah merujuk kepada dialek tempatan bermaksud "Kupu-kupu". Bagi penulis, berada di taman Kelebar seakan-akan berada di alam fantasi

Mengikut sumber maklumat Taman Tumbina, Taman Kelebar mula dibina pada tahun 2001 dengan anggaran kos projek sebanyak RM800,000.00,

Sesungguhnya reka bentuk, penampilan dan suasana alam fauna dan flora di dalam Taman Kelebar ini seperti yang digambarkan penulis, seakan-akan berada di alam fantasia, sungguh indah, penuh inspirasi, penuh ketenangan dan menarik sekali.

Bagi penulis, perasaan kagum dan bangga tak terkata, sayang sekali kalau ada manusia yang tidak pandai menghargai keindahan dan keunikan yang terdapat di dalam taman ini. Melihat kupu-kupu keriang berterbangan mengelilingi kepala anda sudah cukup untuk menghilangkan segala susah dan resah anda semasa berada di dalam Taman Kelebar ini.

Kunjungan seterusnya ialah di Taman Pokok Kaktus (*Succulent Collations*) dan Taman Orkid. Sepanjang kunjungan di Taman



Ahli rombongan Kelab RANDO Dalat bergambar kenang-kenangan di Taman Tumbina Bintulu

pengalaman dan kenangan melawat ke Kampung Nyalau Ulu akan menjadi titik pengenalan dan persahabatan sesama dua

pihak. Tambah belia, segala yang baik dan rancangan pembangunan yang ada di kampung ini juga boleh dijadikan contoh dan perancangan untuk dikongsi bersama apabila mereka kembali ke Dalat kelak.

SAO Ismail turut memuji projek-projek pembangunan yang telah dan sedang berjalan di Kampung Nyalau Ulu,

Bagi penulis, potensi Kampung Nyalau Ulu untuk terus maju jaya pada masa hadapan cukup terbuka luas. Perubahan sikap dan minda penduduk Kampung Nyalau Ulu juga semakin nyata dan menjurus kepada ingin majukan diri khususnya dalam bidang ekonomi pertanian dan desa.

Antara lokasi yang sempat dilawati semasa berada di Kampung Nyalau Ulu ialah Taman Riadah Mini Nyalau (Kolam Ikan Calon), Balai Raya dan melihat keceriaan rumah-rumah kampung dan laman Kampung Nyalau Ulu. Semasa berkunjung ke Kolam Ikan yang diusahakan oleh Saudara Calon Bin Ahat, ahli rombongan juga berpeluang untuk menikmati hidangan rasa ikan panggang bersambalkan cili "Lada Tomyam" jenis cili A1 yang diimport dari Bangi Selangor.

Melalui pemerhatian penulis, pengusaha Kolam Ikan dan Taman Riadah ini semakin hari semakin berjaya, ikan laris dijual, hasil tanaman cili juga laku dijual di



Ahli rombongan Kelab RANDO Dalat diberikan penerangan tentang alat tradisional yang digunakan oleh penduduk Kampung Nyalau Ulu untuk memerah tebu

Brazil. Ikan unik dan bersaiz agak luar biasa ini dikenali sebagai "Ara Paima".

Sebelum bertolak ke lokasi lawatan seterusnya ketua rombongan SAO Ismail Bin Kasah telah menyampaikan cenderahati Kelab RANDO Dalat kepada wakil pengurusan Taman Tumbina sebagai ingatan dan kenang-kenangan ahli keluarga dan rombongan dari Dalat pernah mengadakan kunjungan ke taman yang cukup indah dan unik ini.

Kunjungan seterusnya oleh ahli-ahli rombongan dari RANDO Dalat pada sebelah petang ialah ke Kampung Nyalau Ulu. Kampung ini pernah menjuarai Pertandingan Kampung Desa Wawasan pada tahun 2004 Peringkat Bahagian & Daerah Bintulu.

Setibanya bas yang membawa ahli rombongan, beberapa orang penduduk Nyalau Ulu diketuai oleh Saudara Suhaili Bin Haji Sabtu siap menunggu dengan paluan kompong untuk mengiringi para rombongan ke lokasi pertemuan bersama penduduk Nyalau Ulu.

Penduduk Nyalau Ulu memang cukup terkenal dengan layanan istimewa dan "sentuhan kemanusiaan" mereka. Penuh dengan budi bahasa dan akrab sekali dengan para pengunjung yang bersama-sama mereka.

Sambutan oleh penduduk Kampung Nyalau Ulu memang cukup meriah. Dalam ucapannya, SAO Ismail Kasah selaku Ketua Rombongan merangkap Pengerusi Kelab RANDO Dalat mengharapkan



TK Haji Sabtu Bin Bunut menyampaikan cenderahati tanda mata dari penduduk Kampung Nyalau Ulu kepada Encik Ismail Kasah selaku ketua rombongan Kelab RANDO Dalat

pasaran RM15 sekilo, buah naga juga sedang diusahakan beliau di kawasan sekitar kolam, di samping itu beliau juga mengusahakan benih pokok Tongkat Ali.

Seperti yang diucapkan oleh SAO Ismail, usaha sebegini boleh dijadikan contoh dan teladan untuk meningkatkan ekonomi diri dan keluarga, negeri dan seterusnya negara, mana tahu suatu hari nanti.

Kenangan bersantai bersama-sama penduduk lebih kurang tiga jam setengah di Kampung Nyalau Ulu pastinya meninggalkan banyak kesan dan kenangan manis buat semua ahli rombongan dari Dalat.

Selain dapat mempelajari gaya hidup dan sejarah kampung, ahli rombongan juga tidak ketinggalan merasai sentuhan seni tarian dan masakan penduduk Kampung Nyalau Ulu.


Sekitar jam 5.30 petang, rombongan bertolak kembali ke

Bintulu untuk majlis seterusnya iaitu, Malam Mesra bersama RANDO Bintulu yang diadakan di Bangunan Persekutuan Wanita (WI) Bintulu.

Kunjungan ke lokasi-lokasi menarik oleh RANDO Dalat di Bintulu banyak meninggalkan kenangan bukan sahaja di kalangan ahli kelab RANDO Dalat, tetapi juga banyak meninggalkan kenangan manis buat ahli kelab RANDO Bintulu.

Kunjungan mulai 1 hingga 3 September ke Bintulu sebenarnya terasa begitu singkat. Setibanya di bangunan WI Bintulu untuk Majlis Ramah Mesra, nampak keletihan saja ahli-ahli kelab RANDO Dalat, tapi semangat dan keceriaannya tetap ada

Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, Kelab RANDO Dalat telah menyampaikan cenderahati berupa simbolik Daerah Dalat iaitu replika Terendak dan Pengayuh, semestinya menarik dan unik.



Ahli rombongan Kelab RANDO Dalat berserta beberapa orang pengiring dari Kelab RANDO Bintulu tiba di Taman Tumbina Bintulu



Antara lokasi yang cukup menarik perhatian para rombongan dari Dalat ialah kolam ikan yang menempatkan seekor ikan sungai yang dibawa khas dari Sg. Amazon, Brazil

### tahukah Anda

## Kurma Mencegah Serangan Stroke

Kandungan kalorinya yang tinggi dan mudah dicerna oleh tubuh memang sesuai kalau digunakan saat berpuasa. Namun, ada khasiat yang lebih istimewa: kurma boleh menurunkan risiko serangan stroke berkat tingginya kalium yang dikandungnya.

Buah-buahan dikenal sebagai sumber utama vitamin, terutama vitamin C dan mineral. Sudah begitu, kandungan energi atau kalorinya pun rendah, sebab lemak yang dikandungnya juga rendah. Namun, ada pengecualian, misalnya kurma.

Kandungan lemak pada kurma juga boleh diabaikan. Namun, karbohidratnya yang tinggi membuat buah ini dapat menyediakan energi yang tinggi pula. Malah paling tinggi diantara keluarga besar buah-buahan. Keunggulan lainnya, kurma mengandung zat gizi penting bagi fungsi tubuh, terutama jantung dan pembuluh darah, yaitu kalium.

Fungsi mineral ini membuat denyut jantung makin teratur, mengaktifkan kontraksi otot, serta membantu mengatur tekanan darah. Itulah sebabnya kurma menjadi istimewa. Apalagi, beberapa penelitian membuktikan, makanan tinggi kalium ini dapat menurunkan risiko serangan stroke.

## Cukup lima Biji Sehari..!

Dari penelitian terhadap pola makanan yang dilakukan terhadap 859 orang lelaki dan wanita berusia di atas 50 tahun di California Utara, AS, diketahui, perbezaan kecil konsentrasi kalium pada pola makanan dapat memprediksi mereka yang dijangkakan berpeluang meninggal akibat stroke 12 tahun kemudian.

Tidak ada seorang pun yang sukatan kaliumnya paling tinggi (lebih dari 3.500 mg setiap hari) meninggal akibat stroke.

Sebaliknya, orang yang secara teratur mengonsumsi kalium paling rendah (kurang dari 1.950 mg setiap hari) mempunyai risiko stroke fatal jauh lebih tinggi dibandingkan dengan yang lain.

Di antara mereka yang konsumsi kaliumnya paling rendah, harapan meninggal akibat stroke 2.6 kali pada lelaki dan 4.8 kali pada wanita. Makin banyak makanan kaya kalium yang dikonsumsi biasanya makin kecil kemungkinan orang menderita stroke.

Para penyelidik merumuskan dengan hanya makan satu jenis ekstra makanan kaya kalium (minimal 400 mg setiap hari) risiko fatal boleh diturunkan sampai 40%. Tahap 400 mg kalium itu mudah sekali, anda penuhi dengan makan kurma kering sekitar 65 g saja, atau setara dengan lima butir kurma.



Sumber : Pusat Kesihatan Universiti UUM (PKU UUM)

## Inovasi "Puteri Sejinjang" Sokong Pembangunan Benih Ikan Secara Sistemik

Mungkin ramai di kalangan kita tidak menyedari bahawa kualiti dan kapasiti pengeluaran ikan boleh ditingkatkan sekiranya kita mempunyai kaedah yang sistemik untuk melaksanakannya.

Pada peringkat penghasilan benih ikan amat memerlukan kepada satu kaedah yang benar-benar berkesan agar ia mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran benih ikan bagi memenuhi permintaan pasaran semasa.

Masalah seperti ketidakmampuan menghasilkan bekalan benih ikan yang mencukupi oleh pengusaha hatcheri (tempat pengeluaran benih ikan) turut menimbulkan masalah kepada pengusaha dan penternak yang menjalankan penternakan ikan dalam kolam.

Salah satu faktor yang dikenalpasti kurang diberi perhatian di kalangan penternak ialah dari segi kaedah pemberian makanan ikan yang masih tidak mempunyai sistem teratur.

Masalah ini telah memberi idea kepada sekumpulan lapan (8) orang kakitangan di Stesen Asuhan Benih Ikan Laut (SABIL) untuk mencari pendekatan terbaik untuk menghasilkan inovasi yang mampu mengatasi masalah tersebut.

Menurut Zakaria Mahli, Penolong Pegawai Perikanan, SABIL, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Santubong, segalanya bermula di peringkat penghasilan benih ikan kerana tanpa adanya cara yang sistemik ataupun kaedah baru mengawal kualiti ikan di peringkat penghasilan benih ikan, industri ini kemungkinan besar akan terjejas.

Zakaria yang juga Ketua Kumpulan tersebut bersama tujuh (7) orang lagi kakitangan SABIL, telah menggunakan platform Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dengan menubuhkan Kumpulan Puteri Sejinjang pada 31 Jun 2005 bagi menangani masalah ini.

Setelah mendapat kepercayaan dan sokongan di kalangan ahli dan pihak pengurusan dan fasilitator KMK, mereka pun melaksanakan projek pertama bertajuk "Kaedah Pemberian Makanan Hidup Untuk Benih Ikan Siakap Berumur 0 hingga 15 hari dalam Kolam Komersil kurang efisien"

Jelas Zakaria, daripada KMK tersebut terciptanya kaedah "Aliran Makanan Hidup", yang berupaya meningkatkan hasil

bekalan benih ikan.

Kajian mengenai benih ikan siakap dipilih disebabkan ikan tersebut mendapat permintaan yang mengalakkan dari penternak ikan.

Katanya, pihak mereka memfokuskan kepada usaha penghasilan benih ikan dari 0 hingga 15 hari termasuklah aspek penjagaan benih ikan, pemberian makanan ikan di samping penghasilan inovasi berkaitan dengan kaedah



Kajian mendalam mengenai sifat larva dan benih ikan perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum memulakan projek ini



Amalan cara tradisi iaitu dengan cara menabur makanan tidak lagi praktikal sekiranya ingankan hasil pengeluaran benih ikan yang berkualiti

pemberian makanan.

Melalui inovasi itu, mereka telah membangunkan dua (2) komponen utama projek tersebut iaitu tangki "tempat menyimpan makanan ikan" dan tiub plastik (5mm)-PVC bagi menyalurkan makanan terus dari tangki ke 34 lokasi aliran di kolam tersebut.

Pihaknya telah memilih untuk menggunakan saluran PVC sebagai saluran utama menyalurkan makanan hidup (dalam bentuk cecair) kepada benih ikan di setiap penjuru kolam. Sebuah tangki khas juga telah dibina bagi tujuan tersebut sebagai tempat menyimpan makanan.

Cara penggunaannya, menurut Zakaria amat mudah iaitu dengan mengisi tangki tersebut dengan air masin yang dimasukkan makanan hidup serta diberi pengudaraan yang secukupnya. Setelah itu, air (makanan tersebut) dialirkan melalui tiub plastik ke lokasi kolam.

Menceritakan lebih lanjut mengenai idea "inovasi" tersebut, Zakaria menjelaskan idea tersebut diperolehi apabila melihat konsep aliran air paip ataupun di pam stesen minyak, jadi mereka menambahbaik daripada idea tersebut.



Pemantauan serta penyelidikan berterusan amat penting bagi mencapai peningkatan kepada sumber bekalan ikan negara

Mengenai penjimatan, jelas Zakaria projek itu telah banyak membantu pihaknya melaksanakan penjimatan kerana kuantiti makanan yang boleh ditentukan pada peringkat sebelum memasukkan makanan tersebut ke dalam tangki. Ini boleh mengelakkan pembaziran.

Pada masa yang sama, pengurangan beban tugas penjagaan dan pemberian makanan dapat dilihat secara ketara dengan hanya seorang pekerja diperlukan yang mengambil masa hanya 5 jam berbanding kaedah lama dua (2) orang pekerja dengan jangka masa hampir 7 jam.

Ini turut memberikan kesan dari segi penjimatan kos termasuk kos buruh (RM1,200) dan kos lain (elektrik dan makanan) sebanyak RM5,000.

Jelas Zakaria, pemilihan penggunaan tiub plastik juga didapati lebih mudah, menjimatkan serta tahan lama.

Rasionalnya pada akhir projek ini, mereka ingin mencari pendekatan berkesan dengan memantau perkembangan benih ikan dan mereka mendapati bahawa kaedah aliran ternyata memberikan kesan yang memberangsang.

Zakaria menambah bahawa kaedah tradisional (dengan menaburkan makanan di kolam) dilihat kurang berkesan disebabkan akan berlakunya ketidakserataan saiz pada benih ikan.

"Memang menjadi kebiasaan di kalangan pengusaha dan penternak ikan kolam memberi makanan kepada ikan secara menabur atau berpusat di satu-satu tempat", jelasnya.

Ini menyumbangkan kepada bertambah bilangan ikan yang kecil (akibat kekurangan makanan) yang pastinya menjadi "mangsa" kepada ikan yang lebih besar ataupun proses kanibalisma yang menyebabkan kurangnya penghasilan benih ikan yang berkualiti.

Menurut Zakaria, dari situ mereka telah mengenalpasti bahawa kaedah pemberian makanan kepada benih yang ada kini (tradisional) tidak efektif.

Keadaan ini berjaya diurangkan dengan menggunakan inovasi terbaru ini, disebabkan semua benih ikan dalam kolam mendapat sumber makanan secara serata dan boleh memberi keseimbangan kepada saiz benih ikan.

Hasilnya, melalui kaedah ini sejumlah 610,000 benih ikan daripada 2 juta benih ikan ataupun 30.5 peratus berjaya dihasil dengan peratusan serata pula sejumlah 90 peratus.

Walaupun tumpuan projek ini diberi kepada penghasilan benih yang berumur dari 0 hingga 15



Zakaria Mahli

hari namun menurutnya projek ini sesuai diperluaskan kepada pengusaha dan penternak lain yang berminat dalam segmen pasaran penghasilan benih ikan bersaiz sehingga ke saiz 3 inci (75mm)

Malah bukan setakat itu sahaja, jelas Zakaria, projek ini turut relevan untuk dipraktikkan kepada pengusaha segmen pasaran lain (penghasilan benih ikan lebih dari 16 hari) dan mereka yang terlibat dalam industri ikan hiasan.

Katanya, dengan adanya kaedah sistemik ini kerana kita dapat memantau perkembangan benih ikan dengan lebih sistemik dan mampu membekalkan benih ikan yang mencukupi kepada para pengusaha dan penternak.

Projek mereka, jelasnya sebenarnya di peringkat paling asas penyediaan benih ikan pada umur 0-15 hari, ini bermakna berjayanya di peringkat ini maka mudahlah tugas untuk pengusaha dan penternak ikan dalam segmen pasaran lain.

Jelasnya dalam tempoh berkenaan adalah waktu "kritikal" kerana menurutnya sekiranya sasaran dan bekalan benih ikan tidak dapat dicapai, ia pastinya menjejaskan segmen pasaran lain.

Mereka berbangga kerana telah berjaya memperkenalkan inovasi selaras dengan saranan kerajaan ingin meningkatkan pengeluaran sektor perikanan negara melalui usaha penambahbaikan dengan membawa teknologi ini ke



Gambaran secara grafik mengenai inovasi ini



Penggunaan paip PVC, antara penyelesaian terakhir kepada inovasi ini

kolam.

Menurutnya lagi, projek tersebut diwujudkan bukanlah untuk memberi persaingan dengan mana-mana pihak, tetapi untuk menyokong dan menghidupkan industri akuakultur terutama pengusaha dan penternak ikan dalam kolam dan sangkar di negeri ini.

Melalui inovasi dari Kumpulan Sejinjang, jelasnya telah memberi mereka penyelesaian kepada berkurangnya sasaran penghasilan benih ikan sebelum ini.

Selain berjaya membangunkan kaedah pemberian makanan ikan secara berkesan, kebanyakan ahli kumpulannya berpuashati apabila

mereka berjaya menepati salah satu piagam pelanggan agensi mereka iaitu membekalkan benih ikan kepada mereka yang memenuhi syarat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penerimaan permohonan.

Tetapi apa yang penting bagi dirinya, usaha mereka ini diharap dapat melihat lebih ramai mereka yang mengusahakan tanah terbiar untuk aktiviti akuakultur di samping merangsang semula industri asuhan ikan.

Selain itu, mereka cuba untuk mengubah persepsi masyarakat mengenai industri akuakultur terutama ternakan ikan dalam kolam mahupun sangkar, kepada yang lebih sistemik, mudah dan moden.

Kumpulan Puteri Sejinjang bersama dengan inovasi mereka telah mendapat pengiktirafan baru-baru ini apabila telah mendapat tempat kedua dalam Konvensyen KMK Sektor Awam 2006 bagi Kategori Teknikal.

### Info-Tambahan

Faedah-faedah lain yang diperolehi daripada inovasi

- Kaedah ini akan membantu industri asuhan benih ikan berkembang dengan mengasuh benih kepada 3 inci (75mm)
- Kaedah ini akan membolehkan tumpuan kepada spesies lain yang berpotensi
- Merangsang industri ternakan ikan sangkar dan kolam
- Peralatan atau ujicuba ini sesuai dijalankan dalam industri ikan hiasan, asuhan ikan dalam kolam dan tangki
- Merangsang perkembangan industri makanan berasaskan laut.
- Penternak ikan dalam sangkar menaruh harapan dan yakin sumber bekalan benih yang dihasilkan
- Merangsang pengusaha hatcheri udang beralih kepada pembenihan ikan atau asuhan benih ikan yang mempunyai sambutan yang mengalakkan.

### Keistimewaan

- Kaedah ini boleh dijalankan secara praktikal di mana-mana pusat pembenihan yang mengendalikan sepsis ikan yang sesuai
- Kaedah ini boleh dijalankan di mana-mana pusat asuhan yang mengendalikan saiz ikan yang kurang dari 2 inci (50 mm)
- Kaedah ini menjimatkan dari segi peralatan, tenaga dan masa



### Harga pasaran ikan (Segmen Pasaran) Tumpuan utama

Induk Ikan	RM500 /ekor
Telur Ikan	RM250/ ekor
Larva Ikan	RM5.00/ juta
Benih 16 hari	RM0.20/ ekor
Benih 1"	RM0.40 / ekor
Benih 2"	RM1.00 /ekor
Benih 3"	RM1.50 /ekor
Ikan dewasa (600 gram ke atas)	RM12.00/Kg & RM18.00/Kg (hidup)

Dalam sektor awam, pengurusan kewangannya melibatkan proses perancangan, pelaksanaan dan pengawalan penggunaan aset dan sumber-sumber kewangan awam.

Ia merangkumi peruntukan pembayaran, pemberian, pengawalan, pengelolaan wang dan aset awam serta tanggungjawab pengurusan mematuhi akta-akta dan peraturan-peraturan pengurusan kewangan selaras dengan dasar kerajaan.

Terdapat tiga aktiviti utama dalam pengurusan kewangan awam iaitu aktiviti kewangan am, aktiviti belanjawan dan aktiviti perolehan.

Aktiviti kewangan am melibatkan pengawalan penerimaan dan bayaran serta penyimpanan wang awam dan peraturan perakaunan.

Aktiviti belanjawan pula merujuk kepada tindakan-tindakan yang diambil bagi mendapatkan peruntukan sama ada untuk belanja mengurus atau pembangunan dan pengawalan perbelanjaan.

Manakala aktiviti perolehan meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja serta pengurusan bekalan yang telah diperolehi termasuk pengurusan kehilangan dan pelupusan.

Sumber kewangan negara adalah terhad berbanding dengan permintaan awam yang sentiasa bertambah.

Oleh itu, ia memerlukan pengurusan kewangan yang mapan. Kerajaan perlu memastikan bahawa setiap ringgit yang diperuntukkan dan dibelanjakan mendatangkan pulangan yang maksimum.

Kawalan kewangan perlu untuk memastikan program dan aktiviti agensi kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan pencapaiannya memenuhi objektif ke arah penyelesaian masalah atau memenuhi keperluan rakyat.

In his book, *Out of the Crisis* (Massachusetts Institute of Technology, Centre for Advanced Engineering Study, second edition, 1986), renowned quality guru W. Edwards Deming took issue with the concept of zero defects, deriding it as an example of management sloganeering with little meaning for the worker on the shop floor. Part of Deming's argument stems from the idea that rating workers is nearly impossible-even if a bottom-line measurement such as defects is used.

As proof, Deming offered his now-famous red bead experiment, in which he filled a large vat with 4,000 beads-20 percent red, the remainder white, all mixed together randomly. Each of six people (workers) puts on a blindfold and draws 50 beads out of the vat. The challenge is to draw out only white beads, which represent "good" products that will be accepted by the customer; red beads are considered as defective products that will be rejected.

Not surprisingly, the six workers had a large variance in the number of red beads drawn-anywhere from four to 15. It's easy to see that rating workers in this way is foolish. If a process has a 20-percent failure rate built into it from the beginning, worker competence is not the issue.

If some workers happen to select fewer defects out of such a flawed system, that doesn't necessarily point to their skill. By the same token, workers who have more defects aren't necessarily inferior to their colleagues. Applying statistical

methods to these figures, one finds that the upper and lower limits of variation in this case would be 16 and one, respectively. Thus, in this case, all six workers would fall within the control limits of the experiment.

Deming's red bead experiment is meant to show the fallacy in judging workers in terms of defects, but in a larger sense, it points out the higher ground that Deming and Crosby both occupy on this issue. Simply put, it's all about management.

Workers may assemble the parts or staff the call centres, but they're not ultimately responsible for the overall quality direction of the enterprise. It's incumbent upon the leadership to create processes that work and result in quality products and services.

## Zero defects in the real world

Human beings aren't perfect. But our processes and systems can approach perfection, even if we can't achieve that state ourselves. The existence of human error is the reason why we install processes and systems in our most important tasks.

But zero defects aren't about perfection. It's about the understanding on the part of every member of the organization-that processes must constantly be improved, and that flawed or defective systems must be reworked and reorganized from the top down.

For those who think that the quest for zero defects is impossible or, at the very least, too difficult or expensive a goal, Crosby had a ready answer: Defects are not inevitable, and they are not acceptable.

Defects are not normally accepted events in life; there's no reason that they should be accepted normally in service or manufacturing organizations. Zero defects have a place in the real world, as the ultimate standard by which all processes should be measured. Settling for less should never be an option.

Extract from : Mike Richman; *Quality Digest Magazine*

## Auditing Customer Communications

An effective customer communication process contributes to the success of any organization's quality management system and ultimately to the success of the organization itself. Conversely, many problems that an organization experiences with its customers can often be traced back to poor communication.

Verifying the effectiveness of customer communication is therefore a critical component for achieving customer satisfaction.

Many organizations sell their products/services through dealers and retailers and may not be receiving orders directly from the end users. It is important in conducting customer communications auditing, the auditor verify how the organization communicates about the quality of its product/service to the end-users and also the mechanism for obtaining a feedback (besides complaints) from the end users. It should be recognized that the needs of the dealers/retailers may at times be different from those of the end users.

ISO 9001:2000 clause 7.2.3 states customer communication refer to the need of the organization to



determine and implement effective arrangements for communicating with customers in relation to :

1. product information,
2. enquiries, contracts or order handling, including amendments, and
3. customer feedback, including customer complaints.

There are a number of other requirements in ISO 9001:2000 where reference is made directly, or indirectly, to customer communication.

- Top management shall ensure that customer requirements are determined and are met with the aim of enhancing customer satisfaction (clause 5.2)
- The organization's review of the requirements related to the

product conducted prior to the organization's commitment to supply a product to the customer (e.g. submission of tenders, acceptance of contracts or orders, acceptance of changes to contracts or orders); (clause 7.2.2).

- Where the customer provides no documented statement of requirement, the customer requirements shall be confirmed by the organization before acceptance (clause 7.2.2); the organization needs to have a system in place to obtain those requirements.
- Authorizing the use of non-conforming product by release or acceptance under concession by a relevant authority and, where applicable, by the customer (clause 8.3 (b)).

Where the organization receives orders from dealers and not the end users, the auditor should establish that the product information available to the end users (pamphlets, brochures, web sites etc) describes the product/service adequately and accurately. The auditor should also try to establish how the customer needs have been identified and product specifications arrived at.

The auditor would verify the product information to confirm that it is readily available to

customers or potential customers and provides information that is up-to-date and accurate.

The auditor could also query, for example, how often advertising material, web sites and product catalogues are reviewed to reflect the organizations current product offerings and services and what measures are taken if a particular product is modified, discontinued or no longer available.

These are some of the following means of an organization's specific customer communication may be observed by the auditor:

### 1. Enquiries, contracts or order handling, including amendments

- quotations
- order forms
- confirmation of order
- amendment to order
- delivery documentation
- invoices
- credit notes
- e-mail & general correspondence
- visit reports or notes to/from customer

### 2. Customer feedback and complaints management process

- Letters in response to complaints
  - Acknowledgments
- There are also further instances where the auditor will experience

the organization's communication with the customer:

- During the ordering process where the customer provides no documented statement of requirement, the organization needs to have a system in place to obtain or confirm these customer requirements before the organization accepts the order.
- During the design/development process there may be considerable communication between the organization and the customer.
- During the process of authorizing the use of non conforming product by release or acceptance under concession by a relevant authority and, where applicable, by the customer

The auditor would use normal trace methods to verify compliance with the customer communications requirements of ISO 9001 and whether the organization communicated effectively with the customer in the execution of the enquiry, contract or order.

Source : ISO 9001 Auditing Practices Group; *International Accreditation Forum, December 2005*

Sedar atau tidak, kita sebagai individu ada hak yang mana hak kita itu diiktiraf dan dilindungi oleh undang-undang tertinggi negara iaitu Prlembagaan Malaysia.

Sebagai individu kita juga berfungsi atau menjalankan fungsi tertentu untuk meneruskan dan menjalankan kehidupan seharian kita.

Untuk itu kita tidak dapat tidak akan memerlukan atau mendapatkan beberapa perkhidmatan atau barangan.

Oleh yang demikian, sebagai individu kita juga adalah pengguna dan sebagai pengguna kita mempunyai hak.

Namun tidak ramai di kalangan kita yang menyedari akan hal ini malah mungkin kita tidak begitu mengendulkannya.

Maka kerana itu kita sering terdengar dan terbaca tentang seseorang itu tertipu atau dianaiya oleh pihak pembekal hanya kerana kita leka dan tidak menjalankan tanggungjawab kita untuk menegakkan hak kepenggunaan yang ada pada kita.

Sebagai pengguna yang bertanggungjawab adalah pengguna yang menyedari hak-haknya sebagai pengguna dan

## Adakah Anda Tahu Akan Hak Anda Sebagai Pengguna?

bertindak dengan penuh bijaksana dan bertanggungjawab.

Lapan hak pengguna yang perlu diketahui dan difahami ialah:

### 1. Hak untuk mendapatkan keperluan asas

Pengguna berhak mendapatkan barang dan perkhidmatan asas bagi menjamin kehidupan yang memuaskan di dunia moden ini.

Keperluan asas ini termasuk makanan yang mencukupi dan selamat, pakaian, perumahan, kemudahan kesihatan dan pendidikan, dan sebagainya

### 2. Hak untuk mendapatkan keselamatan

Pengguna dilindungi daripada pemerosesan dan pemasaran barang serta perkhidmatan yang boleh membahayakan pengguna.

### 3. Hak untuk mendapatkan maklumat

Pengguna mesti diberi maklumat yang mencukupi dan tepat untuk memudahkannya membuat keputusan yang bijak.

Pengguna hendaklah dilindungi juga daripada dakyah pengiklanan, pelabelan dan amalan lain yang palsu, penipuan dan penyelewengan.

### 4. Hak untuk membuat pilihan

Pengguna dipastikan mendapat maklumat langsung mengenai pelbagai keluaran dan perkhidmatan.

Pengguna perlu diberikan penerangan yang dapat memberi pilihan dalam membuat keputusan.

Perlu ada jaminan bagi menentukan mutu dan perkhidmatan memuaskan dengan harga yang berpatutan.

### 5. Hak untuk bersuara

Ini bagi memastikan kepentingan pengguna mendapat pertimbangan yang sewajarnya dalam penggubalan dasar kerajaan dan tindakan yang cepat serta saksama daripada pentadbiran pengadilan.

### 6. Hak untuk mendapatkan ganti rugi

Pengguna berhak mendapat penyelesaian untuk pembelian keluaran yang cacat atau berbahaya ataupun perihal dagangannya yang 'mengelirukan serta pampasan bagi perkhidmatan yang menyeleweng atau tidak menepati perjanjian.

Ganti rugi harus diberi bagi keluaran atau perkhidmatan yang mengakibatkan kecederaan kepada pengguna yang menggunakan keluaran atau perkhidmatan itu mengikut arahan pengeluar.

Ganti rugi juga wajib diberikan kepada pengguna yang menjadi mangsa akibat kecuaiannya majikan.

### 7. Hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna

Pengguna berhak mendapat pendidikan pengguna yang mencukupi dan berterusan. Ini kerana sistem pendidikan lazimnya tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada pendidikan pengguna.



Falsafah pendidikan pengguna masa ini lebih cenderung melatih pelajar menjadi pekerja atau majikan yang berkesan dan kurang melatih bagaimana hendak menjadi pengguna yang bijak.

### 8. Hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat

Pengguna berhak hidup dan bekerja dalam alam sekitar yang bersih dan sihat serta bebas daripada sebarang keadaan yang berbahaya.

Hak ini diperjuangkan oleh pengguna kerana kadar pencemaran kian meningkat dan adanya unsur alam semula jadi yang semakin pupus atau dimusnahkan.

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Secara umumnya, dasar kepenggunaan negara untuk setiap individu rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat adalah berpandukan kepada falsafah kepenggunaan dan kesedaran oleh setiap individu tersebut mengenai tanggungjawab sebagai seorang pengguna di Malaysia.

Antara falsafah umum kepenggunaan ialah:

- Mewujudkan sifat berdikari di kalangan para pengguna iaitu: "Perlindungan Paling Berkesan ialah Perlindungan Sendiri."
- Mewujudkan pembangunan berorientasikan kepada menunaikan keperluan asas manusia melalui kuasa beli kita sebagai pengguna bagi mewujudkan satu kebudayaan hidup yang sesuai, bahagian dan tidak membazir. Para pengguna bolehlah merujuk kepada senarai di bawah sama ada mereka mempraktikkan tanggungjawab mereka sebagai pengguna atau tidak walaupun tanpa disedari:
- Kesedaran untuk mengkritik Pengguna mestilah mempunyai kesedaran untuk mengkritik jika berlaku sebarang penyalahgunaan atau penyelewengan terhadap hak-hak pengguna.
- Penglibatan dan tindakan Pengguna mesti terlibat dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan hak-hak pengguna dilayani dengan adil.
- Tanggungjawab sosial Pengguna mesti bertindak dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran terhadap masyarakat supaya tindak-tanduk yang diambil tidak menimbulkan kesulitan yang lebih besar.
- Bersatu padu Pengguna mesti bersatu dan bekerjasama dalam tindakan agar kepentingan mereka tidak mudah digugat.

### Rasional Dasar Pengguna Negara

Dasar Pengguna Negara

(DPN) diperlukan sebagai prinsip dan panduan dalam menggubal undang-undang berkaitan perlindungan pengguna. DPN juga wajar digunakan dalam penggubalan mana-mana dasar ekonomi atau sosial negara.

Dasar ini adalah asas kepada segala kegiatan kepenggunaan oleh Agensi Kerajaan, Persatuan Pengguna, badan bukan Kerajaan yang lain dan sektor swasta supaya perkembangan kepenggunaan yang lestari (sustainable) dapat dipupuk di negara ini.

DPN diperlukan dalam menghadapi kesan globalisasi terhadap pengguna, pembekal/pengilang dan Kerajaan.

Kepelbagaian barangan dan perkhidmatan serta kecanggihan teknologi kesan dari globalisasi mengubah aspek perundangan, ekonomi, strategi perdagangan dan sosial sesebuah negara.

DPN diperlukan bagi mewujudkan masyarakat pengguna yang mempunyai perlindungan sendiri iaitu bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggungjawab, mampu mempengaruhi aktiviti golongan pembekal/pengilang dan sensitif terhadap segala tingkahlakunya yang mempengaruhi keadaan ekonomi dan sosial negara.

DPN diperlukan bagi mewujudkan masyarakat pembekal/pengilang yang mempunyai kawalselia sendiri, iaitu bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesejahteraan pengguna.

DPN diperlukan bagi mencapai Wawasan Kerajaan dalam menggalakkan masyarakat pengguna dan pembekal/pengilang yang sentiasa prihatin dan berpengetahuan mengenai hak dan tanggungjawab masing-masing serta berganding bahu bagi mencapai kemakmuran negara seluruhnya.

### Matlamat Dasar Pengguna Negara

- Meningkatkan Kebajikan dan Kesejahteraan Pengguna Matlamat utama DPN ialah untuk meningkatkan kebajikan

## Dasar Pengguna Negara (DPN)

dan kesejahteraan pengguna supaya menjadi pengguna yang bertanggungjawab dan berupaya melaksanakan hak pengguna untuk memilih dan bersuara. Meningkatkan keseimbangan kuasa berunding, maklumat yang sahih dan mencukupi, serta keseimbangan kualiti/pulangan antara pengguna dengan pembekal/pengilang.

### 2. Meningkatkan Kesejahteraan Sosio-Ekonomi

Mewujudkan dan menjamin kesejahteraan sosio-ekonomi di kalangan anggota masyarakat melalui amalan perdagangan yang bertanggungjawab berasaskan kepada hak-hak dan kepentingan pengguna iaitu hak untuk mendapatkan keperluan asas, membuat pilihan, mendapat maklumat, gantirugi, keselamatan, menyuarakan pendapat, mendapat pendidikan pengguna dan hidup dalam alam sekitar yang menjamin kesihatan.

### 3. Meningkatkan Amalan Penggunaan Lestari

Meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam mengurus sumber-sumber yang terhad untuk menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial. Penggunaan lestari menggalakkan berbelanja dengan berhemat, menggunakan sumber semulajadi dan kemudahan asas seperti air dan tenaga dengan berhemat, serta memelihara kesejahteraan dan kebajikan pengguna generasi semasa dan generasi akan datang.

Strategi-strategi berikut boleh dilaksanakan bagi tujuan pencapaian matlamat DPN :

### Meningkatkan Kualiti Kehidupan

Taraf kepenggunaan berkait rapat dengan taraf kualiti kehidupan. Faktor-faktor yang menyumbang

dalam peningkatan taraf kualiti kehidupan termasuklah kemudahan asas yang mencukupi, perumahan yang mencukupi, kemudahan kesihatan yang mampu dinikmati oleh semua golongan masyarakat, jaminan makanan yang berzat, kemudahan pendidikan seperti sekolah dan perpustakaan kepada semua golongan masyarakat, serta kemudahan teknologi maklumat yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam mencapai penggunaan lestari.

### Meningkatkan Perlindungan Kendiri

Mewujudkan badan khas yang bebas untuk mengendalikan isu-isu kepenggunaan yang dianggotai oleh pihak Kerajaan, pengguna dan pembekal/pengilang.

Mewujudkan pusat maklumat pasaran yang lengkap berkenaan barangan dan perkhidmatan di setiap daerah.

### Meningkatkan Sokongan dan Bantuan Terhadap Pergerakan Kepenggunaan

Kemajuan dan keberkesanan pergerakan pengguna berkait rapat dengan sokongan masyarakat, kedudukan kewangan, keberkesanan tenaga penggerak yang mengendalikan gerakan kepenggunaan dan sokongan Kerajaan. Sumbangan dan sokongan yang diberikan sudah tentu dapat membantu persatuan dalam usaha mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti kepenggunaan.

### Menggalakkan Penyertaan Persatuan Pengguna Dalam Pembentukan dan Pelaksanaan Program Agensi Kerajaan Di Peringkat Negeri dan Daerah

Menggalakkan penyertaan Persatuan Pengguna dalam pembentukan dan pelaksanaan program kepenggunaan di peringkat negeri dan daerah. Persatuan Pengguna boleh menjadi saluran utama untuk pengguna



mengemukakan aduan dan pandangan dengan lebih cepat dan berkesan untuk tindakan sewajarnya, contohnya melalui penyertaan dalam jawatankuasa tertentu diperingkat Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### Pemantapan Undang-Undang Perlindungan Pengguna

Kerajaan hendaklah terus memainkan peranan untuk melindungi dan mengimbangi kepentingan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan pembekal/pengilang. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu :

- Memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan agensi penguatkuasaan di Kementerianannya supaya tindakan yang berkesan dapat dilaksanakan. Penguatkuasaan boleh dibantu oleh Persatuan Pengguna.
- Meminda undang-undang yang sedia ada dari masa ke semasa dengan mengenakan tindakan sivil dan jenayah yang setimpal untuk mengawal kegiatan-kegiatan perdagangan yang tidak bertanggungjawab.
- Menggubal undang-undang baru dengan mengambilkira kesan globalisasi, liberalisasi perdagangan dan penggunaan lestari.
- Memastikan setiap undang-undang yang berkait dengan pengguna mengandungi peruntukan yang menjamin kebajikan dan kesejahteraan pengguna.

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

# Inflasi dan Implikasinya Kepada Kita

Oleh Ummi Edarwati binti Mahari

Inflasi atau kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang berlaku secara berterusan merupakan suatu masalah ekonomi yang lazim kita dengar.

Secara amnya, kadar inflasi akan meningkat dalam suasana ekonomi yang pesat disebabkan oleh peningkatan jumlah permintaan barangan dan perkhidmatan berbanding jumlah penawaran.

Selain itu, kadar inflasi juga akan melonjak disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran yang biasanya berlaku akibat daripada peningkatan harga komoditi utama.

## Jenis dan Punca Inflasi

### 1. Inflasi Tarikan Permintaan

Berlaku apabila bekalan barangan dan perkhidmatan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Ia berpunca daripada pertambahan permintaan secara tiba-tiba dalam jangkamasa pendek. Pengeluar kesuntukan masa untuk menambah pengeluaran bagi memenuhi permintaan. Peniaga pula mengambil kesempatan untuk memperolehi keuntungan yang lebih.

### 2. Inflasi Tolakan Kos

Berlaku apabila kos pengeluaran meningkat. Pengeluar akan memindahkan kos yang ditanggungnya kepada pengguna dengan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan untuk mengekalkan keuntungan.

### 3. Inflasi Bekalan Wang

Berlaku apabila bekalan wang meningkat melebihi bekalan barangan atau perkhidmatan dalam pasaran. Inflasi ini biasanya berlaku semasa peperangan. Wang yang banyak dicetak untuk membiayai perbelanjaan peperangan. Wang yang akhirnya menyebabkan inflasi. Oleh itu adalah penting untuk memastikan peningkatan bekalan wang pada tahap tertentu bersesuaian dengan barangan dan perkhidmatan yang ada di pasaran setiap masa.

### 4. Inflasi Pentadbiran Harga

Berlaku apabila hanya terdapat sebuah syarikat (monopoli) atau sebilangan kecil syarikat (oligopoli) yang membekalkan barangan atau perkhidmatan, pengeluar biasanya mempunyai kuasa untuk menentukan harga. Jika pengeluar menggunakan kuasa itu, harga akan meningkat. Pengguna tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membeli pada paras harga yang ditentukan oleh pengeluar atau pembekal. Pengeluar atau pembekal berkemungkinan akan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan untuk menikmati keuntungan yang lebih besar sama ada kos meningkat atau tidak.

Harga sedemikian dipanggil harga pentadbiran.

### 5. Inflasi Yang Diimport

Faktor-faktor luar negara juga boleh menyebabkan inflasi. Apabila kos bahan-bahan mentah, barang siap atau perkhidmatan yang diimport dari luar negara meningkat, ia akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran tempatan meningkat tanpa mudah disedari. Kenaikan harga barangan import boleh berlaku secara langsung iaitu inflasi yang berlaku di negara pengeksport atau tidak langsung melalui perubahan kadar pertukaran wang asing yang memihak kepada negara pengeksport.

### Kesan-kesan Inflasi

Inflasi banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi dan penduduk sesebuah negara.

Kadar inflasi yang tinggi akan meningkatkan kos hidup rakyat dan ini akan mengurangkan taraf hidup mereka.

Agihan faktor-faktor pengeluaran juga tidak cekap dan akan merugikan ekonomi berkenaan.

Bagi individu, inflasi akan mengurangkan pendapatan benar mereka.

Keadaan ini menjadi serius jika kadar kenaikan harga atau kadar inflasi jauh lebih tinggi daripada kadar kenaikan pendapatan wang individu berkenaan.

Pengurangan pendapatan benar akan berlaku dengan ketara



kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan tetap.

Sewaktu ekonomi menghadapi inflasi, kesan agihan amat dirasai. Bagi mereka yang menabung, yang menerima pencen, yang memiliki bon dan polisi insuran, nilai sebenar (dalam ertikata kuasabeli wang) tabungan, nilai pencen, nilai bon atau polisi insuran mereka merosot.

Ini kerana sewaktu inflasi, kadar faedah benar adalah rendah dan mungkin negatif berbanding dengan keadaan tanpa inflasi.

Bagi mereka yang berhutang dan yang memberi hutang agihan semula pendapatan juga akan berlaku.

Bagi yang berhutang, mereka beruntung kerana nilai benar wang bayaran hutang yang dijelaskan sudah menurun berbanding keadaan sebelumnya.

Yang memberi hutang pula akan rugi kerana nilai benar bayaran hutang yang diterima menjadi rendah daripada keadaan tanpa inflasi. Inflasi juga akan memberi kesan kepada pelaburan dalam negara.

Dengan meningkatnya paras harga, pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang dieksport boleh kehilangan daya saing.

Dengan kehilangan daya saing ini, pendapatan eksport akan menurun dan ini akan mengurangkan pelaburan dalam industri-industri berkenaan.

### Cara Menangani Inflasi

Menyedari akan semua ini, terdapat beberapa perkara yang dapat kita lakukan bagi menghadapi inflasi.

Oleh kerana inflasi boleh menjejaskan pendapatan benar, terutama bagi mereka yang menerima pendapatan tetap, maka usaha dan ikhtiar perlu dicari untuk menambahkan pendapatan sedia ada.

Para peniaga pula dapat mengurangkan impak inflasi dengan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan.

Langkah ini hanya mengatasi inflasi di peringkat mikro (isi rumah) sahaja tetapi akan memberikan kesan yang lebih buruk dari sudut makroekonomi.

Bagi melindungi nilai simpanan mahupun pelaburan daripada kesan inflasi, simpanan dan pelaburan mestilah diletakkan di tempat yang memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada kadar inflasi semasa.

Menyimpan dalam bentuk aset seperti dengan membeli emas dan hartanah adalah antara langkah lain yang dapat diambil.

Walau apapun langkah yang boleh diambil, berbelanja mengikut keperluan dan tidak mengikut nafsu adalah langkah paling bijak yang dapat kita laksanakan selaku pengguna.

# Menilai Risiko Pelaburan

oleh Syarifah Hazlina Binti Wan Alias & Ummi Edarwati binti Mahari

Sebelum melaksanakan sesuatu pelaburan, seseorang individu perlu mengetahui bahawa semakin tinggi pulangan yang diperolehi dalam sesuatu pelaburan, maka semakin tinggi risiko yang perlu mereka hadapi.

Risiko bermakna mengambil sesuatu langkah yang tidak pasti iaitu tiada jaminan hasil langkah yang diambil itu akan memihak kepada kita atau sebaliknya.

Setiap individu akan sentiasa berhadapan dengan risiko kerugian apabila terlibat secara langsung sama ada dalam membeli atau menjual sesuatu produk pelaburan.

Bezanya hanya dari segi tahap risiko yang dihadapi itu sendiri yang mungkin berbeza di antara satu produk dengan produk yang lain.

Keseimbangan antara risiko dan ganjaran berkait langsung dengan setiap keputusan pelaburan yang dibuat.

Produk yang menjanjikan pulangan paling banyak seperti saham misalnya merupakan pelaburan yang paling berisiko. Ini kerana kemungkinan seseorang individu untuk hilang wang pelaburan adalah tinggi.

Begitulah sebaliknya dengan produk kewangan yang dianggap "selamat" seperti simpanan di bank yang memberi pulangan kecil dan mantap.

Kemungkinan wang untuk hangus adalah kecil sekali kerana pelaburan seperti ini mempunyai risiko rendah. Ini dikatakan sebagai keseimbangan antara risiko dan

ganjaran dalam pelaburan.

Dalam merancang sesuatu pelaburan, setiap individu yang ingin melabur seharusnya mengenalpasti terlebih dahulu risiko yang mungkin bakal mereka hadapi dalam bidang pelaburan itu sendiri.

Terdapat beberapa jenis risiko pelaburan yang perlu diambil kira oleh bakal pelabur sebelum terlibat dalam pelaburan bidang ini.

Di antara risiko yang mungkin akan dihadapi oleh pelabur dinamakan risiko asas yang meliputi semua jenis pelaburan.

Risiko jenis ini wujud dalam mana-mana perniagaan dan dipengaruhi oleh tahap kecekapan pengurusan syarikat dan kedudukan syarikat dalam arus persaingan pasaran.

Cara terbaik untuk meminimumkan kesan risiko ini ialah dengan mempelbagaikan pelaburan iaitu melabur dalam syarikat lain, industri yang berbeza dan dalam lingkungan kelas aset yang sama.

Yang kedua ialah risiko pasaran, juga dikenali sebagai risiko teknikal. Ia berkaitan dengan keadaan pasaran di mana seseorang itu membuat pelaburan.

Ini membabitkan faktor-faktor ekonomi seperti kitaran perniagaan, inflasi dan pengangguran.

Umpamanya, dalam sesuatu tempoh tertentu ekonomi, pasaran hartanah mungkin mempunyai prestasi lebih baik berbanding pasaran saham.

Untuk menguruskan risiko pasaran, adalah bijak sekiranya seseorang itu mempelbagaikan pelaburan di kalangan sesuatu kumpulan aset dan mengawasi

keadaan ekonomi negara untuk mengenal pasti syarikat yang berpotensi untuk berjaya dan syarikat yang mungkin merudum.

Selain itu, terdapat juga risiko lain iaitu risiko dari segi kadar faedah. Ini kerana kadar faedah juga memberi kesan kepada pasaran saham.

Risiko inflasi juga adalah salah satu daripada risiko pelaburan yang bergerak pantas dan menghakis nilai pelaburan itu sendiri. Ia juga merupakan risiko kuasa belian.

Jadi, seseorang pelabur harus mencari saham, hartanah dan pelaburan yang akan mengatasi kadar inflasi dalam jangka masa tertentu.

Antara risiko pelaburan yang lain ialah risiko kecairan. Simpanan di bank adalah antara risiko kecairan paling rendah manakala pelaburan hartanah pula mempunyai risiko kecairan paling tinggi.

Saham dan unit amanah juga mempunyai kecairan yang baik kerana, selepas menjualnya seseorang pelabur hanya perlu menunggu beberapa hari bekerja sahaja untuk mendapat wang.

Dengan adanya pelbagai jenis risiko pelaburan ini, seharusnya setiap pelabur itu sendiri perlu sentiasa berhati-hati dalam membuat sesuatu tindakan dalam pelaburan.

Ini kerana kebiasaannya pelaburan melibatkan sejumlah wang yang besar.

Oleh yang sedemikian, sekiranya seseorang pelabur terlibat dengan risiko yang sedemikian, ini akan memberi kesan yang besar kepada diri mereka.


## Jenis-Jenis Pelaburan

Jenis Pelaburan	Risiko/Kesan
<b>Stok saham</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Apabila prestasi syarikat merosot, harga saham mungkin akan jatuh dan anda mungkin tidak akan menerima sebarang dividen.</li> <li>Prestasi pasaran saham secara keseluruhan dan keadaan ekonomi negara juga akan mempengaruhi harga saham dan ini mungkin akan menjejaskan harga pasaran saham.</li> </ul>
<b>Bon</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Risiko kadar faedah dan risiko harga tetap dikaitkan dengan pembelian bon memandangkan harga bon sentiasa turun naik mengikut harga pasaran.</li> <li>Secara amnya, apabila kadar faedah naik, harga bon akan turun dan sebaliknya.</li> </ul>
<b>Waran dan Hak Langganan Boleh Pindah (TSR)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu diingat, bahawa waran tidak lagi bernilai lagi selepas tempoh masa yang ditetapkan.</li> </ul>
<b>Kontrak Hadapan, Niaga Hadapan dan Opsyen</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hasil pulangan hanya bergantung kepada harga di pasaran saham.</li> </ul>
<b>Amanah Saham</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kepelbagaian dapat mengurangkan risiko, namun tidak dapat menghapuskannya sama sekali.                         <ul style="list-style-type: none"> <li>Anda perlu ingat bahawa rekod prestasi dana boleh dijadikan panduan kepada prestasi akan datang tetapi ia bukanlah satu jaminan. Melabur dalam amanah saham boleh memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan simpanan bank tetapi risikonya juga lebih tinggi.                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelabur juga akan dikenakan beberapa bayaran. Oleh itu adalah penting anda mengkaji pelbagai yuran yang akan dikenakan kepada anda oleh pengurus dana. Pengurusan yang tidak cekap boleh membawa kepada kos pentadbiran yang tinggi, jadi adalah penting anda meneliti pelbagai yuran yang dikenakan ketika memilih dana.</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>

# UNSTRESS YOURSELF

with **PUZZLES & JOKES**

(Puzzle No. 40)



The answer to this crossword puzzle is in dual language (Bahasa Malaysia & English)

- Across**
- 3 National Park known as the Home of Rafflesia
  - 4 A traditional attire for Malay men. A loose tunic worn over trousers. It is usually completed with a samping
  - 7 The world's largest crude oil-producing country
  - 8 Fuel made with vegetable oils, fats, or greases - such as recycled restaurant grease
  - 11 Made through the process of dyeing fabric by making use of a resist technique; covering areas of cloth with a dye-resistant substance to prevent them absorbing colours
  - 13 Acronym for meeting, incentive, convention and exhibition
  - 15 Famous with its 'Kejor Yop Kejor' slogan
  - 16 A place in Johor famous with its pineapple
  - 18 A knee-length loose-fitting Malay blouse that is usually worn over a long skirt with pleats at the side
  - 21 Fascinating Malay martial art is also an international sport and traditional
  - 22 A fine example of Dutch masonry and woodworking skills. Built between 1641 and 1660 it is believed to be the oldest building in the East
  - 24 A black-coloured gourd-shaped clay jar typically used to store water. The state of Perak is renowned for this type of pottery
  - 27 A city with two city administrative
  - 28 Malaysia's most popular traditional dance
  - 30 The longest river in the world
  - 31 A traditional ball game in which a ball made by weaving strips of bamboo or rattan together is passed about using any part of the body except the lower arms and hands
  - 32 One of the Federal Territories in Malaysia
  - 34 Malaysian Second Prime Minister
  - 35 Located the royal town of Kuala Kangsar. Built in 1926, it is the only Malay palace with bamboo walls
  - 12 A three-piece brooch set traditionally used to pin the lapels of the baju kebaya together
  - 14 Famously from the state of Penang. Literally translated as "The Giant Flags Procession"
  - 17 Food haven of Malaysia
  - 19 Known as Land Below the Wind
  - 20 Comfortable and elegant, the traditional dress preferred by the Chinese ladies
  - 23 The 13<sup>th</sup> Yang DiPertuan Agong of Malaysia
  - 25 Number of Malay Sultans in Malaysia
  - 26 Where you can get Songket Sarawak
  - 27 The most popular Malay traditional musical instrument. Widely used in a variety of social occasions such as the National Day parades, official functions and weddings
  - 29 Traditional dance that originating from Patani in Southern Thailand and it was conceived to entertain female royalty, queens and princesses
  - 33 Most popular website among Malaysian government agency in 2006
- Down**
- 1 Traditional Sarawakian textile. Made from individually dyed threads on a back strap loom
  - 2 Associated with 40<sup>th</sup> Anniversary
  - 5 Notable example of Portuguese architecture in Malaysia
  - 6 King of the fruits
  - 9 The Largest Natural Lake in Sarawak
  - 10 The traditional lute of the Orang Ulu community. A wood carving masterpiece with colourful motifs and it is made by hollowing a length of wood

Please fill in the correct answer. The first three winners will each receive a copy of the Sarawak Gazette *Delima* Edition. Three other winners will each receive a mystery gift.

Please mail (no fax copies please) the original copy of the Quiz to Faradale Media-M Sdn. Bhd., 2<sup>nd</sup> Floor, Lot 2749, Block 10, Central Park Commercial Centre, 2 1/2 Mile, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, 93200 Kuching, to reach us latest by **1<sup>st</sup> February 2007**.

**Please mark your envelope with "Puzzle No. 40" on the top left corner** The judges' decision is final and no correspondence will be entertained.

All entries must complete the particulars below :

1. Contestant's Full Name :	2. IC No. :
-----	-----
(as in your IC)	
3. Correspondence Address :	4. Telephone contact no. :
(please fill in 3(a) if you are in the Civil Service)	(i) Office : -
(a) Department/ agency : -	-----
-----	(ii) Mobile : -
-----	-----
-----	(iii) Resident : -
-----	-----
(b) Postcode : -----	
(City/Town)	

Editorial Line-up

<b>Advisor:</b> Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain (State Secretary)	<b>Editorial Members:</b> Datuk Hj. Md. Morshidi Abdul Ghani Datu Abdul Ghafur Shariff Datin Eileen Yen En. William Nyigor	Puan Dewi Rahmaz bt. Majidi En. Ismawi Hj. Ismuni En. Hang Tuah Merawin Pn. Asmah Othman
---	--	---

## Keeping your TOP TALENT



In today's competitive market, job-hopping has become the rule rather than the exception and the industry's best and brightest are receiving multiple job offers.

How can you prevent valued employees from heading for greener pastures? Keeping salaries competitive is a good start, but money shouldn't be your only retention tool. The key is to be creative. Here are some clues to ensure your star performers stay happy:

### Look for red flags

Don't assume your employees are content because you don't hear rumblings. All too often, the first sign of dissatisfaction is a resignation letter. Regularly touch base with your staff to determine their feelings regarding workloads and office dynamics. This can alert you to possible warning signs that may be affecting morale.

### Tailor incentives to the individual

There is no "one-size-fits-all" formula for developing the perfect compensation and benefits package. Be as flexible as you can with the incentives you offer. For example, if a key staff member has a lengthy commute, consider offering flexitime. The more you can adapt to your top performers' needs, the more likely you'll retain these key players.

### Build many ladders

Establish a customized career path for each employee. Make sure there are multiple opportunities for professional advancement that entail various responsibilities.

### Create challenge

If employees feel they've hit a career plateau, they'll be more inclined to leave. Give them challenging assignments that stimulate their minds and affect your organization. Additionally, encourage your staff to attend trade shows and industry events, and support their continuing education efforts.

### Emphasize the positive

"Selling" your firm shouldn't stop the minute a employee signs on the dotted line. Continuously accentuate the benefits of working for your company. When you receive rewards, accolades or media mentions, for example, share that information with your staff.

### Keep on the cutting edge of technology

Invest in the best equipment your budget allows so your staff feel equipped to deliver the best results possible.

### Avoid overloading employees

Often, the superstars of an organization are the first to burn out since they're entrusted to manage many key projects and may have difficulty turning down requests. Avoid the temptation to channel too many tasks to key players. Instead offer your most creative, high profile jobs as rewards and promote balanced workloads.

### Recognize their work

Never underestimate the power of praise. Let them know their contributions are valued, recognized and appreciated.

Your top performers give your firm its competitive edge. By taking proactive steps to keep your team professionally challenged and fulfilled, you'll reduce turnover and ensure consistency in the quality of your work.

Source : The Creative Group - Marketing and Advertising Professional

## WORDSMITH'S TOOLBOX



Being able to use the right words for the right occasion, writing or saying them correctly in the proper context...it's a skill that anyone aspiring to be a "better communicator" must learn to acquire and constantly, improve on. As the line in that popular song, "Words", by the Bee Gees says: "It's only words, and words are all I have to take your heart away..."

the right words are the key to bridging that communication gap and bringing people closer and working well with each other. So, from our wordsmith's toolbox, here are some tips on how we can make "words work for us"....

### What is it called when two words have the same spelling but different meanings?

Words that have the same spelling but different meanings (such as "bear") are called **homographs**.

**Homographs** usually have different pronunciations ("wind") and origins, too. The word **homograph** derives from *homo-* 'same' and *-graph* 'written form'. In dictionaries, words with identical spellings but different etymologies or meanings are entered separately, and usually the headwords have superscript (raised) numbers.

Often the order of the **homographs** is historical: the one first used in English is entered first. But dictionaries want to keep related words close to each other, so if a **homograph** is derived from an earlier **homograph** by functional shift, many dictionaries would place it immediately after its parent.

In such a case, a **homograph** might appear ahead of another that is older in usage.

Source : Dictionary.com Word & FAQs

IN PRISON	AT WORK
You spend the majority of your time in an 8X10 cell.	You spend most of your time in a 6X8 cubicle.
You get three meals a day (free).	You only get a break for one meal and you have to pay for it yourself.
You get time off for good behavior.	You get rewarded for good behavior with more WORK.
A guard locks and unlocks the doors for you.	You must carry around a security doors for you. card and unlock open all the doors yourself.
You can watch TV and play games.	You get fired for watching TV and playing games.
They allow your family and friends to visit.	You cannot even speak to your family and friends.
All expenses are paid by taxpayers with no work at all.	You get to pay all the expenses to go to work and then they deduct taxes from your salary to pay for the prisoners

So ... which one do you prefer?